

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

<b>Bil. 13</b>	<b>Selasa</b>	<b>23 Jun 2015</b>
----------------	---------------	--------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>USUL-USUL:</b>		
Waktu Mesyuarat dan Urusan		
Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	28)
Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020	(Halaman	32)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Selasa, 23 Jun 2015**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Boon Som A/L Inong** minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kerajaan bercadang mengkaji semula pelaksanaan skim Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) supaya bantuan yang diberikan digantikan dengan cara melaburkan wang terbabit atas nama penerima BR1M yang sama dalam perniagaan yang menguntungkan dan membolehkan mereka menerima dividen pada setiap tahun tanpa kerajaan perlu mengeluarkan peruntukan baharu.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) adalah bermatlamat untuk membantu meringankan hidup rakyat berpendapatan rendah bagi membeli barang-barang keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain. Bantuan ini diberikan secara menyeluruh kepada semua yang layak tanpa mengira kaum, agama, mahupun latar belakang politik. BR1M juga akan meningkatkan perbelanjaan rakyat seterusnya membantu dalam memacu ekonomi dan menjana pertumbuhan perniagaan domestik.

Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk menukarkan bantuan BR1M menjadi satu bentuk pelaburan kepada penerima BR1M. Walau bagaimanapun, kerajaan mengambil maklum cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berbahagia Senator.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Soalan tambahan saya, apakah BR1M ini dapat untuk membantu penerima BR1M yang berada di bawah status kemiskinan untuk dikeluarkan daripada paras kemiskinan berkenaan? Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya kalau kita melihat daripada segi kriteria untuk BR1M dia ada tiga kriteria iaitu jumlah pendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah, isi rumah RM3,000 hingga RM4,000 dan untuk individu bujang RM2,000 ke bawah. Ini bermakna kebanyakan kriteria yang ditetapkan oleh BR1M adalah bukan mengikut paras kemiskinan. Ia bertujuan untuk menukar subsidi yang kerajaan ada dahulu. Kita mempunyai subsidi *blanket* di mana kebanyakan subsidi tidak tersasar. Maka ia menjadi isu kerana ada yang mungkin kaya menikmati lebih banyak subsidi.

Maka tujuan BR1M diadakan selain daripada meringankan beban golongan berpendapatan rendah, antara gaji yang mempunyai isi rumah di antara RM3,000 hingga RM4,000, dia bukan dalam kategori miskin tetapi kategori yang perlu ditolong seperti di dalam RMKe-11 yang ditetapkan oleh kerajaan di mana B40 akan kita titik beratkan. Maka BR1M yang dilaksanakan ini adalah untuk menolong meringankan beban-beban keluarga di mana kriteria mereka itu adalah memenuhi dan sebenarnya World Bank dan IMF mengatakan golongan yang kita memberi subsidi dengan terus adalah lebih bermanfaat daripada kalau dibandingkan dengan *blanket subsidy*. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang seterusnya. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian kalau BR1M itu kita fokuskan kepada golongan yang berpendapatan rendah untuk menggantikan subsidi seperti yang dikatakan tadi. Apakah di sana ada rancangan khusus di pihak kerajaan? Ini kerana hari ini yang dikatakan terbeban dengan masalah kenaikan kos golongan yang berpendapatan sederhana dan kerajaan sekarang ini hendak melonjakkan negara ke arah 40% golongan sederhana ini. Apakah ada pendekatan yang sama kepada golongan berpendapatan sederhana ini? Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat. Sebenarnya untuk golongan berpendapatan sederhana seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, memang dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ia akan dititikberatkan dengan pelbagai program dengan tujuan untuk melonjakkan atau meningkatkan pendapatan purata untuk B40.

Saya yakin dengan pelaksanaan projek ini iaitu RMKe-11 di mana buat kali pertama kita melihat ia diletak sebagai satu matlamat dalam RMK yang saya melihat adalah secara *inclusive* untuk memastikan walaupun kita mendapat pendapatan per kapita yang tinggi golongan terutamanya B40 juga diberi pengkhususan supaya boleh juga bersama-sama menikmati arus pembangunan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**2. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, jumlah kes-kes siasatan dan pendakwaan yang dijalankan sehingga 31 Mei 2015 mengenai kesalahan dan ketidakpatuhan serta eksploitasi peniaga-peniaga dalam pelaksanaan Sistem Cukai Barangan dan Perkhidmatan yang bermula 1 April 2015.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengajukan soalan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

■1010

Tuan Yang di-Pertua, terdahulu izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan enam lagi pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain

bin Tan Sri Omarkin pada 25 Jun; Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah; Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan; dan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai pada 1 Julai; dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman pada 7 Julai kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu langkah penguatkuasaan berkaitan pencatutan yang dilaksanakan oleh kementerian sejak pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan bermula pada 1 April yang lalu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan terus bertindak ke atas peniaga kerana menaikkan harga barangan dan perkhidmatan mulai gerak gempur anti pencatutan menerusi Ops Catut fasa kedua sejak GST mula dilaksanakan.

Sehingga 22 Jun 2015, sebanyak 526,703 pemeriksaan telah kita jalankan. Daripada jumlah ini sebanyak 1,491 Kertas Siasatan telah dibuka dengan nilai rampasan berjumlah RM248,562.50 sen serta nilai kompaun berjumlah RM236,420. Di samping itu, sebanyak 1,251 Notis telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan.

Dalam tempoh yang sama, sebanyak 64 Kertas Siasatan atas kesalahan-kesalahan mencatut telah dihasilkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang melibatkan sebanyak 34 Kertas Siasatan di bawah seksyen 14(1) kerana kesalahan mencatut. Sebanyak 28 Kertas Siasatan di bawah seksyen 21(5) kerana enggan ataupun gagal memberi maklum balas kepada notis yang dikeluarkan. Dua Kertas Siasatan di bawah seksyen 53A kerana tidak menyimpan dan menyelenggarakan rekod.

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan kes telah dituduh di mahkamah di bawah Akta 2011 seperti berikut:

- (i) tujuh kes telah selesai di mahkamah serta telah dijatuhkan hukuman denda dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM268,000 iaitu dua kes di Melaka dan masing-masing satu kes di Negeri Sembilan, Kelantan, Kuala Lumpur, Johor dan juga Selangor;
- (ii) dua kes telah dituduh dan masih belum selesai iaitu masing-masing satu kes di Selangor dan di Pulau Pinang;
- (iii) tiga kes telah dikompaun iaitu masing-masing satu kes di Pulau Pinang sebanyak RM5,000, di Melaka RM80,000 dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur RM5,000 dan jumlah nilai kompaun terkumpul ialah sebanyak RM90,000.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mendapati bahawa setakat ini peniaga-peniaga yang telah diambil tindakan oleh kementerian tidak lagi mengulangi kesalahan yang pernah dilakukan. Dengan ini, boleh dikatakan kesedaran telah sedikit sebanyak wujud di kalangan peniaga-peniaga dan yang telah diambil tindakan.

Dalam mempertingkatkan lagi tahap kesedaran peniaga untuk mematuhi undang-undang mengenai pencatutan, kementerian juga telah menyediakan garis panduan mekanisme margin keuntungan bersih dan penanda harga dan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan kepada peniaga-peniaga.

Semua langkah dan tindakan yang telah dinyatakan ini merupakan bukti kesungguhan dan usaha kementerian dalam menangani isu pencatutan yang berlaku dalam kerajaan melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan. Kementerian memberi jaminan di dalam Dewan ini untuk meneruskan usaha memantau dan menguatkuasakan undang-undang bagi melindungi pengguna. Setiap aduan yang diterima dan setiap kesalahan yang ditemui akan disiasat dan disusuli dengan tindakan sewajarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan. Akan tetapi saya kira jumlah sembilan kes di mahkamah dan tujuh kes yang baru selesai itu saya kira terlalu sedikit untuk seluruh negara.

Soalan saya kedua ialah apakah ataupun adakah rancangan kementerian untuk lebih efektif untuk melaksanakan kuasa ini. Kuasa yang boleh diperturunkan atau aktiviti segala kuasa penguatkuasaan, aktiviti penguatkuasaan, pemantauan dan kawalan kepada kerajaan tempatan. Oleh sebab kerajaan tempatan ini adalah yang mengeluarkan lesen-lesen perniagaan. Pemantauan terhadap peniaga-peniaga agar mematuhi perundangan yang berkaitan kawalan harga dan pencatutan agar tidak menjadikan isu pelaksanaan GST sebagai alasan untuk menaikkan harga barangan dan eksploitasi kartel keuntungan berganda barangan pengguna. Ini akan memudahkan lesen perniagaan mereka ditarik balik. Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Memang seperti apa Yang Berhormat sebut, tindakan-tindakan ataupun kes yang telah kita bawa ataupun kita kompaun. Kalau mengikut jumlah daripada pemeriksaan yang kita buat, pemantauan, memang jumlahnya begitu banyak. Akan tetapi kes-kes ini pada awalnya bila pemantauan kita buat, kerana pada awal cuma notis pertama kita bagi amaran dan yang kedua baru kita keluarkan notis dan di peringkat yang ketiga barulah kita bawa kes ini ke mahkamah. Oleh sebab kita tidak mahu dituduh bahawa di awal tindakan-tindakan yang begitu drastik diambil oleh kementerian dan kita memberi nasihat dan notis dan sebagainya. Sekarang ini tindakan ke arah itu akan kita laksanakan.

Mengenai dengan turun kuasa seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan Koperasi, kita telah menggerakkan kesemua penguat kuasa kita. Ada lebih kurang 2,173 orang pegawai penguat kuasa dan kita ada 1,219 orang pegawai pemantau harga di seluruh negara. Di samping itu, kita juga telah mendapat kerjasama dengan pihak kerajaan negeri untuk menurunkan kuasa kepada 605 orang penghulu dan juga penggawa di seluruh negara. Oleh sebab dengan penurunan kuasa ini, mereka boleh membantu pegawai penguat kuasa kita yang memang kita akui tidak mencukupi di seluruh negara.

Selain daripada itu, kita sedang menggerakkan, bekerjasama dengan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) untuk pasukan sukarelawan Malaysia. Begitu juga dengan pelantikan JKKK dan JKKP, termasuklah JPP yang baru ditubuhkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar untuk membantu kita. Jadi, *in shaa-Allah* Yang Berhormat, dengan pelantikan dan juga penambahan pegawai-pegawai penguat kuasa dan juga pemantau harga ini dapat membantu kementerian dalam kita hendak menangani masalah kenaikan harga barang dan juga kesempatan yang diambil oleh peniaga-peniaga apabila GST ini mula dilaksanakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya, ada sesiapa? Kalau tak ada, kita beralih ke soalan seterusnya. Dipersilakan Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

**3. Datuk Hajah Noriah binti Mahat** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apa faktor peningkatan statistik jumlah pesakit HIV di negara ini sejak akhir-akhir ini.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejak tahun 1986 sehingga Mac 2015, sebanyak 105,988 kes HIV yang dilaporkan, 21,354 kes AIDS dan 17,277 kes kematian menjadikan seramai 88,711 kes yang masih hidup dengan HIV di dalam negara kita.

Bagi tahun 2014 sahaja, sebanyak 3,517 kes HIV baru telah dilaporkan dengan kadar *notification* kes HIV baru mencatatkan 11.7 bagi setiap 100,000 orang penduduk.

#### ■1020

Bagi tempoh Januari hingga Mac tahun ini, jumlah kes HIV baru, dilaporkan sebanyak 799 kes dan berdasarkan pemantauan ini dijangkakan sebanyak 3196 kes HIV baru akan dilaporkan sepanjang tahun ini dengan kadar notifikasi kes HIV baru 10.5 bagi setiap 100,000 orang penduduk. Bilangan HIV baru di Malaysia pada amnya telah menunjukkan trend penurunan bukan peningkatan sejak tahun 2002 di mana bilangan tertinggi kes HIV telah dilaporkan iaitu sebanyak 6,978 orang atau kadar 28.4 bagi setiap 100,000 orang penduduk.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi menangani kes HIV sejak tahun 1985 iaitu setahun sebelum penyakit ini mula dikesan di negara ini. Langkah-langkah pencegahan, kawalan, rawatan dan sokongan bagi HIV AIDS ini dilaksanakan seperti mana yang digariskan dalam Pelan Tindakan HIV AIDS 1988, diikuti dengan Pelan Tindakan HIV AIDS 1998 dan seterusnya Pelan Strategik Kebangsaan Mengenai AIDS 2006 sampai 2010 dan baru, 2011 sampai 2015.

Pelaksanaan pelan ini telah berjaya membuahkan hasil dengan penurunan ketara kes HIV baru seperti yang dinyatakan di atas terutamanya kes HIV melalui penagihan dadah, suntikan dan transmisi HIV daripada ibu kepada bayi. Di samping itu, dalam memastikan pengurangan jangkitan HIV yang berterusan, kaedah mengetahui status HIV masing-masing terutamanya golongan yang berisiko merupakan langkah pertama yang amat wajar dalam membendung HIV dan AIDS.

Sebagai penutup, saya menekankan bahawa jangkitan HIV AIDS boleh dicegah dan ia tanggungjawab kita bersama. Oleh itu, semua agensi kerajaan dan bukan kerajaan, masyarakat, individu, mereka yang telah dijangkiti atau belum hendaklah memainkan peranan penting dalam melaksanakan langkah-langkah yang sesuai selaras dengan undang-undang dan dasar-dasar negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana Yang Berhormat Menteri telah hadir. Tahniah kerana dapat hadir dan menjawab dengan baik sebentar tadi. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa persoalan oleh sebab Yang Berhormat Menteri yang datang hari ini menjawab. Soalan saya yang pertama, memandangkan negara menerima ramai tetamu dari luar negara sama ada sebagai pekerja, pelajar dan juga pelancong dan ini merupakan cabaran bagi negara kita Malaysia di mana pelbagai penyakit berjangkit yang sudah lama tidak wujud sekarang ini timbul semula seperti TB, kusta, HIV, Hepatitis dan lain-lain.

Jika pekerja bawahan saringan kesihatan melalui FOMEMA bagi membolehkan mereka mendapatkan pas lawatan kerja sementara mereka, bagaimanakah pula pekerja profesional dan separa profesional yang mana mereka ini tidak diwajibkan membuat saringan seperti yang dibuat oleh peringkat bawahan?

Sebagaimana kita tahu penyakit berjangkit seperti HIV ini tidak mengenali siapa mereka dan kita juga terdedah kepada penyakit yang dibawa oleh para pekerja profesional ini. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya tengok Yang Berhormat Menteri senyum sahaja, so saya teruskanlah, *in shaa-Allah*. HIV ini merupakan institusi keluarga menyebabkan penyebaran penyakit kepada orang lain. Jadi sejauh mana kempen kesedaran dilaksanakan bagi memastikan pihak yang telah dijangkiti dan golongan terdedah dididik dengan HIV ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya setuju negara kita menghadapi banjir rakyat asing yang datang ke negara kita melalui pelbagai jenis saluran. Satu ialah mereka yang datang secara rasmi untuk kerja di dalam negara kita. Nombor dua ialah satu jumlah besar yang datang untuk mendapatkan pendidikan di dalam institusi-institusi pengajian di dalam negara kita dan ketiga, yang menjadi bermasalah ialah mereka yang datang ke negara tanpa izin.

Untuk mereka yang datang dengan izin, kerajaan telah meletakkan kaedah-kaedah dan proses-proses tertentu di mana mereka kena melalui dua saringan, satu saringan di negara sumber mereka dan satu saringan yang dibuat di negara kita iaitu melalui FOMEMA seperti dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi.

Dalam saringan itu, daripada butiran yang kita ada, 97% daripada mereka yang datang ke negara kita yang telah melalui saringan pertama di negara asal, mereka tidak mempunyai apa-apa penyakit cuma yang ada dalam senarai penyakit-penyakit yang dikawal itu. Cuma 3% mereka terlepas dalam saringan pertama, mereka akan dikesan disaringan kedua yang dilakukan di dalam negara kita. So

proses itu memastikan bahawa mereka yang mempunyai penyakit seperti HIV, TB, kusta, Hepatitis B, mereka dikesan dan kalau dikesan, mereka dihantar balik kerana itulah undang-undang kita, tidak boleh diberi visa. Untuk mereka yang datang untuk mendapat pendidikan di dalam institusi pengajian tinggi di dalam negara kita, Kementerian Pendidikan melakukan satu proses saringan di mana HIV pun menjadi satu daripada penyakit yang dibuat saringan.

Untuk golongan profesional, ini dikawal melalui Kementerian Dalam Negeri di mana mereka memberi visa profesional dan ada keperluan diwajibkan ke atas majikan-majikan tertentu untuk memastikan seperti pekerja-pekerja yang lain supaya mereka melakukan saringan kesihatan. Oleh itu, untuk mereka yang datang secara rasmi tidak menjadi masalah. Masalah yang dihadapi ialah mereka yang datang tak rasmi.

Ini kerana mereka tidak melalui proses-proses tertentu dan kalau ada kes-kes TB yang kita ada khususnya di negeri Sabah yang menjadi satu masalah yang besar kerana banyak yang datang melalui sempadan yang bocor di dalam negara kita dan melalui itu banyak yang datang di mana walaupun daripada segi Kementerian Kesihatan, daripada segi mengesan siapa yang mempunyai penyakit, yang tidak mempunyai penyakit, kerajaan tidak membezakan di antara mereka yang rasmi atau tidak rasmi.

Kita pergi ke tempat itu membuat saringan untuk memastikan bahawa kalau mereka yang datang secara tidak rasmi pun, kalau mereka dikesan mendapat TB contohnya, mereka diberi rawatan dengan satu tujuan kerana kalau mereka tidak dirawat pada peringkat awal, mereka mungkin boleh merebakkan penyakit ini kepada penduduk tempatan. Daripada segi itu dan memang ini menjadi satu beban kepada kerajaan, kita kena belanja satu perbelanjaan yang agak tinggi tetapi tiada pilihan yang lain kalau kita mahu memastikan bahawa rakyat kita dikawal daripada mendapat penyakit-penyakit sedemikian, ini kena diberi dan dibuat daripada segi *public health* iaitu kesihatan awam. Ini salah satu daripada perkara yang sepatutnya dibuat.

Soalan yang berikutnya daripada Yang Berhormat ialah tentang kaunseling yang kita beri kepada keluarga. Memang tiap-tiap kali kalau contohnya ada seseorang mendapat AIDS di dalam satu keluarga contohnya suami dapat, kaunseling yang penuh diberi kepada isteri dan anak-anak mereka supaya mereka tahu apa yang sepatutnya dibuat dan apa yang sepatutnya tidak dibuat dan perkara ini diteruskan secara baik seperti yang saya telah jelaskan tadi dalam jawapan saya.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan di dalam membendung dan mengawal HIV sebenarnya telah menunjukkan kejayaan sampai negara kita telah diiktiraf dan diberi anugerah oleh United Nation setahun yang lalu kerana kejayaan kita di dalam mengawal HIV khususnya program-program yang telah dilakukan untuk mengawal mereka yang mendapat HIV melalui suntikan dadah kerana melalui program *Methadone Replacement* yang dilakukan di klinik-klinik kesihatan, melalui *a syringe replacement* yang dibuat oleh NGO-NGO yang disokong oleh kerajaan tetapi mereka lakukan ini secara sendiri. Kita telah berjaya supaya pada satu masa dahulu, jumlah kes HIV yang banyak disebabkan oleh IVD *uses* yang mereka suntikkan darah.

## ■ 1030

Akan tetapi sekarang paling banyak ialah *hetrosexual* iaitu melalui perhubungan seks lelaki dengan perempuan dan perubahan ini sudah berlaku kerana usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dan melalui itu mendapat satu kejayaan yang membanggakan kita. Terima kasih. Akan tetapi kita akan teruskan dengan usaha.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya mudah bagi untuk Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Adakah pihak kementerian menyimpan sebarang data mengikut pecahan umur bagi pesakit-pesakit HIV tempatan, orang asing kerana ini dapat dipantau melalui risiko umur. Itu saja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri S. Subramaniam:** Soalan Yang Berhormat dituju kepada HIV di kalangan rakyat asing, bukan rakyat tempatan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah dari segi pecahan umur pesakit-pesakit HIV.

**Dato' Seri S. Subramaniam:** Secara umum?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Pecahan umur.

**Dato' Seri S. Subramaniam:** Ya, ya. Secara umum.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Pecahan umur.

**Dato' Seri S. Subramaniam:** Secara umum memang butiran ini kita mempunyai untuk mereka yang telah dikesan di dalam negara kita dan diberi rawatan kerana pada keseluruhannya, saya ingat satu peratusan besar rawatan untuk HIV dilakukan oleh sistem kesihatan di sektor awam, bukan di sektor swasta. Mungkin ada sedikit di hospital swasta tapi banyak, 90% lebih yang diterima. Oleh itu dan HIV ialah *notified disease* kerana mereka kena mengumumkan kepada kita kalau ada seorang yang mendapat penyakit itu. Oleh itu data itu memang kita mempunyai dan data itu digunakan dalam proses kawalan kita untuk tengok kumpulan-kumpulan mana yang berisiko dan tentang mereka yang, rakyat asing khususnya, contohnya mereka pekerja. Pekerja asing yang ada di negara, kalau mereka didapati HIV, dalam undang-undang kita, tindakannya ialah untuk hantar mereka balik. Oleh itu mereka tidak boleh ada di dalam negara kita. Kalau dikesan mempunyai HIV, mereka sepatutnya dihantar balik.

Oleh itu mereka tidak akan menjadi risiko berlanjutan kerana mereka tidak ada di dalam negara kita lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi. Saya benarkan satu lagi soalan Yang Berhormat Menteri kerana ramai yang berminat. Terima kasih, silakan.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat hadir pada hari ini walaupun di luar sana ada rakan-rakan sedang menyusun strategi yang bukan-bukan.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru saya menghadiri AIPA, ASEAN *Inter-Parliamentary Assembly* berhubung dengan penyalahgunaan dadah dan bila kita sebut HIV/AIDS ini, hubung kait HIV/AIDS dengan dadah memang rapat sekali. Malah negara bebas dadah, ASEAN bebas dadah 2015 *failed*, dengan izin. Diberitahu oleh *United Nations on drug and crime* bahawa 2015 lebih kurang 300 juta *designed drug* akan diedar di dalam negara ASEAN ini. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, kita tahu di Malaysia ini, kita ada Kementerian Dalam Negeri, kita ada Kementerian Kesihatan dan kementerian-kementerian lain yang sedikit sangat mencegah dadah ini.

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apa peranan yang dimainkan oleh Kementerian Kesihatan bersama dengan Kementerian Dalam Negeri dalam mencegah dadah ini dan saya juga mendapat maklum bahawa baru-baru ini pun masalah ketum tidak dapat diselesaikan kerana percanggahan di antara Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat terlebih dahulu kerana beri sedikit pandangan dengan isu politik yang tersedia ada pada masa sekarang tetapi strategi yang paling baik ialah untuk menunjukkan bakat di dalam Dewan ini kerana ini akan menunjukkan bakat di luar juga. So, oleh itu ini selaras dengan cabaran yang ada pada masa sekarang.

Untuk soalan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat tentang dadah. Memang saya setuju tetapi apa yang saya jelaskan tadi, kegunaan *intra-venous drug* iaitu cucuk secara IV, khususnya pada masa dahulu, itu heroin yang paling banyak dipanggil morfina dan jumlah mereka yang menggunakan ini sudah kurang dan mereka yang mendapat penyakit melalui itu sudah kurang kerana kita sudah melaksanakan langkah-langkah kawalan. Contohnya macam beri *syringe replacement* kerana cara macam mana penyakit ini merebak daripada satu orang yang lain ialah *syringe* yang sama digunakan oleh beberapa orang.

Oleh itu penyakit itu merebak daripada satu orang kesatu orang yang lain. So bila langkah-langkah diambil supaya NGO tampil ke hadapan untuk mengadakan strategi di mana mereka bagi *syringe* dengan masa ini sudah turun tetapi dalam perkara kegunaan dadah yang menjadi masalah yang paling besar ialah apa yang dipanggil *synthetic drug* iaitu dadah-dadah baru yang direka di dalam makmal menggunakan asal contohnya *amphetamine* dan menggunakan *amphetamine* daripada satu sumber dan lepas itu ini digunakan macam '*psychotic drug*' dan '*psychedelic*' drugs yang ada pada masa sekarang yang digunakan oleh generasi muda secara banyak.

So ini menjadi satu cabaran yang besar dan saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat, ada beberapa buah agensi yang mempunyai tanggungjawab. Kementerian Kesihatan kena Akta Dadah Berbahaya di bawah kawalan Kementerian Kesihatan, PEMADAM di bawah KDN, Agensi Antidadah di bawah KDN dan tiap-tiap agensi mempunyai fungsi yang sama tetapi di dalam agensi yang lain. Saya mempengerusikan majlis iaitu Majlis Penyelarasan Aktiviti Antidadah di mana semua agensi datang ke majlis yang sama iaitu Kementerian Kesihatan, pihak AADK, pihak PEMADAM dan kita lihat khususnya

apakah langkah-langkah, apa yang sepatutnya diambil daripada segi pemulihan, siapa patut diambil untuk mengesan mereka secara awal dan apa bantuan yang boleh diberi.

Oleh itu kalau kerisauan Ahli Yang Berhormat yang ada kerjasama di antara agensi untuk membawa satu kesan yang baik. Jawapan saya, kerjasama ada.

Jawapan saya tentang ketum ini, isu ketum bila akta itu dibawa untuk bacaan kali kedua pada sesi yang lalu. Isu dibangkitkan oleh Yang Berhormat di Dewan Rakyat banyak yang telah minta bahawa kita kena lihat kepada perkara ini daripada sejarah pokok ketum di dalam negara kita dan secara yang digunakan secara tradisi di kawasan-kawasan khususnya di utara negara kita, di Kedah, Perlis, Sempadan dan sebagainya di mana pokok ini boleh tumbuh secara liar dan kegunaan digunakan secara tradisi. Contohnya wanita yang lepas bersalin minum sedikit untuk menunjukkan kekuatan.

So, dalam hal ini ada permintaan bahawa perkara ini dikaji lebih baik supaya susah untuk penguatkuasaan kerana pada awalnya tujuan akta itu ialah kalau ada pokok yang dibawa di dalam sebuah rumah, mereka boleh dikenakan denda. Denda itu kuat sampai boleh di penjara sepanjang hidup. So isu itu jadi satu isu yang besar kerana mereka berpendapat kalau ada sepokok yang liar di tepi rumah saya, bukan maksud saya boleh dipenjarakan. So perkara ini kita sedang bincang dengan KDN sebaliknya walaupun bacaan kali kedua ada dalam senarai Dewan Rakyat yang lalu itu tetapi kita sedang bincang supaya memang tujuan asalnya masih ada iaitu kita sedar bahawa ketum disalah guna di negara kita khususnya murid-murid.

Saya diberitahu ada murid-murid yang minum jus itu campur dengan *CocaCola* sebelum datang ke sekolah dan perkara-perkara ini berlaku dan memang kita mahu mengambil tindakan supaya perkara ini boleh dikawal.

#### ■1040

Akan tetapi cara kawal ini tidak menyusahkan mereka yang tidak terlibat dalam perkara ini. Ini yang tujuan dan saya berharap kita boleh bergerak ke depan dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya diberitahu KDN akan memberi satu taklimat kepada kedua-dua Dewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara tentang perkara ini. Kalau kita boleh mendapat satu persetujuan boleh bergerak ke hadapan untuk isu membawa kawalan kepada ketua. Terima kasih.

**4. Dato' Jaspal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan, *roadmap* PR1MA, dan apakah statistik bagi projek yang telah bermula, lokasinya serta pemohon yang berjaya dalam undian mengikut bangsa. Nyatakan juga projek-projek yang bakal dibuka untuk undian.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, izinkan saya untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh, dan Yang Berhormat Senator Tuan Wilfred Yong Chen Leong secara bersama memandangkan ia adalah berkaitan perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya izinkan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PR1MA telah diberi mandat oleh Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan sebanyak 500,000 unit rumah di seluruh negara dalam jangka masa lima tahun. Setakat ini anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 162,574 unit rumah untuk dibina di seluruh Malaysia. PR1MA kini sedang rancak melaksanakan pembinaan 17,845 unit rumah PR1MA di pelbagai lokasi. Antara lokasi-lokasi tersebut termasuklah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Selangor, Melaka, Sabah dan tentunya Perlis. Kesemua projek lain yang telah diluluskan oleh anggota Perbadanan PR1MA masih berada dalam pelbagai fasa perancangan.

Sehingga kini PR1MA telah membuka permohonan bagi 16,458 unit rumah di 20 buah lokasi di seluruh negara. Antara lokasi projek yang telah dibuka untuk permohonan termasuklah di sekitar negeri Johor, Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Kedah dan Sabah. Majlis undian terbuka bagi projek-projek PR1MA yang telah dibuka tersebut akan diadakan secara berperingkat mengikut kesesuaian dalam tempoh masa yang terdekat.

Pembelian rumah PR1MA yang telah berjaya mendapatkan rumah semasa proses undian terbuka mempunyai beberapa pilihan dalam mendapatkan pembiayaan perumahan. PR1MA menyediakan dua pilihan kepada pembeli. Pertamanya pembeli mempunyai pilihan untuk mendapatkan pakej pembiayaan PR1MA daripada panel bank dan institusi kewangan yang bekerjasama secara strategik dengan PR1MA. Melalui pakej ini pembeli ditawarkan kemudahan pinjaman sehingga 110% bagi rumah-rumah PR1MA.

Pembeli tidak lagi terbeban untuk menyediakan bayaran-bayaran awalan untuk khidmat guaman, duti setem dan sebagainya. Sehingga kini terdapat lima buah bank dan institusi kewangan yang bersetuju untuk menawarkan pakej tersebut kepada pemohon yang berjaya. Di antara syarikat bank dan institusi kewangan yang bersetuju menawarkan pakej ini termasuklah Maybank Berhad, CIMB Bank Berhad, Malaysia Building Society Berhad, Bank Rakyat dan juga Bank Simpanan Nasional. PR1MA menjangkakan lebih banyak bank dan institusi kewangan yang akan terlibat dalam menawarkan pakej ini pada masa akan datang.

Sekiranya pembeli gagal di peringkat tapisan kewangan oleh panel bank PR1MA, pembeli akan ditawarkan Skim *Rent-to-Own* (RTO) yang dirangka khas oleh PR1MA. Bayaran balik pembayaran ini menerusi kutipan sewaan serta perolehan untuk kediaman yang berkenaan. Proses pembayaran sewaan ini hanya akan dimulakan apabila projek telah siap sepenuhnya dan setelah kunci rumah diterima. Skim ini juga dijangka akan diumumkan secara rasmi tidak lama lagi. Inisiatif disediakan ini diharap dapat membantu golongan yang menghadapi masalah aliran tunai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Jaspal Singh:** Terima kasih saya ucapkan kepada Menteri kerana telah memberi jawapan kepada soalan saya. Saya dapati untuk seorang mengambil bahagian dalam projek PR1MA ini, ia terbuka kepada golongan yang tahu menggunakan internet. Kita di Malaysia terdapat banyak golongan dalam umur lebih kurang 35 tahun sampai 45 tahun yang tidak mempunyai akses dan tidak begitu pandai mengenai *internet*.

Mereka ini juga tidak mempunyai gaji bulanan untuk mengambil bahagian dalam PR1MA, hendak muat turun dokumen seperti *EA Form*, penyata gaji mereka tidak ada tetapi mereka mampu mengambil skim yang kedua iaitu *Rent-to-Own*. Bagaimana PR1MA bercadang untuk memasuki kumpulan-kumpulan seperti ini yang tidak begitu fasih dalam *internet* dan tidak mempunyai gaji bulanan. Apakah cadangan supaya mereka boleh mengambil bahagian dalam skim PR1MA?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak ada masalah sebab apabila kita membuat *balloting*, dengan izin, terbuka, ia akan diumumkan. Ini sebab ia akan diumumkan di kawasan yang berkenaan sebagai contoh. Akan tetapi dalam *internet*, dia buat secara terbuka dan sudah pastilah apabila *balloting*, dengan izin, hendak dibuat, kita akan membuat publisiti secara meluas supaya orang yang terlibat boleh menyertai *balloting* terbuka.

Dalam masa yang sama *roadshow* yang dianjurkan oleh PR1MA di seluruh negara, yang ini boleh disertai oleh semua pihak. Saya ingat kalau dia tidak pandai internet pun sekurang-kurangnya dia dapat berita melalui radio, akhbar dan kalau tidak pun sudah pasti melalui wakil-wakil rakyat. Ini sebab apabila kita masuk contohnya kita pergi ke Pulau Pinang, sudah pasti kita akan gahkan kehadiran kita dan Yang Berhormat boleh sampaikan maklumat kepada mereka yang berminat. Kita akan buat *balloting* permohonan terbuka, selepas itu kita buat *balloting* terbuka dan selepas itu dia dapat rumah.

PR1MA ini oleh sebab dia di peringkat awal orang masih tidak melihat keberkesanannya. Akan tetapi kita akan lihat keberkesanan dan juga kehadiran PR1MA ini selepas rumah-rumah yang begitu banyak, yang telah saya sebutkan tadi telah siap dibina dan mereka mendapat rumah. Orang yang mendapat rumah ini tahu bahawa mereka tidak perlu buat apa-apa bayaran sebab kita bagi pinjaman sehingga 110%. Dalam masa yang sama bagi mereka yang tidak mampu atau gagal untuk membuat pinjaman dia akan diberi *Rent-to-Own* ataupun sewa beli. Terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. PR1MA adalah salah satu saya faham rancangan perumahan untuk membantu golongan yang susah tetapi harganya adalah tinggi iaitu RM100,000 ke atas. Adakah apa-apa rancangan ataupun mekanisme yang difikirkan oleh kerajaan untuk membantu terutama golongan yang digelar sebagai B40 itu untuk meringankan mereka. Sama ada dalam bentuk subsidi ataupun bantuan-bantuan yang lain. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terima kasih Yang Berhormat. Akan tetapi saya ingin ulang sekali lagi PR1MA untuk mereka yang berpendapatan sederhana daripada RM2,500 sehingga RM10,000. Ini untuk berpendapatan sederhana dan dibina di pinggir-pinggir bandar. Ini sebab dalam bandar mereka tidak mungkin dapat rumah yang berharga begini rendah, kita bagi pinggir bandar.

Kita maklumkan bahawa pinggir bandar ini sebenarnya mempunyai masa depan yang cukup cemerlang. Ini sebab setengah dari bandar ini akan menjadi pusat bandar apabila dua buah bandar. Contohnya macam Kuala Lumpur, Negeri Sembilan bertemu orang yang di pinggir Bandaraya Kuala Lumpur itu dia akan menjadi pusat bandar dan orang yang di pinggir Bandar Seremban juga akan menjadi pusat bandar.

Jadi mereka mempunyai masa depan yang cemerlang. Ini untuk mereka yang berpendapatan sederhana dan mereka yang tidak mempunyai rumah tetapi sekiranya mempunyai harta yang lain lagi satu dibenarkan. Maknanya contohnya sebab dia tersilap beli, dibeli di luar bandar dan sekarang dia hendak beli dipinggir, itu dibenarkan. Kita juga memberi perhatian kepada mereka yang perseorangan, yang tidak mendirikan rumah tangga lagi boleh membeli rumah PR1MA. Ia khusus untuk mereka yang berpendapatan sederhana.

Sementara mereka yang B40 yang telah disebutkan itu kita akan skim yang telah diperkenalkan oleh kerajaan. Banyak termasuklah Skim Mesra Rakyat dan juga lain-lain di bawah daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, daripada Kementerian Wilayah dan juga daripada kerajaan-kerajaan negeri.

#### ■1050

Itu yang disebut kumpulan yang berpendapatan rendah. Jadi yang saya ini berpendapatan sederhana terutamanya mereka yang bekerja di bandar, yang mempunyai pendapatan yang telah saya sebutkan. Bagi anggota kerajaan, banyak yang disebut anggota kerajaan juga yang di bawah RM2,500 mereka mampu untuk memohon di bawah Skim Perkhidmatan Awam. Ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara yang juga dibina banyak daripadanya di pinggir-pinggir bandar. Ini untuk memberi ruang mereka yang berpendapatan rendah daripada PR1MA itu mempunyai rumah juga di kawasan pinggir bandar.

**5. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan keseriusan Malaysia bagi mengubah polisi keselamatan negara berdasarkan ancaman *Robot Server* yang boleh dijadikan sasaran serangan virus siber yang boleh melumpuhkan keseluruhan sistem rangkaian komputer negara.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli-ahli Dewan ancaman *Robot Server* ataupun lebih dikenali sebagai *robot networking* ataupun *Botnet Server* merupakan *server* yang berupaya mencerooboh dan mengambil alih sesuatu sistem komputer. Kerajaan sentiasa mengambil tindakan untuk menjaga keselamatan persekitaran siber bagi memastikan sistem pentadbiran dan institusi-institusi utama dalam negara tidak dicerobohi oleh anasir luar.

Pada masa ini, pengguna perkhidmatan internet perlu sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelak ancaman siber dari dalam dan luar negara dengan mengemas kini, membaharui dan menukar perisian dan perkakasan baru. Tindakan sebegini dapat mempertahankan mereka daripada ancaman *cyber* yang kian bertambah dinamik, kompleks dan canggih dengan perubahan teknologi yang pantas.

Bagi menangani ancaman *Botnet Server*, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensinya *Cyber security Malaysia* telah merangka beberapa program jangka pendek, sederhana

dan panjang. Antara pendekatan yang diambil ialah memperkasakan pendidikan perisian hasad ataupun *malware*, seterusnya mengambil tindakan menyeluruh yang dinamakan *Cyber Detection, Attribution and Forensic* ataupun *Cyber DAF*. Saya akan terangkan lebih *detail Cyber DAF* kemudian. Ini meliputi penganalisaan ke atas pelbagai perisian hasad yang menyerang negara ini seterusnya membangunkan penyelesaian, mengambil tindakan, membersihkan komputer dan server daripada ancaman perisian hasad.

*Cybersecurity Malaysia* sebagai agensi pakar dalam keselamatan siber telah menubuhkan pusat bantuan siber yang dipanggil *Cyber999* yang beroperasi 24 jam untuk membantu orang awam menangani isu keselamatan siber. *Cybersecurity Malaysia* bukan sahaja bertanggungjawab bagi memberi bantuan teknikal malahan menawarkan program latihan pengurusan krisis siber kepada agensi awam dan swasta. Selain daripada itu, *Cybersecurity Malaysia* juga menjalankan program latihan teknikal dan persijilan pengurusan keselamatan serta produk keselamatan ICT bagi menangani ancaman ke atas sistem teknologi maklumat.

Saya terangkan tadi, saya janji hendak terangkan beritahu mengenai *CyberSAFE*. Program *CyberSAFE*, yang ini yang *detail* sedikit *CyberSAFE*. Serangan perisian komputer merbahaya ataupun *malicious software, malware* yang kian meningkat di Malaysia juga menunjukkan sikap dan kurang keselamatan pengguna. Jangkitan *malware* boleh berlaku menerusi implikasi yang dimuat turun daripada *e-mail* dan *internet* oleh pengguna. Oleh yang demikian program pendedahan dan kesedaran tentang risiko dan bahayanya ancaman siber perlu diberikan kepada pengguna internet supaya mereka sentiasa melengkapkan diri dengan pengetahuan dan amalan terbaik semasa berada di alam siber dan berhati-hati apabila menerima mesej untuk mengakses mana-mana pautan atau memberikan maklumat peribadi secara atas talian.

Tuan Yang di-Pertua pengguna boleh mengunjungi laman web [www.cybersafe.my](http://www.cybersafe.my) untuk mendapat maklumat lebih lanjut dan khidmat nasihat mengenai keselamatan internet siber. Sekiranya mereka menghadapi masalah pencerobohan terhadap sistem komputer, mereka boleh menghubungi *Cyber Security* melalui *email* di [cyber999@cybersecurity.my](mailto:cyber999@cybersecurity.my) atau melalui SMS 15888.

Ketiga, program *CyberSAFE* bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran keselamatan siber kesedaran keselamatan siber di kalangan masyarakat khususnya pengguna-pengguna internet. *CyberSAFE* bertujuan untuk memberi maklumat dan pengetahuan supaya isu keselamatan siber dapat ditangani terutamanya semasa melayari *Internet*. *Cybersecurity Malaysia* telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan inisiatif menerusi *CyberSAFE* di antaranya laman web *CyberSAFE*. Laman web *CyberSAFE* boleh diakses di laman sesawang [www.cybersafe.my](http://www.cybersafe.my). Laman web ini menyediakan maklumat-maklumat keselamatan siber untuk masyarakat awam dan maklumat-maklumat khas untuk kumpulan sasaran. Pengunjung laman web ini boleh memuat turun bahan-bahan rujukan seperti poster dan video keselamatan *cyber*. Selain daripada itu perisian percuma juga boleh dimuat turun seperti perisian anti virus untuk melindungi komputer pengguna.

Kedua, dipanggil Program Duta *CyberSAFE*. Program ini meliputi sukarelawan untuk membantu menyampaikan mesej kesedaran-kesedaran siber kepada kesemua peringkat masyarakat. Ketiga, *newsletter* dan *webzine* kandungan *newsletter* atau *webzine* ini merupakan penulisan yang menyampaikan mesej-mesej keselamatan siber terkini. Keempat, ceramah-ceramah keselamatan siber sesi ceramah begini diadakan di sekolah-sekolah dan di agensi kerajaan dan swasta. Pihak sekolah dan agensi boleh meminta *Cybersecurity Malaysia* untuk menyampaikan taklimat-taklimat keselamatan siber dan mengambil bahagian membentang kertas-kertas kerja berdasarkan tema keselamatan maklumat yang ditentukan oleh penganjur.

Kelima, pertandingan dan *road show* mengenai keselamatan siber di antaranya melalui laman *Facebook CyberSAFE* dan kita juga kerap bekerjasama dengan komuniti dan kumpulan NGO. Seterusnya pada masa ini *Cybersecurity Malaysia* juga bertanggungjawab untuk mewujudkan kesedaran keselamatan di kalangan yang saya cakap tadi program *CyberSAFE* bertujuan untuk membudayakan sifat positif, berhemah dan beretika ketika melayari dunia siber. Program pendedahan dan kesedaran tentang risiko dan ancaman *cyber* perlu diberikan kepada pengguna internet supaya sentiasa melengkapkan diri dengan pengetahuan dan amalan terbaik semasa berada alam siber. Di sini saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat sekalian untuk menyampaikan kepada rakyat di semua peringkat supaya kita sebagai pengguna internet perlu lebih berwaspada apabila menerima *e-mail* dan mesej yang mengandungi pautan yang mencurigakan.

Begitu juga kita jangan mudah memberi maklumat peribadi secara atas talian seperti meletakkan gambar peribadi, nombor telefon atau nombor akaun. Maklumat-maklumat begini akan membuka laluan pencerobohan maklumat terhadap diri, organisasi dan juga negara. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya bolehkah Malaysia menyediakan satu *gateway*, dengan izin, atau pintu masuk tunggal ke dalam jaringan internetnya seperti mana Amerika Syarikat bagi memastikan pintu masuk jalur lebar yang amat banyak masa kini di negara kita yang dikendalikan beberapa Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) dan ia mendedahkan serangan berisiko tinggi. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang pertama itu tidak ditujukan ke Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kerana itu adalah di kementerian yang lain. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi hanyalah kementerian yang dipanggil pun nama *Cybersecurity*. Walau bagaimanapun, berkenaan dengan soalan yang kedua tadi, kita tidak ada masalah dengan perkara ini kerana kita telah melaksanakan Dasar Keselamatan Siber Nasional yang sangat ketat yang dipanggil *National Cybersecurity Policy* (NCSP) yang merupakan satu inisiatif komprehensif dalam menangani cabaran-cabaran siber terutamanya yang melindungi infrastruktur kritikal maklumat negara ataupun *Critical National Information Infrastructure* (CNII). Program diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara dan MKN. Jadi saya ingat itu sahaja yang saya ada kerana kebanyakan soalan itu meliputi kementerian yang lain yang mungkin akan beritahu secara bertulis. Terima kasih.

## ■1100

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik lah Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Kita beralih ke soalan Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus. Silakan Yang Berhormat.

6. **Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, hala tuju *Greater Kuala Lumpur* dan Lembah Klang (*Greater KL/KV*) untuk menjadi metropolis yang mencapai kedudukan 20 buah bandar teratas dalam pertumbuhan ekonomi, seiring dengan hasrat kerajaan mencapai kedudukan global 20 teratas bagi bandar raya berdaya huni menjelang tahun 2020.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Indeks Daya Huni (*livability*), indeks yang dikeluarkan oleh *Economist Intelligence Unit* (EIU) setiap tahun telah dijadikan penanda dasar bagi menjadikan Wilayah Persekutuan khususnya Bandaraya Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020.

Indeks tersebut yang dihasilkan berasaskan pemilihan terhadap persekitaran kehidupan di sesebuah bandar raya terpilih di seluruh dunia telah meletakkan lima kategori utama bagi tujuan penilaian iaitu;

- (i) Infrastruktur;
- (ii) Budaya dan alam sekitar;
- (iii) Kestabilan;
- (iv) Kesihatan; dan
- (v) Pendidikan.

Sehubungan itu, inisiatif-inisiatif yang telah ditetapkan di bawah NKEA *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley* telah turut mengambil kira kategori yang ditetapkan dalam indeks tersebut dan antara inisiatif *tangible* yang giat dilaksanakan untuk menjadikan *Greater KL/KV* ke arah bandar raya bertaraf dunia adalah:

- (i) menambah baik dan meningkatkan rangkaian sistem pengangkutan yang bersepadu bagi menghubungkan kawasan-kawasan utama di Kuala Lumpur dan Lembah Klang, iaitu pembinaan *Mass Rapid Transit* (MRT) dan pembinaan High Speed Rail (HSR) sebagai hubungan Kuala Lumpur dan Singapura;
- (ii) menjadikan *Greater KL/KV* sebagai kawasan yang berdaya huni dan menarik bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan juga sebagai pusat tumpuan pelancong dengan mentransformasikan koridor Sungai Klang-Gombak di pusat bandar menjadi *waterfront* tepian air yang menarik dan mempunyai nilai ekonomi yang tinggi di bawah projek *River of Life*. Menambah keluasan kawasan hijau dan memelihara serta mewujudkan tempat-tempat ikonik sebagai tarikan yang unik untuk pelancong;

- (iii) meningkatkan sistem perkhidmatan bagi kemudahan awam khususnya bagi menampung keperluan penduduk yang semakin meningkat. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah menaik taraf sistem pembedaan sedia ada kepada kapasiti yang lebih besar, cekap dan menggunakan teknologi terkini; dan
- (iv) pembinaan rangkaian laluan pejalan kaki yang dapat menghubungkan laluan-laluan utama di bandar secara menyeluruh dan meningkatkan sistem pengurusan sisa pepejal.

Inisiatif *intangible* yang turut dilaksanakan pada masa ini adalah untuk memastikan Greater KL/KV dapat mencapai status bandar raya bertaraf dunia termasuklah:

- (i) Pembentukan Jawatankuasa *Livability Index* yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan ahli-ahlinya terdiri daripada wakil-wakil pelbagai kementerian dan jabatan kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang relevan;
- (ii) pewujudan laman sesawang khusus, [www.kualalumpurcity.my](http://www.kualalumpurcity.my) yang mengandungi maklumat-maklumat penting bagi Kuala Lumpur berdasarkan kategori yang ditetapkan di dalam Indeks Daya Huni; dan
- (iii) penambahbaikan *indicator* gerbang aplikasi *Malaysian Urban Indicators Network* (MURNInet), penunjuk bandar sejahtera berasaskan kriteria Indeks Daya Huni bagi mengumpul maklumat daripada agensi pembekal data untuk memperkukuhkan kedudukan Kuala Lumpur khususnya sebagai bandar raya bertaraf dunia.

Sekian. Terima kasih.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri. Soalan tambahan saya ialah, bagaimana Kementerian melihat jalan penyelesaian isu utama seperti keperluan pemilikan rumah warga kota, kemiskinan bandar, kos perubatan dan sara hidup yang tinggi di bandar serta isu pendatang tanpa izin (PTI), gelandangan, kadar jenayah, alam sekitar atau seperti sungai tercemar, serta pengaruh kehidupan dan teknologi moden di kalangan para remaja mampu diselesaikan di bawah Program Transformasi Ekonomi ini menjelang 2020 yang hanya lima tahun dari sekarang. Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat adalah berkenaan dengan bagaimana langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah rumah kota. Saya telah beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini telah menyebut tentang rumah-rumah yang telah disediakan iaitu Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP), rumah Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan sebagainya yang telah disediakan oleh kementerian untuk menampung keperluan warga kota.

Berkenaan dengan isu kos sara hidup, kami juga telah memperkenalkan Kedai Harga Patut di Kuala Lumpur, di mana warga kota boleh mendapat atau membeli makanan mereka dengan harga yang berpatutan. Berkenaan pula dengan penggunaan teknologi, ini tidak melibatkan kementerian saya. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Tuan Chia Song Cheng** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengikut RMKe-11, sasaran tempoh respons kecemasan 8 minit, dengan itu, apakah usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kementerian untuk mempertingkatkan tempoh respons kecemasan mengikut sasaran RMKe-11 terutamanya respons ambulans dan bantuan kecemasan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng.

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkenaan dengan panggilan ambulans. Pada ketika ini, masa respons adalah tidak lebih daripada 15 minit yang telah ditetapkan untuk kes-kes Keutamaan Satu, iaitu kes-kes kritikal.

Namun, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Kementerian akan berusaha memperbaiki pencapaian kepada lapan minit seperti yang telah ditetapkan. Antara strategi yang telah diambil oleh Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan bagi mencapai sasaran tersebut adalah seperti berikut:

- (i) melalui Projek MERS 999, di bawah kendalian Kementerian Komunikasi dan Multimedia, KKM telah diberi peruntukan untuk menubuhkan 21 buah pusat koordinasi perubatan kecemasan di seluruh negara untuk menjalankan koordinasi pergerakan kenderaan ambulans, di mana pusat ini akan membuat saringan semua panggilan kecemasan dengan menggunakan protokol perubatan ataupun ProQA untuk menentukan tahap keutamaan pesakit supaya pasukan perubatan yang sesuai dapat dihantar;
- (ii) kementerian juga telah pun membuat perolehan kenderaan ambulans secara berkala sejak 2008 hingga 2015. Kini kita membeli 200 buah ambulans setiap tahun, Tuan Yang di-Pertua;
- (iii) kementerian juga telah mengeluarkan pekeliling untuk mengarahkan semua hospital untuk menubuhkan unit perkhidmatan rawatan prahospital dan ambulans supaya perkhidmatan ini dapat dijalankan dengan lebih baik efisien;
- (iv) pihak Jabatan Perkhidmatan Awam juga telah meluluskan sebanyak 484 perjawatan pada tahun 2014 untuk perkhidmatan rawatan pra-hospital dan ambulans. Mereka ditempatkan di Jabatan Kecemasan dan Trauma di hospital terpilih;
- (v) pakar perubatan kecemasan juga telah dihantar keluar negara untuk mendapatkan pengalaman dalam menjalankan perkhidmatan rawatan pra-hospital dan ambulans. Purata, kita menghantar satu hingga dua orang pakar perubatan setiap tahun ke luar negara;

- (vi) latihan pemanduan ambulans juga diadakan untuk semua pemandu kenderaan ambulans di seluruh negara secara berkala. Latihan ini merangkumi aspek perawatan pesakit dan teknik latihan pemanduan secara selamat. Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit;
- (vii) projek perintis hot spot yang diperkenalkan oleh KKM yang melibatkan lima *hot spot* di Lembah Klang, ini kawasan-kawasan yang selalu berlaku kemalangan. Ia dijalankan dengan kerjasama NGO, di mana kenderaan ambulans akan ditempatkan di kawasan *hot spot* yang dikenal pasti untuk mengurangkan lagi masa respons ambulans.

**■1110**

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai sasaran tempoh respons kecemasan lapan minit, strategi yang dinyatakan tadi akan perlu dipertingkatkan lagi khususnya peruntukan untuk penambahan kenderaan ambulans serta sumber manusia dapat- dalam menjalankan perkhidmatan rawatan pra hospital dan ambulans supaya kenderaan ambulans dapat ditempatkan di kawasan-kawasan komuniti Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chia Song Cheng:** Terima kasih jawapan yang telah diterima daripada pihak Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan juga terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya dapat mengemukakan soalan tambahan, saya ingin memberikan sedikit penjelasan. Bagi pengetahuan kementerian, dalam kehidupan harian rakyat kita dan kementerian sering mendengar rungutan daripada rakyat bahawa respons kecemasan seperti ambulans, bomba serta polis adalah lewat dan tidak mencapai sasaran sebagaimana yang ditetapkan oleh kerajaan. Ini adalah jelas apabila respons ambulans ke tempat kemalangan dan kawasan kecemasan di bandar selalunya lewat dan mengecewakan mangsa dan juga pesakit.

Faktor-faktor yang sering diberikan kegagalan respons ambulans ialah pertama terperangkap dalam kesesakan lalu lintas. Akibatnya ambulans bertolak dari lokasi hospital ke kawasan bandar yang mana isi padu aliran trafiknya tinggi. Kedua, tidak mempunyai kenderaan ambulans dan juga pemandu yang cukup. Kegagalan respons ambulans tersebut akan membawa kesan mangsa kemalangan dan juga pesakit gagal diselamatkan kerana tidak mendapat bantuan kecemasan pada ketika itu. Walaupun tiada keterangan dan juga bukti yang jelas menunjukkan bahawa kematian mangsa kemalangan dan pesakit disebabkan oleh kelewatan respons ambulans. Namun begitu, tanggapan dan juga persepsi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat Menteri faham.

**Tuan Chia Song Cheng:** Okey. Maka saya ingin mengemukakan soalan tambahan saya kepada kementerian. Pertama, sasaran tempoh respons kecemasan lapan minit tersebut seharusnya diperluaskan ke seluruh negara dan tidak hanya terhad kepada lokasi yang sering berlaku kemalangan. Kedua berikutnya, apakah kolaborasi yang akan dilakukan oleh kementerian bersama kementerian,

jabatan dan juga agensi lain untuk mempertingkatkan keupayaan sasaran tempoh respons kecemasan lapan minit terutamanya bantuan kecemasan ambulans. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, matlamat kita sekarang ialah 15 minit respons daripada panggilan dan seperti yang saya sebut tadi, memang usaha-usaha telah dijalankan dengan pelbagai cara iaitu termasuk *communication*, komunikasi. Dalam hal-hal komunikasi ini Tuan Yang di-Pertua, memang kita tanya dulu, hospital akan tanya dulu apa kes? Kalau kes itu memang kata *heart attack* dan sebagainya memang kita- ataupun nampak ciri-ciri macam *heart attack* jadi kita hantar cepat, segeralah. Oleh sebab kita dilatih supaya - apabila kita hantar mereka yang berpengalaman dalam bidang itu. Kalau kes-kes biasa sakit perut dan sebagainya mungkin kita lewat sikitlah, mungkin terlewat kerana panggilan bukan satu atau dua, tetapi berpuluh, beratus kalau hospital itu di- macam GH Kuala Lumpur contohnya Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu kita kena buat saringan dan memang kita menambahkan jumlah hospital daripada semasa ke semasa, tahun ke tahun kita tambah jumlah hospital dan pengambilan ramai lagi pemandu-pemandu. Mereka diberi latihan yang cukup.

Ketiga tentang yang ditanya tadi, adakah patut diperluaskan? Memang kita berhasrat untuk meluaskan perkhidmatan yang saya sebut tadi tentang *hotspot* tadi, itu cubaan. Kita cuba di kawasan Lembah Klang dulu di mana kita tempatkan ambulans bukan di hospital tetapi di luar hospital dekat dengan kawasan *hotspot*. Jadi masalah sekarang Tuan Yang di-Pertua, ambulans ditempatkan di klinik kesihatan ataupun di hospital dan hendak pergi dari hospital hendak pergi ke kawasan tempat *accident* itu ia makan masa. Jadi inilah masalah yang tadi kesesakan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang sudah ada *pilot project*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita tempatkan ambulans di luar hospital, tempat yang dekat dengan kawasan-kawasan yang bermasalah. Dengan cara itu, responsnya akan menjadi lebih cepat. Memang kita ada kerjasama dengan pihak-pihak *provider ambulance service* ini. Ramai Tuan Yang di-Pertua yang menjalankan perkhidmatan *ambulance service or private*, memang ada. Termasuk agensi kerajaan dan juga pihak swasta, banyak Tuan Yang di-Pertua. Jadi mereka, rakyat boleh pilihlah kalau lambat hospital, mereka boleh panggil yang- kalau lambat respons dari hospital, mereka boleh juga panggil daripada *private ambulance*, Tuan Yang di-Pertua.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, memandangkan kita sentiasa mengalami kesesakan di jalan raya dan juga masa respons ada kekangan di situ. Jadi saya hendak bertanya sama ada Kementerian Kesihatan ada rancangan untuk menggunakan khidmat pesawat helikopter sebagai ambulans? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan helikopter memang sudah berjalan di Sabah dan Sarawak untuk mengangkut kes-kes- untuk mengambil kes-kes yang *emergency* di luar dari kawasan-kawasan pendalaman. Setakat ini memang sudah ada cadangan Tuan Yang di-Pertua untuk menggunakan helikopter ambulans ini untuk *North-South PLUS Highway* ini sudah ada cadangan tetapi belum ada keputusan lagilah. Cadangan untuk menempatkan helikopter di tiga buah kawasan di utara, tengah dan selatan dan *response time* yang saya lihat lebih kurang 15 minit dari stesen

helikopter itu ke tempat kemalangan. Sudah ada cadangan tetapi belum ada keputusan lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**8. Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman [Di bawah Peraturan Mesyuarat 23(2)]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, jumlah hab industri halal dalam negara, jumlah syarikat tempatan yang aktif terlibat serta insentif yang disediakan oleh kerajaan untuk mereka.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, *Halal Industry Development Corporation* (HDC) telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan pembangunan hab industri halal dalam negara termasuk pembangunan taman-taman halal di Malaysia. Pada masa kini, terdapat 21 buah taman halal di seluruh negara di mana 13 buah taman halal telah pun menerima status HALMAS HDC bagi melayakkan syarikat menikmati insentif cukai. HALMAS satu bentuk pengiktirafan yang diberikan kepada taman-taman halal yang telah berjaya mematuhi syarat-syarat dan garis panduan yang ditetapkan di bawah peraturan dan bantuan pembangunan taman halal. Sehingga kini sebanyak 130 buah syarikat telah pun beroperasi di taman-taman halal seluruh negara dengan jumlah pelaburan mencecah RM8.45 bilion. Pelaburan melalui taman-taman halal ini juga telah berjaya mewujudkan lebih daripada 5,700 peluang pekerjaan.

■1120

Selain daripada insentif cukai yang disediakan oleh HDC, MATRADE juga menyediakan insentif kewangan yang boleh dimanfaatkan syarikat pengeluar produk halal berkeelayakan melalui Geran Pembangunan Pemasaran (MDG). Manakala SME Bank pula bertanggungjawab ke atas dana pembangunan halal yang bertujuan untuk menyokong usahawan terlibat dalam sektor berkaitan halal.

**Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Daripada laporan MITI tahun 2014, Malaysia merekodkan eksport halal sebanyak RM37.7 bilion, China menjadi penyumbang utama pengimport produk kita iaitu RM4.6 bilion diikuti Singapura RM3.6 bilion, Amerika Syarikat RM3.4 bilion, Indonesia RM2.3 bilion dan Jepun, RM2.2 bilion. Manakala daripada segi perdagangan hanya Malaysia yang mempunyai kemudahan secara menyeluruh iaitu daripada pembangunan usahawan, penyediaan logistik, catatan data, dagangan dan pembangunan inovasi yang boleh dijadikan model terbaik kepada rakan ASEAN yang lain. Jelas industri halal negara mempunyai masa depan yang cerah dan semakin diterima negara luar.

Soalan tambahan yang pertama ialah apakah penyelesaian daripada segi standard halal itu iaitu menyentuh kepada piawaian perakuan halal yang dibuat setiap negara dalam ASEAN berbeza dan ini memberikan masalah kepada usahawan dalam rantau berkenaan untuk membawa masuk produk mereka. Saya ingin mencadangkan agar standard perakuan halal ini diseragamkan di peringkat ASEAN bagi tujuan memudahkan perdagangan antarabangsa.

Soalan kedua saya ialah bagaimanakah kementerian melihat saranan agar tiga isu utama berkaitan industri halal perlu ditumpukan perhatian oleh pihak kerajaan iaitu perdagangan, pelaburan dan

standard halal bagi merencanakan pembangunan hab halal di rantau ASEAN sempena Komuniti Ekonomi ASEAN ini. Terima kasih.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, memang sehingga kini terdapat 13 standard halal yang telah berjaya dibangunkan oleh agensi di bawah MITI. Mengenai membesarkan pasaran sehingga ASEAN dan dunia, MITI menyedari akan potensi dan pertumbuhan pesat industri halal di rantau ini, kerajaan berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal global menjelang tahun 2020. Pada tahun 2006, kerajaan telah menubuhkan *Halal Industry Development Corporation* (HDC) untuk menerajui pembangunan industri halal secara komprehensif dan menyeluruh. HDC ini merupakan sebuah agensi pembangunan industri halal pertama di dunia yang diterajui oleh sesebuah kerajaan. Sekian terima kasih.

**9. Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apakah program kementerian bagi menambahkan lagi kesedaran dan kefahaman rakyat Malaysia tentang isu-isu pencemaran alam sekitar khususnya di peringkat industri kecil dan sederhana.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui agensinya Jabatan Alam Sekitar sentiasa menjalankan pelbagai program kesedaran dan kefahaman rakyat tentang alam sekitar. Program-program yang sentiasa dijalankan adalah:

- (i) Hari Bertemu Pelanggan, Jabatan Alam Sekitar;
- (ii) Hari Bumi pada 22 April setiap tahun;
- (iii) Hari Alam Sekitar pada 5 Jun setiap tahun; dan
- (iiii) Minggu Alam Sekitar Malaysia pada 21 hingga 27 Oktober setiap tahun.

Aktiviti-aktiviti yang diadakan di dalam program-program tersebut ialah:

- (i) seminar yang berkaitan dengan kesedaran alam sekitar;
- (ii) pameran alam sekitar;
- (iii) ceramah;
- (iv) bengkel yang berkaitan dengan alam sekitar;
- (v) konvensyen;
- (vi) pertandingan yang berkaitan alam sekitar seperti debat alam sekitar dan melukis oleh kanak-kanak; dan
- (vii) hebahan media.

Pada 1 Januari 2009, Jabatan Alam Sekitar telah pun menubuhkan Rakan Alam Sekitar di negara kita dan sehingga 23 Jun tahun ini, keahlian di dalam Rakan Alam Sekitar ialah sebanyak 214,733 orang. Rakan Alam Sekitar ini menjadi mata dan telinga kerajaan untuk meneliti sama ada di sesebuah tempat ataupun tempat-tempat yang lain terdapat pencemaran yang berlaku dan melaporkannya jika ia berlaku pada Jabatan Alam Sekitar.

Di peringkat Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Jabatan Alam Sekitar juga melaksanakan program-program yang sesuai untuk mereka. Pertama, pensijilan kompetensi ke arah pematuhan sendiri iaitu *self regulation*. Kedua, program industri hijau juga dilaksanakan untuk mereka. Sekian, terima kasih.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya iaitu saya merujuk kepada efluen perindustrian yang bermaksud iaitu apa-apa sisa dalam bentuk cecair atau air buangan yang terhasil daripada aktiviti-aktiviti pengeluaran kilang-kilang perindustrian kecil dan sederhana. Merujuk kes-kes mahkamah sepanjang bulan Mei 2015 yang berkaitan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 menunjukkan bahawa kes tertinggi ialah kesalahan di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

■1130

Seluruh negara hanya menyumbang 29 kes daripada 77 kes lain alam sekitar. Semenjak lima tahun yang lepas, kes-kes pencemaran efluen dan kumbahan industri langsung tidak menggambarkan trend penurunan. Jika tidak terkawal adalah tidak mustahil sungai-sungai kita akan rosak, *beyond repair*, punah akibat pencemaran industri yang melampau.

Soalan saya ialah apakah mekanisme yang dijalankan oleh pihak kementerian memantau pencemaran ini dan apakah langkah-langkah pengawalannya yang dirancang untuk membaikinya. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah atas pertanyaan itu. Saya juga bimbang tentang pencemaran sungai-sungai kita disebabkan efluen yang dikeluarkan oleh industri yang bilangan industri begitu banyak di negara kita semakin bertambah. Apa yang dilakukan oleh kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Walaupun penguatkuasaan ini dibuat, sememangnya saya tahu industri yang terletak jauh dari pusat bandar di tebing sungai, mereka ini kadang-kadang melepaskan efluen mereka waktu malam apabila pegawai sudah tidak ada membuat penguatkuasaan pada waktu malam. Oleh itu kementerian juga melihat perkara ini satu perkara yang seharusnya ditangani. Walaupun ia demikian Jabatan Alam Sekitar juga mengarahkan pegawai-pegawai di jabatan-jabatan di negeri-negeri untuk menjalankan tugas mereka waktu malam di mana ada *hotspot* seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi sungai kita semakin tercemar dan kita tidak mahu sungai kita tercemar. Oleh itu penguatkuasaan yang lebih rapi adalah penting. Ini juga dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar.

Selain daripada itu Jabatan Alam Sekitar menggunakan dron dengan teknologi LIDAR. Teknologi LIDAR ini mengambil gambar daripada udara dan gambar ini boleh diasingkan sebagai lapisan kalau lapisan di atas itu diasingkan, yang kedua diasingkan supaya kita boleh membuat analisis dan melihat di

manakah pencemaran berlaku, di lapisan mana pencemaran yang berlaku? Jadi ini juga dibuat. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selain program-program kesedaran dan kefahaman yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, program penguatkuasaan berterusan, bukan berkala yang saya yakin akan lebih berkesan. Sudah tentu kementerian dan pihak berkuasa tempatan sudah mengetahui lokasi-lokasi premis IKS yang berdaftar, manakala masyarakat tempatan pula mengetahui IKS yang beroperasi secara haram. Apakah, atau pun adakah wujud kekangan antara kementerian dengan pihak berkuasa tempatan khususnya dalam kalangan anggota-anggota penguatkuasaan kedua-dua agensi berkenaan untuk melaksanakan tugas masing-masing?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Jabatan Alam Sekitar dan pihak berkuasa tempatan sememangnya tidak ada kekangan. Akan tetapi mewujudkan program CET iaitu *Centralised Enforcement Team*, bukan hanya juga dengan pihak PBT tetapi jabatan-jabatan lain di negeri masing-masing. Oleh itu penguatkuasaan kerap dibuat dengan mewujudkan *Centralised Enforcement Team* (CET) ini. Dengan kewujudan ini ada juga kurang insiden-insiden pelepasan efluen.

Kalau lah IKS itu sememangnya berlesen atau pun IKS rasmi. IKS atau pun industri yang tidak berlesen, yang haram itu seharusnya kalau ia terletak jauh di kawasan perkampungan, orang kampung juga boleh buat laporan dengan PBT sebab PBT sebuah agensi yang terdekat kepada perkampungan dan yang baiknya adalah melaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar di negeri masing-masing supaya tindakan boleh diambil untuk menutup kilang-kilang yang tidak berlesen atau pun kilang-kilang haram. Sekian, terima kasih.

**10. Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sokongan kementerian dalam mempromosi sukan silat yang dikenali sebagai *One Silat*, sekali gus menaikkan nama seni bangsa Melayu terutama di peringkat antarabangsa.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan A/L Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Persatuan Silat Kebangsaan Malaysia (SAKA) yang telah berjaya menganjurkan kejohanan *One Silat* buat julung kalinya pada 23 hingga 25 Mei 2015 semasa berlangsung Festival Belia Putrajaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, *One Silat* ini merupakan *modified event* bagi sukan pencak silat yang kini menjadi satu revolusi baru bagi sukan mempertahankan diri atau sukan tempur. Justeru *One Silat* merupakan satu pilihan kepada belia-belie kita sama ada ingin mengambil bahagian dalam acara seni silat atau silat tanding atau mengambil bahagian dalam *One Silat* yang diuruskan secara profesional seperti kejohanan *kick boxing* atau *Muay Thai* yang kini dipertandingkan secara global.

Kementerian Belia dan Sukan juga menyokong penuh usaha Persatuan Silat Kebangsaan Malaysia (SAKA) dalam mengembangkan lagi seni silat secara global dan akan membantu mempromosi *One Silat* ini menerusi program-program belia khususnya dalam program Rakan Muda. Terima kasih.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas pengiktirafan Kementerian Belia dan Sukan terhadap *One Silat*. Soalan tambahan saya jika kita lihat sendiri sukan seni mempertahankan diri dari yang lain seperti tekwando, karate atau pun judo begitu mendapat tempat di peringkat sekolah atau institusi pengajian berbanding dengan silat.

Jadi saya ingin tahu bolehkah menerusi kementerian ini membuat satu tindakan proaktif dan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi memudahkan silat dibuka di sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian dan tidak terhad kepada olahraga sahaja. Malahan untuk makluman Dewan yang mulia ini yuran silat adalah paling rendah kalau hendak dibandingkan dengan yuran seni mempertahankan diri yang lain. Saya ucap terima kasih kepada dua buah universiti iaitu Universiti Sains Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa yang telah menerima silat sebagai kokurikulum dan memberi *point* kepada pengajaran *degree*. Terima kasih.

**Datuk Saravanan A/L Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan tidak ada masalah bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan dan mempromosikan seni silat ini. Kementerian juga telah mengambil beberapa inisiatif yang positif dalam memastikan pembangunan sukan pencak silat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ia sukan pencak silat disenaraikan sebagai sukan wajib dalam temasya Sukan Malaysia bermula di Sukan Malaysia Kedua pada tahun 1988 dan Majlis Sukan Negara telah mewujudkan program atlet secara sepenuh masa untuk sukan pencak silat ini.

#### ■1140

Atlet-atlet yang berpotensi akan dipilih dan menjalankan latihan dan akan diberi pendedahan untuk menyertai kejohanan-kejohanan kebangsaan dan antarabangsa. Kementerian Belia dan Sukan juga telah mencadangkan pusat latihan sukan tempur dibina di Bukit Jalil dalam pelan *sport city* yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**11. Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan** minta Perdana Menteri menyatakan, pencapaian Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) mengikut pecahan terperinci dan peluang dicipta untuk golongan bumiputera berdasarkan laporan Program Transformasi Ekonomi (ETP) 2014.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Skim Jejak Jaya Bumiputera ataupun SJJB merupakan program dalam membantu menyenaraikan syarikat-syarikat bumiputera di Bursa Malaysia. Program ini telah dilaksanakan hasil kerjasama Teraju dan pihak Ekuinas. Melalui program SJJB ini, syarikat-syarikat bumiputera akan diberi sokongan *last mile*, dengan izin, untuk disenaraikan di Bursa Malaysia. Program ini bertujuan untuk mencari syarikat yang berpotensi besar untuk disenaraikan dan menjana modal pasaran yang lebih

besar. Sehingga kini, sepuluh buah syarikat telah pun disenaraikan di Bursa Malaysia dengan nilai modal pasaran atau pun *market capitalization*, dengan izin, sebanyak RM4.73 bilion.

Kalau kita lihat daripada segi senarai syarikat-syarikat ini termasuklah Handal Resources Berhad, Theta Edge Berhad, Cypark Resources Berhad, Malaysian Genomics Resource Centre Berhad, Century Software Holdings Berhad, Prestariang Berhad, Datasonic Group Berhad, Barakah Offshore Petroleum Berhad, Carimin Petroleum Berhad dan E.A. Technique Malaysia Berhad. Kalau kita lihat daripada segi peningkatan *market capitalization* ini, dengan izin, kalau berbanding dengan semasa, ia disenaraikan pada jumlah RM1.964 bilion meningkat kepada RM4.712 bilion setakat 31 Mac 2015. Ini merupakan satu peningkatan sebanyak 139.9%. Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apakah kriteria utama yang dinilai oleh Ekuinas dalam memastikan syarikat ini akan terus kekal berdaya maju, konsisten, terlibat dalam bidang yang terpilih, yang pentingnya bukan syarikat Ali Baba untuk mendapat insentif? Ke manakah hala tuju dan masa depan syarikat ini selepas disenaraikan? Terima kasih.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semasa kita membuat penilaian untuk mencari syarikat-syarikat yang layak, kita mencari syarikat-syarikat yang berdaya maju, yang mempunyai modal perniagaan yang baik dan boleh diperkembangkan. Selain daripada itu, kita melihat kepada kualiti *entrepreneur* ataupun usahawan tersebut. Apabila kita menerima mereka ini, kita di pihak Ekuinas dan Teraju bersama-sama bekerja untuk mencari jalan bagaimana perniagaan mereka ini boleh dikembangkan supaya apabila ia disenaraikan bukan kekal pada tahap yang sama. Jadi kita hendak mereka berkembang dan kita memperincikan pelan-pelan pembangunan ataupun pengembangan perniagaan mereka. Ini kita bantu sehinggalah mereka tersenarai.

Selain daripada itu, kita juga ada program-program di mana kita meneruskan libat urus kita ataupun *engagement* kita dengan mereka dan di mana mereka juga berunding bersama kita bagaimana cara-cara untuk mereka mengembangkan *business* mereka. Jadi sebab itulah saya sebutkan tadi antara syarikat-syarikat yang sepuluh ini, ia telah berkembang dengan baik. Ada yang perniagaan mereka menyusut akibat keadaan luaran tetapi yang mana yang mempunyai semangat *management* ataupun pengurusan yang baik, mereka dapat terus berkembang. Terima kasih.

**12. Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif@Mohd. Sharif** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah kementerian bercadang untuk memperluaskan lagi program tanggungjawab sosial badan-badan korporat kepada sekolah-sekolah agar bidang pendidikan ini dapat dibangunkan bersama oleh semua pihak.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Haji Salim.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025 di bawah anjakan ke-9 telah mewujudkan Inisiatif 66 iaitu perluasan penglibatan sektor swasta bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta sebagai rakan dalam pendidikan. Melalui inisiatif ini, Kementerian Pendidikan Malaysia akan memperluaskan lagi program tanggungjawab sosial

badan-badan korporat kepada sekolah-sekolah melalui pelaksanaan tiga program yang melibatkan sektor swasta iaitu Program Sekolah Amanah, Program Sekolah Angkat dan Program *One-off*.

Bagi tujuan meluaskan konsep kerjasama berkenaan, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang membangunkan dan memperincikan garis panduan peraturan dan syarat-syarat berkaitan secara terperinci atau dikenali sebagai *sponsor kit*, dengan izin, yang standard bagi tujuan penajaan program pendidikan oleh pihak korporat yang berminat dan bakal menjadi rujukan pihak-pihak yang ingin bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif@Mohd. Sharif:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu berapa banyak jumlah peruntukan ataupun tabung yang diberikan oleh GLC kepada sekolah-sekolah yang disebut tadi iaitu Sekolah Angkat, *One-off* dan Sekolah Amanah seperti mana kita tahu bahawa sekolah-sekolah yang berada jauh di pedalaman masih jurang yang sangat lebar daripada segi kemudahan-kemudahan asas. Contohnya asrama desa, telaga tiub dan juga bekalan elektrik 24 jam. Apakah peranan yang dimainkan oleh pihak GLC ataupun pihak korporat menyumbang kepada membangunkan pendidikan di luar bandar? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan A/P P. Panchanathan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat. Secara spesifik, kos yang dibelanjakan oleh GLC ini mungkin tidak dapat saya beri secara spesifik tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, contoh ya, bagi Program Sekolah Amanah, terdapat lebih kurang 40 buah sekolah terlibat dalam Program Sekolah Amanah. Lebih kurang 539 buah sekolah terlibat dalam Program Sekolah Angkat dan Program *One-off* ini pula merupakan program spesifik di mana syarikat-syarikat, contoh di bahagian pengurusan sekolah harian kita, kita menerima setiap hari ada lebih kurang sepuluh buah syarikat yang berminat untuk bekerjasama dengan sekolah-sekolah dalam secara langsung atau tidak langsung yang mana kita sentiasa mempelawa mereka dan bekerjasama.

Akan tetapi apabila kita menyatakan daripada segi syarikat-syarikat atau GLC, contohnya dalam Program Sekolah Amanah, kita mempunyai Khazanah Nasional. Malah Khazanah Nasional telah menerbitkan sukuk sebanyak RM100 juta untuk pendidikan. Selain daripada Khazanah Nasional, kita juga ada *West Port Malaysia*, kita ada UEM, kita ada Yayasan Daya Diri, kita ada TimeDot Com, *Jeffrey Cheah Foundation*, syarikat-syarikat yang membantu di program-program sekolah amanah. Program Sekolah Angkat pula kita ada *Pintar Foundation*, Bank Islam, *Chemical Company of Malaysia*, Iskandar Development, MAS, saya boleh senaraikan syarikat-syarikat yang telah membantu dan akan terus membantu.

Malah Yang Berhormat, kita sedia apabila kita pergi ke zaman sekolah, contoh seperti Milo dari awal sehingga kini. Sekarang dalam program MSSM 2015, anggaran lebih kurang RM1 juta telah pun mereka ketepikan untuk program-program sukan Malaysia sahaja. Begitu juga dengan Dutch Lady dan sebagainya. Kita menggalakkan dan hasrat kita adalah untuk menambah baik. Oleh sebab itulah seperti mana yang saya kata sebentar tadi, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang membangunkan dan memperincikan garis panduan ini supaya kita dapat membenarkan banyak lagi syarikat-syarikat bukan

sahaja GLC tetapi syarikat-syarikat swasta untuk membantu Kementerian Pendidikan Malaysia bersama-sama membantu sekolah-sekolah kerajaan. Terima kasih, Yang Berhormat.

■1150

**Tuan Yang di-Pertua:** Seterusnya Yang Berhormat, sila ada satu urusan yang hendak salah seorang Menteri untuk menyatakan. Ada urusan Mesyuarat hari ini.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.50 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan yang di-pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.30 petang. Selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 24 Jun 2015.”

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Seterusnya semua Ahli Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat supaya didapati Ahli-ahli yang hendak berbahas selepas ini untuk Rancangan Malaysia Kesebelas nampaknya tidak begitu ramai. Saya harap Yang Berhormat sila kemukakan nama supaya senang saya buat perancangan masa. Di samping itu, kita teruskan kepada pertanyaan nombor 13.

**13. Datuk Yoo Wei How** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, tentang jumlah kelulusan Dana Tabung Usahawan Siswazah (TUS) setakat ini. Apa hasil daripada dana ini dalam usaha membantu golongan siswa yang telah dikecapi.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, Tabung Usahawan Siswazah (TUS) di bawah penyeliaan SME Bank telah diwujudkan oleh kerajaan untuk menggalakkan siswazah untuk berniaga dan memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Pemberian pinjaman mudah melalui TUS adalah untuk

membantu mereka memulakan atau mengembangkan perniagaan sedia ada bagi pembiayaan perolehan harta tetap, modal kerja atau kedua-duanya sekali. TUS boleh dipohon bagi bidang-bidang perniagaan yang berpotensi mendapatkan rakan kerajaan, berdaya saing dan menerapkan unsur inovasi.

Antara bidang perniagaan yang dibiayai melalui TUS ialah teknologi maklumat, peruncitan dan pemborongan, pembuatan dan pengilangan, pembinaan hotel dan restoran, francais dan pengangkutan. Dari tahun 1998 hingga Februari 2015, SME Bank telah meluluskan sejumlah RM179.2 juta pembiayaan kepada 2,363 orang usahawan siswazah PKS di bawah program TUS. Jumlah tersebut adalah secara ulang guna atau *revolving* dan peraturan pembiayaan tidak berbayar adalah sekitar 2.5%. Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan di kalangan usahawan TUS pada 2014, sebanyak 43.2% orang usahawan graduan dari bidang perniagaan dan perbankan, 28.5% dari bidang kejuruteraan dan selebihnya 28.3% dari lain-lain jurusan.

Kaji selidik tersebut juga mendapati bahawa TUS telah berjaya membantu golongan siswazah di mana 23% orang usahawan mengalami peningkatan jualan dan keuntungan selepas mendapat pembiayaan melalui TUS dan 16% berjaya mengembangkan perniagaan dengan membuka cawangan baru dan mempelbagaikan jenis produk. Sekian, terima kasih.

**Datuk Yoo Wei How:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan beliau. Soalan tambahan saya, selaras dengan Program Pembangunan Vokasional dan Teknikal dalam RMKe-11 ini, apakah rancangan kementerian dalam membantu lulusan vokasional dan teknikal untuk membangunkan kerjaya perniagaan mereka melalui Program TUS? Sekian, terima kasih.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pendidikan vokasional adalah dalam bidang kementerian lain. Terima kasih.

**14. Tuan Koh Chin Han** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah kegemukan yang kian menjadi serius di kalangan belia, mahupun di kalangan kanak-kanak yang kurang bersenam pada masa kini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Koh. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkenaan dengan obesiti di kalangan kanak-kanak dan belia.

Tuan Yang di-Pertua, obesiti atau kegemukan terjadi adalah disebabkan oleh pengambilan makanan yang berlebihan dan tahap aktiviti fizikal serta senaman yang tidak mencukupi. Hasil daripada kepelbagaian strategi yang telah dilaksanakan, dapat ditunjukkan dari *Survey Kesihatan dan Mobiliti Kebangsaan (National Health and Mobility Survey)*, pada tahun 1996, *survey* berkenaan telah pun menunjukkan *prevalence* obesiti adalah pada 4.4%. Pada tahun 2006, *survey* telah dijalankan semula dan *prevalencenya* iaitu sepuluh tahun kemudian, *prevalencenya* 14.4% kadar kegemukan di kalangan masyarakat dengan kadar peningkatan sebanyak 10% dalam tempoh sepuluh tahun.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2011 iaitu lima tahun kemudian, *prevalence* obesiti 15% iaitu kadar peningkatan hanya 1% sahaja berbanding dengan *survey* pada 2006. Manakala di kalangan

kanak-kanak dan remaja pula menunjukkan *prevalence* berlebihan berat badan menurun dari 5.4% pada *survey* yang telah dibuat pada tahun 2006 kepada 3.9% pada *survey* yang telah dibuat pada 2011. Ini menunjukkan strategi dan inisiatif yang dilaksanakan oleh KKM dan agensi lain memberikan kesan positif apabila berjaya menurunkan kadar peningkatan obesiti dewasa dan penurunan *prevalence* berlebihan berat badan di kalangan kanak-kanak dan remaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa komited untuk menangani masalah kegemukan atau obesiti di kalangan rakyat Malaysia terutamanya di kalangan kanak-kanak dan belia. Sehubungan itu, beberapa program dan aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan untuk tujuan ini. Antaranya Program Doktor Muda di sekolah dan Tunas Doktor Muda di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah. Sekarang terdapat 2,000 buah sekolah rendah yang terlibat dan 400 buah sekolah menengah yang terlibat. Di peringkat universiti, kita ada Program Siswa Sihat (PROSIS). Yang terlibat sebanyak 17 buah IPTA, Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian Kesihatan sentiasa mencari jalan atau langkah yang baru dan terbaik untuk membanteras masalah kegemukan. Antara strategi yang sedang dijalankan ialah membentuk pelan strategik kebangsaan untuk penyakit tidak berjangkit dari 2016 hingga 2020, Pelan Tindakan Makanan Kebangsaan Malaysia 2016 hingga 2025 dan Pelan Strategi Aktiviti Fizikal Kebangsaan dengan memperkenalkan Program *My Body is Fit and Fabulous at School* dan inisiatif pemerikasaan PIBG bagi menangani masalah obesiti di kalangan murid sekolah serta memperkenalkan Program *Back to Nature* yang memfokuskan kepada penerapan komponen pemakanan sihat dalam aktiviti di sekolah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Koh Chin Han:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Saya ingin bertanya apakah sistem identifikasi nutrisi makanan dan minuman yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan semua produk makanan dan minuman yang diberikan pelabelan makanan sihat selain daripada cadangan *traffic light food labelling system*.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, untuk sekolah, memang kita ada garis panduan untuk mengendalikan kantin sekolah itu. Contohnya kita mengawal daripada segi kebersihan dan juga jenis-jenis makanan yang boleh dijual yang dibenarkan dijual di kantin sekolah dan juga di perimeter sekolah. Bermakna 40 meter di sekeliling sekolah juga tidak dibenarkan menjual perkara-perkara yang tertentu. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal kawalan pemakanan, memang kementerian ada satu seksyen atau satu bahagian yang khas ditubuhkan untuk kawalan makanan.

#### ■1200

Memang tiap-tiap makanan yang dijual di pasaran, kita akan ambil sampel dan kita akan buat ujian. Kalau didapati bahan-bahan yang terlarang, kita akan rampas dan tindakan akan diambil kepada tuan punya kedai ataupun tuan punya produk, Tuan Yang di-Pertua. Kita memang sudah buat pelbagai rampasan Tuan Yang di-Pertua. Kita *check* sudah banyak premis dan telah membuat banyak rampasan dan tindakan telah dikenakan terhadap mereka yang terlibat, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan seterusnya, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berminat dengar obesiti ini dan ia merupakan satu masalah kepada sebahagian orang. Jadi saya hendak bertanya kepada Menteri, daripada penjelasan yang telah diberikan tadi, ramai masyarakat Malaysia yang terlibat dengan hal-hal ini. Kadang-kadang dia naik, dia turun. Jadi, persoalan kita sekarang ini ialah bagaimana hendak memberi maklumat ini sampai kepada peringkat yang lebih mendasari iaitu masyarakat sampai ke kampung-kampung? Oleh sebab saya lihat di kampung, orang tidak peduli hal ini. Mereka tidak memberi perhatian. Mungkin anak-anak ke sekolah, guru-guru memberi maklumat. Akan tetapi apabila sampai ke rumah, mereka tidak ada apa-apa lagi. Itu satu perkara.

Kedua, adakah produk-produk yang ditawarkan, kosmetik, kecantikan juga boleh membantu mengurangkan obesiti ini selain daripada kecantikan? Jadi saya tengok ada dikaitkan cantik dengan kurus. Jadi, adakah kementerian boleh menerima hakikat itu? Kalau boleh kita mahu dapat penerangan atau penjelasan berapa banyak produk yang dikaitkan dengan menguruskan badan dengan kecantikan itu boleh membantu dalam meringankan berat badan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ya. Soalan tadi adalah berkenaan dengan apa yang disebut sebagai *awareness campaign*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua terhadap masalah kegemukan di kalangan masyarakat kita. Kementerian telah pun melancarkan satu program yang dipanggil KOSPEN. KOSPEN ialah untuk menerapkan maklumat di kalangan masyarakat kita tentang tanggungjawab mereka supaya maksudnya bukan hanya kementerian yang berusaha tetapi juga kita melibatkan orang ramai.

Kita telah melancarkan KOSPEN ini pada bulan Februari 2013 dan ini melibatkan KEMAS di peringkat kampung dan rukun tetangga. Sekarang ini kita libatkan juga rukun tetangga. *Target* dan matlamat kita untuk melatih orang kampung sekurang-kurangnya lima orang tiap-tiap kampung supaya dia boleh mengambil *blood pressure*, mengambil BMI. BMI ini ialah *Body Mass Index* untuk diambil dan ditimbang dan juga diambil ketinggian dia berapa dan dia ada carta dia, barulah kita dapat *Body Mass Index* (BMI). Kita juga latih mereka untuk mengambil darah untuk *blood glucose* dan kolesterol. Kita juga melatih mereka supaya boleh memberi nasihat sedikit tentang pemakanan dan sebagainya.

Setakat ini kita telah pun melatih 14,000 orang sukarelawan yang melibatkan KEMAS dan rukun tetangga. Matlamat kita ialah untuk mencapai 50,000 orang sukarelawan seluruh Malaysia. Kita harap bila sampai ke tahap itu, ramai lagi rakyat Malaysia akan bersikap bertanggungjawab ke atas diri dan kesihatan masing-masing. Ini adalah antara program-program yang disebut sebagai mencegah NCD iaitu penyakit-penyakit berjangkit yang tidak berjangkit termasuk juga menggalakkan rakyat kita buat *exercise*. Banyakkan aktiviti *exercise*, berjalan kaki 10,000 langkah sehari, naik basikal, berjalan kaki ke masjid dan sebagainya macam yang kita lancarkan baru-baru ini. Dengan cara itu, bila kita makan berlebihan, kita akan bakar kalori kita supaya kalori tidak disimpan dalam badan yang mana bila kalori disimpan dalam badan, ia akan *diconvert* menjadi lemak dan kita akan jadi gemuk.

Tentang kosmetik pula Tuan Yang di-Pertua, ini banyak bahan kosmetik. Jadi kita memang mengawal tetapi kita tidak kaitkan kosmetik ini dengan masalah obesiti. Setakat ini cuma kita tidak mahu

kaitkan begitu kerana kosmetik ini melibatkan berbagai-bagai jenis ubat, makanan dan sebagainya. Ya, memang bila kecantikan akan dikaitkan dengan badan langsing dan sebagainya. Akan tetapi setakat ini kita tidak kaitkan kempen tentang gemuk ini dengan kosmetik, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekianlah sahaja soalan-soalan dan pertanyaan lisan yang boleh kita jawab pada hari ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]***

## USUL

### **RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

**“Bahawa Dewan ini,**

**Menyedari** akan cabaran pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh;

**Merestui** usaha kerajaan untuk meneruskan Dasar Transformasi Nasional atau DTN dalam rangka dan merencana Rancangan Malaysia Kesebelas seterusnya;

**Meluluskan** pelaksanaannya bertunjangan falsafah Dasar Transformasi Nasional dalam ikhtiar menjadi sebuah negara maju pada Tahun 2020 menurut Kertas Perintah Tahun 2015;

**Bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesebelas, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama dan berusaha menjayakan matlamatnya.” **[22 Jun 2015]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta semula Yang Berhormat Dato’ Dr. Johari bin Mat menyambung perbahasan. Di samping itu, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat kerana ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengangkat sumpah bukan yang baru ini, yang sebelum pun ada masih belum membuat apa-apa perbahasan. Saya rasa Ahli Yang Berhormat wajar untuk mengambil bahagian dan juga kepada yang baru ini kalau sudah bersedia, sila teruskan. Jangan kaku-kaku untuk memberi. Yang Berhormat telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara, sudah sewajarnya mengambil bahagian. Saya hendak melihat semua mesti bersikap proaktif dalam perkara ini. Pelantikan Yang Berhormat memang sangat dihargai mewakili. Sebelum dapat, saya rasa berebut-rebut hendak minta, bila dah masuk dalam ini sedia bercakap.

Sekarang saya mempersilakan. Yang Berhormat, silakan.

**12.07 tgh.**

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi saya untuk menyambung ucapan saya semalam. Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah, wassalatu wassala muala rasulillah waalaalihi wassabihi wamawallah.*

Semalam saya menyebut bahawa di samping kita mengusahakan peningkatan pendapatan, pada waktu yang sama juga kita perlu supaya perkara-perkara negatif yang berlaku dalam masyarakat dapat dikurangkan atau kalau boleh kita ditiadakan. Seperti yang kita tengok, peningkatan jenayah juga dapat kita kurangkan. Kemasukan warga asing yang tidak terkawal juga perlu kita kurangkan, kalau boleh dikurangkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Begitulah juga perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Peningkatan pendapatan ini atau meningkatkan kesejahteraan hidup ini, Allah sentiasa sebut berganding antara solat dengan zakat. Allah berfirman... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Maksudnya "*Dirikanlah solat dan tunaikan zakat*". Solat hubungan kita dengan Allah, tunaikan zakat hubungan kita dengan masyarakat. Selama mana Allah menyebut solat, maka selama itulah Dia menyebut zakat. Apabila sebut zakat, bermakna ada golongan yang miskin yang perlu dibantu, yang perlu ditingkatkan kehidupan mereka supaya mereka terangkat daripada kedudukan yang kurang baik. Oleh sebab itu, kemiskinan ini dia akan terus berada dalam masyarakat dan sukar kita basmi. Bagi saya, istilah pembasmian itu mungkin boleh digunakan tetapi sukar dibasmi kerana setiap masyarakat, penilaian miskin itu tetap ada dan dia akan berterusan berlaku. Oleh sebab itulah bagi saya, ia merupakan satu perkara yang sangat perlu diberi perhatian.

Berhubung dengan kemiskinan ini dan peningkatan ini kalau kita tengok rumah mampu milik, banyak usaha yang telah dibuat oleh pihak kerajaan. Kalau kita tengok dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, macam-macam nama telah diberi dan berbagai-bagai program telah dikemukakan. Soalan yang saya hendak tanya ialah setakat ini, berapa banyakkah rumah yang telah siap? Berapa banyakkah lagi rumah yang diperlukan oleh masyarakat kita?

**■1210**

Begitulah juga dalam rangka Rancangan Malaysia Kesebelas ini, kita telah mengetahui pertumbuhan masyarakat, pertumbuhan penduduk kita dan kita boleh jangkakan berapa banyak lagi rumah yang diperlukan oleh mereka sehingga pada satu masa, tidak ada lagi masalah perumahan yang dihadapi.

Begitulah juga saya ingin mengetahui di segi perangkaan, berapa ramai pula golongan yang tidak mampu untuk memiliki rumah. Dia tidak ada peluang. Kalau tadi kita tengok orang yang mempunyai pendapatan sederhana atau kecil dan sebagainya, mereka ada peluang. Ini tak ada langsung, tak ada pendapatan tetap. Tak ada apa-apa dan kalau hidup pun mungkin berada di rumah sewa dan sewa pun sangat daif. Boleh juga kita mengetahui dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini, berapa ramai mereka

ini yang menghadapi tidak ada peluang untuk membuat rumah. Tidak ada peluang langsung dan kalau kita boleh tengok ini merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian kepada kita.

Dalam sektor pertanian Tuan Yang di-Pertua, ia juga dijangkakan berkembang kepada 3.5% dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Setakat ini sasaran Malaysia, sampai ke Rancangan Malaysia Kesepuluh telah dapat dicapai. Adakah ia telah dicapai dengan yang kita hendak? Kalau tak dapat, banyak mana? Kalau sekiranya tak dapat itu, kita perlu lihat apa dia masalah dan perlu ia kita atasi dari semasa ke semasa.

Di segi pertanian ini khususnya makanan, dalam rancangan kita yang lalu dan juga Rancangan Malaysia Kesebelas ini, agak-agaknya saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, bilakah Malaysia akan dapat berdikari dalam makanan kita? Tidak bergantung pada negara luar, tidak bergantung pada negara Thailand untuk membawa masuk beras ke negara kita. Oleh sebab itulah kalau kita boleh lihat perkara ini merupakan satu perkara yang sangat besar dalam kehidupan kita dan kalau kita sudah cukup beras kita atau perkara-perkara yang lain, maka beras-beras daripada negara luar boleh kita letakkan dengan harga yang tinggi dan cukai yang tinggi. Itu boleh mendapat pendapatan negara.

Seterusnya saya hendak pergi Tuan Yang di-Pertua kepada konsep *al-wasatiyyah*. Konsep *al-wasatiyyah* ini sangat cantik dan selalu disebut dan digandingkan dengan *maqasid syariah*. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini, saya ingin sekali lagi menyebut di sini supaya mana-mana jawatankuasa peringkat tertinggi dan semua kementerian supaya dilibatkan mereka yang arif di dalam bidang Islam untuk membantu semua peringkat di dalam membuat dasar ataupun perancangan supaya ia tidak bertentangan dengan syarak. Ini sangat penting sebab kalau kita lihat, umat Islam di Malaysia ingin supaya merealisasikan kehidupan kita menurut syariat dan merealisasikan kehidupan menurut syariat ini semua orang boleh mengguna pakai.

Sebagai contoh ialah makanan halal. Apabila makanan halal itu diperkenalkan dalam masyarakat, maka orang Islam sudah tidak ragu-ragu untuk menggunakan produk-produk tertentu. Pada waktu yang sama, *non-Muslim* pun boleh menggunakannya tanpa apa-apa masalah. Oleh sebab itu hal ini boleh kita melihat suatu perkara yang sangat berkesan dalam kehidupan kita.

Begitulah juga saya ingin mengetahui, kita telah ada indeks syariah, baru-baru ini telah dilancarkan. Setakat ini, sejauh mana hal ini telah dapat dilaksanakan dalam sektor-sektor yang telah diketengahkan oleh yang disebut baru-baru ini oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Perkara yang seterusnya ialah berhubung dengan ini, saya minta pihak kerajaan memberi satu penjelasan yang betul-betul dapat difahami oleh masyarakat tentang Ahli Sunnah wal-Jamaah. Saya masih keliru sebenarnya. Saya membaca buku-buku pun, masih saya ada kekeliruan. Saya difahamkan bahawa pihak JAKIM telah mengeluarkan satu definisi yang cantik tetapi boleh jadi masyarakat belum mengetahui. Apa yang dihidangkan kepada ramai kita, definisi Ahli Sunnah wal-Jamaah dalam konteks kita ini diberi definisi khusus iaitu akidahnya al-Asy'ari, fiqahnya Syafie, tasawufnya Ghazali. Saya melihat perkara ini perlu diperjelaskan. Kalau kita katakan, ini definisi untuk orang Malaysia, maka ia perlu dilihat

kembali apakah dia relevan definisi ini untuk dipakai kerana satu-satu definisi yang kita buat, kita gubal bukan untuk kita sahaja tetapi untuk diguna ramai khususnya umat Islam.

Kalau kita sebut akidahnya al-Asy'ari, maksudnya ikut Imam al-Asy'ari. Bermakna akidah yang dibawa oleh Imam Abu Mansur Al Maturidi tidak dipakai, tidak ahli sunnah maknanya. Begitulah juga akidah yang ditulis oleh Imam At-Tahawi tidak dipakai sedangkan mereka juga Ahli Sunnah wal Jamaah dengan definisi begitu.

Begitulah juga kalau kita kata fiqah kita Syafie, maka dengan sendirinya kita buang semua fiqh-fiqh ulama-ulama yang tersohor yang lain yang mendahului Imam Syafie seperti Abu Hanifah, Imam Malik dan kemudiannya Imam Ahmad. Maka kita telah memperkecilkan ruang Islam itu. Begitulah juga kalau disebut tasawufnya Imam Ghazali dan banyak lagi ahli tasawuf yang terkemuka, yang terkenal di dalam masyarakat. Maka kita dengan sendiri menidakkan mereka. Oleh sebab itulah makanya kita perlu sebarkan yang telah dibuat itu. Saya difahamkan telah ada definisi yang bagus katanya tetapi tidak dikeluarkan. Kalau kita membaca buku-buku, saya baru-baru ini baca akhbar *Mingguan Malaysia*. Dalam portal SPM disebut perkara yang seperti saya sebut tadi, aqidahnya berdasarkan kepada al-Asy'ari dan sebagainya. Bagi saya, perlu diperjelaskan.

Satu lagi yang perlu diperjelaskan lagi, kalau di kalangan kita, kita kata siapa pengasas ahli sunnah? Maka disebut pengasas ahli sunnah itu, dalam konteks buku-buku yang ada dalam negara kita ini disebut bahawa al-Imam Asy'ari. Ini satu perkara yang perlu dilihat semula sebab apabila kita mengatakan Imam Abu Hassan Al-Asy'ari pengasas, ia memberi implikasi yang besar. Bermakna, sebelum itu tak ada lagi. Kalau kita kata negara Malaysia diasaskan pada tahun 1963, makna sebelum itu tak ada lagi.

Begitulah juga kalau kita katakan pertubuhan. Pertubuhan mana-mana, beliakah atau pun pertubuhan politikkah diasaskan pada tahun sekian, bermakna pada tahun sebelum itu tidak ada lagi sedangkan al-Imam Al-Asy'ari lahir pada tahun 260 Hijrah dan dia kembali kepada akidah Ahli Sunnah wal Jamaah pada tahun 300 Hijrah. Bermakna 300 tahun hijrah sebelum itu, orang atas akidah apa? Ini yang perlu diperjelaskan. Oleh sebab itulah buku-buku yang hendak ditulis khaskan Kementerian Pelajaran perlu beri perhatian perkara-perkara ini kerana ini menyentuh perkara-perkara yang sangat dasar.

Saya bersetuju kalau mengatakan al-Imam Abu Hasan al-Asy'ari, pengasas mazhab Al-Asy'ari, bukan pengasas ahli sunnah sedangkan ahli sunnah telah ada zaman Nabi. Banyak ayat al-Quran dan juga hadis yang disebut tentang sunnah. Antaranya Rasulullah menyebut... [*Membaca sepotong hadis*] Antaranya bermaksud, hendaklah kamu berpegang dengan sunnah ku dan sunnah Khulafa Ar-Rasyidin. Maksudnya penggunaan sunnah sudah ada. Cuma pada waktu tidak diuar-uarkan. Hanya ia diuar-uarkan setelah munculnya berbagai-bagai golongan seperti Khawarij, Syiah dan sebagainya hanyalah untuk membezakan dengan golongan serpihan tersebut. Ini yang perlu kita jelaskan kepada masyarakat jangan sampai keliru dan setiap orang mengaku hendak jadi ahli sunnah. Muktazilah pun mengaku ahli sunnah.

## ■1220

Syah pun mengaku ahli sunah kerana ia satu nama yang sangat cantik yang datang dari Rasulullah semua orang *claim* tetapi yang betul-betul ahli sunah ialah yang mengikut Rasulullah SAW.

Kemudian saya ingin pergi kepada Kementerian Komunikasi. Baru-baru ini kita telah memperkenalkan GST dan salah satu bidang, salah satu perkara yang dihadapi oleh masyarakat bawahan, masyarakat kampunglah saya suka sebut orang kampung. Orang yang tidak mempunyai pendapatan tetap, pendapatannya sedikit mereka perlu juga menggunakan alat telekomunikasi. Mereka perlu kepada telefon dan rata-rata jarang orang tidak guna telefon sekarang ini. Jadi dalam perkara ini kita melihat pra-bayar telefon telah berlaku dalam masyarakat kita dan kita dikenakan caj 6%. Kita dengar juga kementerian mengatakan tidak perlu caj akhirnya tetapi dikenakan caj juga. Kalau sebelum ini hal itu dimasukkan di dalam SST. Kita bayar RM10, maka RM10 itulah yang kita dapat tetapi sekarang ini bayar RM10 dan 60 sen. Itu yang berlaku saya pun *top up* juga.

Jadi saya ingin tahulah sikap atau pendirian kerajaan mengenai perkara ini dan supaya pihak-pihak yang berkenaan memberi perhatian kepada pengguna yang ramai termasuk orang-orang yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap dan sebagainya, khasnya orang-orang di kampung yang tidak mempunyai pendapatan yang baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seorang yang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Mohon mencelah sedikit. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* saya mohon mencelah sedikit daripada Yang Berhormat punya berkenaan dengan *top up* ini tadi iaitu apa yang saya faham di mana di masa yang sudah, kerajaan tidak mengenakan SST. Tidak ada dikenakan SST 10% itu. Cuma apabila sampai masa kini diperkenalkan GST maka dikenakan kepada rakyat sebanyak 6%. Jadinya pada kaedah yang sebenarnya rakyat untung kerana dahulu tidak dikenakan caj langsung, sepatutnya sudah dikenakan 10%. Itu yang saya faham. Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih, tidak apalah tolong jawab. Kalau dahulu tidak bayar sekarang ini masalahnya yang 60 sen itu. Ini rakyat merungut yang itu yang dahulu tidak merungut sudah. Terima kasih, walau bagaimanapun saya ucapkan terima kasih dan mungkin Menteri boleh menambah lagilah jawapan. Saya mewakili orang-orang kampunglah Tuan Yang di-Pertua. Sudah orang-orang kampung pun dia tanya kita, kita tidak boleh hendak jawab. Jadi fasal dahulu ada perbincangan kena tidak kena, kena tidak kena akhirnya kena. Jadi mereka merasakan 60 sen itu besar bagi orang yang tidak ada pendapatan besar, bagi orang yang pendapatan banyak dia tidak rasa apa-apalah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak sebut berhubung dengan bahasa kebangsaan kita. Bahasa Kebangsaan ini telah lama disebut di merata-rata terutama di dalam Dewan ini namun sekarang ini masih lagi kita lihat bahasa kebangsaan ini dalam upacara dan juga nama-nama di kedai-kedai. Saya lama juga tinggal di Kuala Lumpur tetapi sekarang mari kadang-kadang. Jalan-jalan sekarang ini serupa negeri Orang Putih. Banyak nama Inggeris dan malah nama-nama yang bukan Inggeris pun ramai. Saya tidak menentang nama itu tetapi penggunaan. Kita kadang-kadang terlupa

mahu mendaulatkan bahasa kita sehingga kita tengok komersial lebih daripada identiti bangsa. Kita kalau kita tidak jaga bahasa kita tidak ada bangsa kita. Kita orang kenal Bahasa Melayu, bangsa Melayu kerana bahasa kita Bahasa Melayu dan Bahasa Kebangsaan. Perkara ini saya melihat perkara yang sangat penting untuk diperkasakan pada masa ke semasa.

Salah satu cara untuk memperkasakan bahasa kebangsaan ini dalam menterjemahkan buku. Terjemahan buku ini merupakan aset yang sangat besar di mana ilmu-ilmu daripada pelbagai bahasa dapat dibawa ke dalam bahasa kita dan dapat disebar. Saya difahamkan kita ada Institut Terjemahan Buku Malaysia. Institut Terjemahan Buku ini telah ditubuhkan dan diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan dan dikawal selia oleh Kementerian Pelajaran. Ada dua kementerian yang bergabung di situ. Walau bagaimanapun, ada saya dengar rungutan-rungutan bahawa sejak kebelakangan ini ada dua, tiga tahun ini mereka tidak terima daripada pihak, mereka sudah tidak menerima dana semenjak tiga tahun lepas. Jadi saya hendak tahulah betul atau tidak benda perkara ini. Kalau dana tidak terima, kalau duit ada tidak apa. Kalau dana tidak terima duit tidak ada mereka tidak akan dapat menjalankan tugas yang besar yang telah diamanahkan oleh pihak kerajaan.

Saya juga mendapat maklum mereka juga terlibat dengan pameran-pameran peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, kita mengucap syabas kepada pihak ITBM yang telah melakukan kerja-kerja walaupun dengan kekangan kewangan yang terhad. Begitulah juga kita yakin dan percaya dengan itu dia juga akan meningkatkan mutu sastera negara kita dan lintas negara Malaysia pun terangkat dan terjulung. Jadi kita melihat perkara ini merupakan satu perkara yang besar yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Seterusnya sistem pengangkutan, saya sangat-sangat teruja apabila sistem pengangkutan ini digarap begitu rupa dan salah satunya ialah lebuh raya Kota Baharu-Kuala Krai. Walaupun telah mula diusahakan, telah dilakukan, saya yakin dan percaya usah-usaha ini akan dapat diperkemaskan. Apa yang saya hendak sebut lagi kita lihat dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini Lebuh Raya Timur Barat akan diadakan lagi tetapi lebuh raya dari Johor melalui ke sebelah timur ini tidak ada disebut. Saya melihat kalau kita untuk merencanakan pembangunan ekonomi kita perlu kepada lebuh raya dan juga pembangunan seperti ini.

Kalau saya tidak mengapa sebutlah dibuat di mana-mana pun tetapi kita juga perlu bangunkan kawasan timur ini, Timur Semenanjung dari Johor, Negeri Sembilan seterusnya ke Pahang, Terengganu dan Kelantan. Ini merupakan jalur yang perlu diberi perhatian dan penduduknya sangat ramai, pun tidak dapat lagi perlu diperluaskan dan diperlebar jalan-jalan yang sedia ada supaya pergerakan, hubungan antara kita, antara negeri-negeri dan juga masyarakat dapat dilakukan dengan sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang kita sebut dalam hubungan ini ialah ia tidak terkeluar daripada ayat Aali-'Imran 14 dan 15. Allah SWT menyebut... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Dijadikan indah pada (pandangan) manusia, kecintaan kepada apa-apa yang diingini iaitu wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari emas, perak, kuda pilihan, binatang ternakan dan sawah ladang.*

*Itulah kesenangan yang sementara...*" Allah sebut manusia ini hendak perkara ini dan kita bincang di dalam Dewan ini pun Rancangan Malaysia Kesebelas tidak keluar daripada niat.

Pertama, orang yang hidup ingin kepada pasangan.

Yang kedua setelah berpasangan ingin kepada keturunan anak-anak.

Yang ketiga, mereka ingin kepada harta yang bertimbun-timbun.

Yang keempat, mereka ingin kepada kuda-kuda pilihan kalau kita kenderaan pilihan, kereta yang besar-besar dan sebagainya dan begitulah juga mereka ingin kepada ternakan dan seterusnya mereka ingin kepada sawah ladang. Ini perkara-perkara yang menjadi keinginan manusia.

#### ■1230

Jadi, dalam Rancangan Malaysia Yang Kesebelas ini, inilah yang difokuskan. Tidak keluar daripada ayat 14 dan 15 Surah Al-Imran. Cuma teknikal itu terpulang kepada kerajaan untuk memperincikannya tetapi matlamat yang telah diberikan, ia adalah sangat jelas. Namun, semua keinginan yang ada pada manusia itu telah disebut oleh Allah dan ada satu perkara yang kita perlu perhatikan iaitulah Allah berfirman... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Yang bermaksud, "*Inginkah..*", kata Allah "*...Aku beritahu yang terlebih baik daripada itu semua. Iaitulah bagi orang yang bertakwa, mereka akan diberi ganjaran syurga di hari akhirat nanti dan mereka akan diberi pasangan yang bersih, suci dan juga mendapat keredhaan Allah.*"

Saya hendak sebut bahawa di dalam kita membuat rancangan, juga menjadi tugas semua kita, termasuk kerajaan, pemimpin masyarakat dan sebagainya mengingatkan kita di dunia ini tidak lama. Kita akan ke sana juga dan perlu melakukan kerja-kerja di dunia ini dengan sebaik-baiknya kerana semua kerja di sini kita akan bawa ke akhirat nanti dan itu yang kita akan terima di akhirat. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung. Ada Abu Hurairah bertanya Rasulullah SAW, "*Wahai Rasulullah...*" Saya terjemahkan sahaja, iaitu apakah amalan yang boleh menyelamatkan seseorang dari masuk ke neraka? Rasulullah menjawab, "*Beriman dengan Allah.*"

Kemudian dia bertanya lagi, "*Selepas beriman dengan Allah, ada lagikah?*" Rasulullah menjawab, "*Ya.*" "*Apakah dia?*" "*Iaitulah hendaklah kamu melakukan amalan soleh.*" "*Kemudian selepas itu, ada lagi tidak Rasulullah?*" "*Ada.*" "*Apakah dia?*" Iaitu hendaklah kamu membelanjakan sebahagian harta kamu untuk diberikan kepada orang lain supaya orang susah dapat menikmatinya. Dia bertanya, wahai Rasulullah, kalau sekiranya orang itu tidak ada harta apa-apa, hendak buat macam mana? Rasulullah berkata, kamu suruhlah orang melakukan kebaikan dan cegah daripada kemungkarannya. Dia bertanya lagi, kalau seorang itu tidak mampu melakukan demikian, apakah yang dia hendak buat?" Dia kata, carilah, *create* lah satu pekerjaan dan berikan kepada seseorang.

Dan dia bertanya lagi, sekiranya orang itu miskin, tidak boleh hendak buat apa, tidak boleh hendak *create* dia boleh hendak beri pekerjaan kepada orang? Maka Rasulullah kata, kamu ini tanya semua, tidak beri orang lain tanya. Bantai semua tanya. Rasulullah kata, "*Jangan melakukan keburukan terhadap orang lain.*" Baik. Kemudian dia bertanya lagi, "*Wahai Rasulullah, adakah semua amalan tadi*

*boleh membawa orang masuk syurga?" Rasulullah kata, "Mana-mana orang Islam yang melakukan satu atau salah satu daripada amalan tadi, maka amalan itu akan memimpin dia ke syurga."*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut hari ini, masalah *create* kerja. Kita kalau ada orang yang mempunyai kepakaran, boleh memberi pekerjaan kepada orang lain. Tidak kira dia sebagai ahli syarikat, ahli korporat atau apa sahaja, apabila dia dapat memberi peluang pekerjaan kepada seseorang, maka dia telah dapat membantu orang lain dan pada hakikatnya dia membantu diri dia untuk ke syurga. Oleh sebab itu kalau kerajaan dapat membuat projek yang banyak, memberi peluang pekerjaan yang banyak kepada masyarakat, maka perlu ada, perlu rasa ini tanggungjawab dan dengan sebab itu dia boleh membawa ke syurga. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, Allah beri kepada orang yang diberi untuk menjawat jawatan penting dalam kerajaan, terutamanya Yang Berhormat Menteri-menteri, Yang Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Timbalan dan Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri. Mereka memegang posisi yang sangat berpengaruh dan memberi pekerjaan kepada orang, menyelesaikan masalah dan ini merupakan satu ganjaran yang sangat besar di sisi Allah SWT. Walaupun dia tidak buat dengan duit dia tetapi orang yang menyampaikan hak orang lain kepada orang yang berhak sama dengan tuan duit dia.

Semua kita duit kerajaan tapi kerajaan memberi amanah kepada kita untuk menjalankan tugas. Apabila kita menjalankan dengan baik, maka pahala itu akan mencurah-curah. Oleh sebab itulah makanya Rasulullah menyebut, *"Salah satu golongan yang mendapat bayang di syurga, bayang aras di akhirat ialah pemerintah yang adil iaitu pemerintah yang menjalankan tugas dengan tepat."* Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Tidak ada sudah, akhir. Kalau ada sumur di ladang, boleh jua menumpang mandi, kalau masih ada peluang, boleh Tuan Yang di-Pertua berikan peluang lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** *In shaa-Allah.*

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Tuan Yang di-Pertua, di akhirnya saya hendak baca satu doa. Doa ini doa Nabi untuk kejayaan kita bersama. Kalau semua kita terhindar daripada perkara ini, maka kitalah orang yang cemerlang. Doa *simple* sahaja... *[Membaca sepotong doa]* Maksudnya, *Ya Allah, Ya Tuhanku, aku mohon berlindung denganMu daripada susah dan dukacita. Aku mohon denganMu daripada lemah dan malas. Aku mohon denganMu, berlindung denganMu daripada penakut dan bakhil dan aku mohon berlindung denganMu daripada hutang dan juga kekerasan penjahat dan penyangak.* Kalau kita terhindar daripada lapan perkara ini, kita diri sendiri, keluarga, negara kita tidak ada perkara ini dan terhindar dengan sebaiknya, maka kita adalah orang yang paling bahagia, keluarga kita, masyarakat kita dan seterusnya negara kita negara yang paling baik, *in shaa-Allah.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi. *Assalamualaikum Warahmatullah.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng. Untuk makluman semua Yang Berhormat, saya terpaksa bagi

*priority* kerana Yang Berhormat ini sebenarnya dalam keadaan uzur tetapi dia berusaha untuk berucap juga. Silakan.

### **12.37 tgh.**

**Tuan Chia Song Cheng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk menyertai, membahar usul RMKe-11 dalam Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia atas usaha telah mengemukakan usul RMKe-11 pada bulan yang lepas di Dewan Rakyat dan telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat Parlimen Malaysia pada 15 Jun. Seterusnya, dibentangkan untuk pertimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, RMKe-11 rancangan pembangunan yang penting dalam sejarah Malaysia. Oleh sebab memandangkan negara Malaysia hanya tinggal sahaja lima tahun lagi untuk kita menuju ke negara yang maju dalam pelbagai aspek pada tahun 2020. Oleh itu, Rancangan Malaysia Kesebelas yang bermula pada tahun lepas sehingga tahun 2020 memanglah penting untuk kita mengambil perhatian dan juga untuk semua rakyat untuk kita menyokong supaya dapat berjaya mencapai matlamatnya. Oleh sebab itu, saya sebagai rakyat Malaysia dan juga Ahli Dewan Negara, saya memang menyokong kerajaan. Berharap pada tahun 2020 Malaysia akan mencapai, menjadi sebuah negara yang maju dalam pelbagai aspek. Maka, perlulah kita menjayakan matlamat RMKe-11 ini demi menuju sebuah negara yang maju.

### **■1240**

Saya memang menyokong matlamat RMKe-11 untuk membolehkan semua rakyat Malaysia mencapai taraf kehidupan yang berkualiti dan juga selesa tanpa mengira di mana mereka tinggal ataupun pendapatan mereka. Akan tetapi apa yang saya lihat RMKe-11 ini memang juga ada beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya kita akan dapat mencapai dengan lebih sempurna dan juga akan dinikmati oleh semua rakyat dalam negara kita ini yang tidak mengira apa bangsa dan juga pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut unsur RMKe-11 yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada bulan yang lepas, tahap kesihatan rakyat dan kualiti penjagaan kesihatan akan terus dipertingkatkan. Ke arah ini antara inisiatifnya bilangan katil di kedua-dua hospital awam dan juga swasta akan dipertingkatkan sebanyak 25% kepada 73,000 buah katil pada tahun 2020. Syabas dan juga tahniah. Terima kasih kepada Kerajaan Pusat seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, akan membina sebuah hospital baru di Pasir Gudang di negeri Johor untuk mencapai sasaran di atas. Akan tetapi saya telah mendengar manakala hanya dua buah hospital di Sabah iaitu Hospital Tawau dan juga Hospital Kota Marudu serta Hospital Miri di Sarawak akan dinaik taraf.

Dukacita dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua, Hospital Sultanah Aminah yang bersejarah di Johor Bahru negeri Johor tidak dinyatakan untuk dinaik taraf. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan yang mulia ini, Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru telah dibina pada tahun 1882 iaitu selama 133 tahun. Ini hospital pertama dibina di negeri Johor di bawah pemerintahan Almarhum Sultan Abu Bakar. Keluasannya sebanyak 986 ekar. Bilangan katil yang disediakan sehingga tahun 2010 adalah sebanyak 989 buah untuk menampung jumlah pesakit yang semakin meningkat di negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan yang mulia ini, hospital ini memang terbesar di negeri Johor. Ia telah membina poliklinik, sekarang juga dipanggil Klinik Pakar pada tahun 1991. Selain daripada itu hospital ini juga memainkan peranan membantu negara daripada segi pengeluaran dan juga meningkatkan mutu tenaga kerja kritikal seperti kejururawatan, farmasi, juru X-ray dan juga juruteknologi makmal, perubatan untuk sijil diploma serta pegawai farmasi dan juga pegawai perubatan untuk bidang yang berkaitan. Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan yang mulia ini, memandangkan hospital ini sudah dibina selama 133 tahun tetapi *facility* dan juga alat-alat perkakas dalam beberapa Klinik Pakar di hospital ini agak lama. Ruangan di Klinik Urologi, Klinik Mata, Klinik Kulit dan juga Klinik Bedah tidak mencukupi.

Kerusi pesakit yang disediakan juga tidak mencukupi dan juga lebih serius lagi Tuan Yang di-Pertua, katil-katil dalam wad kelas nombor dua dan juga kelas nombor tiga adalah agak sudah lama dan juga usang. Wad ini tiada sistem penghawa dingin iaitu tidak ada *aircond*, dengan izin, manakala kipas yang disediakan tidak mencukupi dan juga banyak sudah rosak dan juga tidak diganti. Lagi teruk pada masa malam di wad nombor dua dan nombor tiga ini oleh sebab semua tingkap terpaksa dibuka, nyamuk banyak masuk.

Oleh itu saya ingin bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab iaitu Menteri Kesihatan sudah berapa lama tidak menaik taraf Hospital Sultanah Aminah ini? Kita jangan lupa bahawa di Hospital Sultanah Aminah ini juga disediakan Wad Diraja. Maka dengan ini saya memohon Menteri Kesihatan agar dapat membuat lawatan ke hospital ini dan juga mengambil perhatian serta memberikan kelulusan peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk menaik taraf hospital ini.

Tuan Yang di-Pertua, tema RMKe-11 ialah Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat. Tema ini mencerminkan keprihatinan kerajaan untuk memastikan faedah pembangunan ekonomi dinikmati oleh semua golongan dan juga tiada sesiapa yang dipinggirkan. Maka saya berharap agar Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan dapat membenarkan dan juga meluluskan sekeping tapak tanah rizab sekolah kebangsaan yang kita sedia ada di Taman Bukit Indah, Johor Bahru agar dapat ditukar hak milik kepada rizab sekolah jenis kebangsaan Cina. Oleh sebab di Taman Bukit Indah ini kita mempunyai sebanyak enam buah sekolah dan yang rizab untuk sekolah kebangsaan. Hanya dua keping tanah telah digunakan sahaja iaitu sekeping telah membina sebuah sekolah kebangsaan.

Selain daripada itu, sebelum pilihan raya, PRU Ke-13, Kerajaan Pusat dan juga Menteri Pendidikan juga dapat memberikan keizinan untuk mengubah syarat sebuah keping tanah yang rizab sekolah kebangsaan ini kepada sekolah jenis kebangsaan Tamil yang mana kerajaan, Menteri

Pendidikan juga telah meluluskan untuk memindahkan sekolah jenis kebangsaan Tamil yang agak kecil di Muar, Bukit Serampang untuk ke tapak yang kita telah dapat menukar hak milik daripada sekolah kebangsaan kepada sekolah Tamil ini untuk membina sekolah jenis kebangsaan Tamil ini.

Oleh sebab itu apa yang saya kaji dalam taman ini, Tuan Yang di-Pertua walaupun mempunyai enam buah sekolah kebangsaan yang rizab tetapi penduduknya hampir mempunyai 7,000 unit rumah kediaman yang mana 75% buah kediaman kaum Cina iaitu sebanyak 5,000 unit rumah kediaman adalah diduduki oleh masyarakat Tionghoa.

#### ■1250

Bagi masyarakat Melayu hanya 10% sahaja, masyarakat India 15% sahaja. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, setakat ini di taman ini anak-anak masyarakat Tionghoa yang dikira lebih kurang 3,458 orang pada setiap pagi pada awal, terpaksa menaiki bas sekolah dari rumah kediamannya ke sekolah Cina yang berdekatan yang sejauh Gelang Patah, Lima Kedai, Horizontal Hills dan juga Taman Perling. Oleh sebab itu kalau kita lihat memang kita perlu tolong masyarakat Tionghoa yang merangkumi lebih kurang 75% dalam kawasan ini. Oleh sebab itu saya berharap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan merangkap Menteri Pendidikan agar dapat memindahkan atau menukar sebidang tanah yang rizab sekolah kebangsaan kepada sekolah Cina, saya harapkan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam Taman Bukit Indah ini juga mempunyai satu rizab untuk membina Klinik Kesihatan Malaysia. Semasa saya menjadi wakil rakyat pada tempoh tahun 2008 sehingga tahun 2013, saya telah mendapat tahu bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ataupun kesembilan, pihak kerajaan dan ada peruntukan untuk membina Klinik Kesihatan Malaysia ini di Taman Bukit Indah memandangkan dalam kawasan yang berdekatan yang mempunyai juga sebuah Klinik Kesihatan Tampoi yang memang tidak mencukupi dan juga ruangan dalam Klinik Kesihatan Tampoi ini memang sangat kecil.

Oleh sebab itu kita harus menambah lagi sebuah Klinik Kesihatan Malaysia di Taman Bukit Indah. Tapak sudah disediakan, peruntukan juga disediakan tetapi saya pun tidak faham mengapa sehingga hendak tamat Rancangan Malaysia Kesepuluh masih tidak ada pembinaan Klinik Kesihatan Malaysia yang baru di Taman Bukit Indah ini. Saya melihat usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia hanya kita akan membina sebanyak 165 buah Klinik 1Malaysia sahaja dan tidak ada pembinaan Klinik Kesihatan Malaysia yang baru. Oleh sebab itu saya perlu mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada pihak Kerajaan Pusat ataupun Menteri yang bertanggungjawab iaitu Menteri Kesihatan ambil perhatian tentang masalah pembinaan Klinik Kesihatan Malaysia yang baru di Taman Bukit Indah ini.

Oleh sebab pada hari ini Tuan Yang di-Pertua dan juga rakan-rakan Ahli Dewan Negara, kita perlulah mengamalkan kesihatan, oleh sebab kesihatan adalah penting. Oleh sebab itu saya berharap pada pagi ini saya juga ingin membangkitkan bahawa soalan lisan iaitu ambulans daripada pihak hospital selalu lambat. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas bulan November 28 hari bulan pagi,

apabila Chia pengsan dalam rumah saya, saya *call* ambulans di Hospital Sultanah Aminah, dia cakap *sorry* saya tidak dapat datang sebab jauh sangat, susah. Oleh sebab itu untuk menyelamatkan nyawa saya, saya terpaksa panggil ambulans dari Hospital Sultan Ismail, nasib baik ada ambulans dapat menghantar saya ke hospital dan menyelamatkan nyawa saya.

Oleh sebab itu saya berharap perkara yang mana selalu kita panggil ambulans memang selalu lewat sampai. Oleh sebab itu kita nampak. Kalau di bandar Johor Bahru, memang ada ambulans swasta yang disediakan. Kadang-kadang kita terpaksa panggil ambulans daripada pihak Persatuan Bulan Sabit Malaysia cawangan Johor Bahru untuk menyelamatkan nyawa kita. Oleh sebab itu saya berharap pihak kerajaan perlu ambil perhatian.

Sebelum saya tamatkan perbincangan saya, ada sedikit masa lagi, satu perkara yang saya nampak penting juga pihak kerajaan perlu ambil perhatian iaitu daripada pihak pemaju yang telah membina banyak rumah pangsa murah yang ada di kawasan Bandar Johor Baharu ataupun di lain-lain tempat. Akan tetapi masalah pihak badan pengurusan bersama ataupun MC rumah pangsa ini memang susah untuk kutip bayaran *maintenance fees*, dengan izin, pada setiap bulan untuk membaiki rumah pangsa mereka ataupun mengatasi apa-apa masalah. Apa yang saya lihat *building block* negara yang berdekatan dengan kita Singapura, mereka memang bagus dan juga *resident* yang baik untuk menyelenggarakan ataupun untuk menjaga rumah pangsa murah yang dibina oleh pihak kerajaan. Akan tetapi di negara kita khususnya di negeri Johor rumah pangsa murah adalah dibina oleh pihak swasta. Pihak kerajaan tidak bertanggungjawab untuk mengutip sumbangan ini. Kita hanya ada pihak Majlis PBT untuk menjaga penyelenggaraan MC atau badan pengurusan bersama, tetapi ini tidak mencukupi.

Alasan juga telah diberi oleh pihak pemilik rumah pangsa ini, pihak PBT setiap tahun ada kutip cukai harta daripada mereka. Akan tetapi pihak PBT memang ikut undang-undang, mereka tidak bertanggungjawab untuk membaiki baik jalan, lampu rosak ataupun mengecat bangunan mereka dalam kawasan rumah pangsa ini. Mereka perlulah bertanggungjawab sendiri tetapi ramai pemilik rumah yang tidak mahu membayar yuran bulanan. Oleh sebab itu tidak ada peruntukan. Sampai rumah pangsa sudah usang. Pada tahun lepas Timbalan Menteri Perumahan telah buat lawatan. Kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan besar-besar untuk mengecat bangunan rumah pangsa rumah murah di bandar Sri Desa Jaya di Taman Perling dan juga kawasan-kawasan yang lain.

Oleh sebab itu saya berharap pihak kerajaan perlulah mengkaji dan juga mewujudkan satu sistem untuk kita membantu rumah pangsa murah di kawasan-kawasan yang ada di negeri Johor khususnya dan juga dalam Bandaraya Johor Bharu amnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jam menunjukkan tepat jam satu.

**Tuan Chia Song Cheng:** Cukup, saya sampaikan. Maka dengan akhirnya saya menyokong usul yang telah dikemukakan untuk kita meluluskan usul Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat mungkin tidak sedar. Yang Berhormat ini sebenarnya dalam keadaan begitu uzur dan tidak mengambil bahagian

sejak dia jadi ahli. Sekarang nampaknya kesihatan telah bertambah baik, kita doakan Yang Berhormat akan terus selamat.

Di samping itu untuk maklumat semua Ahli Yang Berhormat, saya hanya ada tidak ramai. Hendak maklumkan iaitu Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya Yang Berhormat Dato' Boon Som, Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin yang hendak berucap pada hari. Saya fikir kalau ada sesiapa yang hendak berbahas hari ini sila kemukakan. Saya tidak mahu nanti, kita hanya ada dua hari sahaja lagi esok dan lusa, nanti sudah bila saat-saat akhir ramai hendak berucap. Saya sudah cakap awal pada bulan Ramadan ini bulan puasa kalau boleh kita hendak kemukakan dan di samping itu kalau hendak teruskan juga saya bersedia tetapi terpaksa kita berkorban sedikit. Sekian saya tangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang nanti. Sekian, terima kasih

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang.]***

■1430

***[Mesyuarat disambung pada pukul 2.30 petang.]***

***[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]***

**2.31 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, kita teruskan dengan menjemput Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam. Silakan Yang Berhormat.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Selamat berpuasa kepada semua.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk sama-sama mengusulkan menyokong Usul Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 sehingga 2020 yang bertemakan, "*Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat*".

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah pun membentangkan Usul ini dalam sidang Parlimen dan juga kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkan di Dewan ini pada hari semalam.

Kita telah dimaklumkan, banyak pencapaian yang positif berkaitan dengan ekonomi negara kita dan juga pencapaian-pencapaian lain sama ada dalam bidang ekonomi dan juga sosial.

Khusus berkaitan dengan Menuju Malaysia Maju 2020, saya yakin kita terpaksa bekerja dua, tiga kali ganda untuk mencapai matlamat iaitu negara maju berpendapatan tinggi mengikut acuan kita sendiri. Kita hanya tinggal lima tahun sahaja. Kalau kita lihat perbincangan kefahaman orang ramai, kita banyak mengukur dari bidang pendapatan per kapita, pendapatan isi rumah dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah angkubah-angkubah lain yang kita guna pakai?

Kalau di sini, mereka di dalam 13 kriteria, selepas itu ada sub sampai 52. Bukan sahaja pendapatan, saya pasti kerajaan juga menggunakan angkubah OECD seperti pelajaran yang memang kita hari ini bincangkan, kesihatan, peluang pekerjaan, keselamatan, alam sekitar, infrastruktur, bekalan

air bersih, bekalan elektrik, pelupusan sampah dan juga jangka hayat hidup, kemudahan rekreasi, pengangkutan, nilai-nilai hidup dan sebagainya.

Kadang-kadang ada yang kita lihat, kriteria diguna oleh OECD negara-negara yang telah pun mengecap sebagai negara maju, tetapi mungkin tidak sesuai bagi kita. Ini tak bermakna kita tidak boleh mencapai negara maju. Misalnya dan kebergantungan. Ada negara, kalau ramai yang bekerja kurang yang bergantung, itu negara maju. Ada negara pula yang bergantung itu ramai, yang bekerja itu kurang, tetapi ia tak menyusahkan rakyat berkenaan. Jadi kalau itu boleh diterima oleh rakyatnya, maka ia juga boleh menggelar negaranya negara maju.

Begitu juga kalau kita ambil yang mudah seperti kadar pertumbuhan penduduk. Kalau negara maju, satu orang mesti ada dua orang anak, baru lah diiktiraf negara maju dalam OECD. Akan tetapi, bagi kita Malaysia, satu orang kalau ada lima orang anak baru lah bahagia hidup kita. Jadi kalau itu kita tidak penuhi, kita masih boleh mengiktiraf kita negara maju kerana bagi OECD, ia bergantung kepada kualiti hidup. Sebagaimana perasaan dan pendapat rakyat di negara berkenaan. Kalau difikirkan pendapatannya rendah sedikit, tetapi baginya bahagia, maka baginya boleh mengisytiharkan ia sebagai sebuah negara maju.

Oleh sebab itu saya berharap kerajaan boleh mengeluarkan kriteria-kriteria tertentu selain daripada kita mengukur daripada segi pendapatan sahaja supaya kita sama-sama boleh membantu untuk mencapai semua kriteria yang ditetapkan oleh OECD. Walaupun sebahagiannya, macam saya sebut, tidak perlu kita penuhi kerana bagi kita sudah memadai untuk hidup dalam keadaan demikian.

Kita juga menggunakan angkubah yang dikeluarkan oleh EPU dan juga MURNInet. Oleh sebab itulah saya ingin bertanya, apakah angkubah-angkubah- daripada pihak manakah yang kita gunakan untuk kita isytiharkan Malaysia Maju pada tahun 2020 berpendapatan tinggi seperti yang sedang kita usahakan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah walaupun dalam keadaan gelombang, dalam negara dalam pelbagai cabaran ekonomi, sosial, politik dan sebagainya, tetapi kita terus mampu bergerak. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terus mendapat sokongan yang baik daripada rakyat jelata dan kita sentiasa menyokong apa yang sedang beliau usahakan. Saya percaya dengan sokongan rakyat yang bersatu padu, kita boleh bergerak tanpa ragu-ragu untuk mencapai matlamat Malaysia Maju dalam tempoh lima tahun lagi, menjelang 2020.

Kerajaan telah mengenal pasti enam teras strategi dan enam pemaju perumahan untuk dilaksanakan dalam RMKe-11. Saya ingin menyentuh, yang pertama, teras strategik. Pertama, memperkukuh *inclusive* dalam masyarakat yang saksama. *Inclusive* ini bererti tidak ada pihak yang tertinggal. Sama ada yang kaya, yang miskin, lelaki, wanita, dan berbilang kaum, kanak-kanak telah dinyatakan dengan jelas, belia, OKU, warga emas dan semua.

Namun kita melihat kita mempunyai lagi 40% mereka yang berada dalam B40, iaitu penduduk yang teramai bawah 40% pendapatan. Kerajaan sedang berusaha untuk menaikkan kumpulan kedua

iaitu *middle-income* daripada 40% kelas menengah kepada 45% menjelang tahun 2020. Ini berarti menjelang tahun 2020, yang bawah itu masih ada lagi 35%.

■1440

Oleh yang demikian, ia menuntut kita untuk bekerja dengan lebih keras lagi. Mampukah kita naikkan lebih daripada 45%, katakan yang bawah itu tinggal 20%. Apa pula ukuran dengan negara-negara maju dalam OECD misalnya. Akan tetapi macam saya sebut kalaulah 35% yang bawah itu bagi kita, kita sudah gembira. Kalau diadakan *census* pada tahun berkenaan, rakyat Malaysia kata okey, kami sudah kira okeylah ini maju. Walaupun bawah B40 itu masih lagi B35. Kalau itu boleh diterima masakan saya berpendapat tidaklah kita akan menghadapi masalah pada tahun 2020 nanti seperti yang banyak dirisaukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh sebab itu saya lagi sekali minta supaya angkubah-angkubah ini perlulah kita keluarkan.

Dalam teras strategi pertama ini juga telah disentuh berkaitan dengan hal belia. Sebagai bekas pemimpin belia, saya masih lagi jiwa belialah, jiwa orang muda macam Yang Berhormat Dr. Asyraf. Saya ucap tahniah oleh sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggariskan bahawa akan memberi banyak lagi latihan kepimpinan dan keusahawanan kepada generasi muda kerana merekalah pemimpin masa hadapan negara. Saya mencadangkan agar kementerian dapat mempergiatkan lagi latihan untuk pemimpin-pemimpin belia yang berpersatuan.

Ini kerana kalau mereka ada persatuan, mereka ada panduan. Banyak ahli pemimpin yang boleh mereka ikuti, dan dia ada ramai berjemaah yang boleh dibawa dalam arus perdana. Oleh sebab itu saya inginlah bertanya berapa ramai kah pemimpin-pemimpin belia yang berpersatuan, yang telah dilatih oleh kementerian dalam lima tahun yang lepas dan berapakah jangkauan yang akan dilatih lagi pada tahun akan datang menjelang 2020? Berapakah jumlah pertubuhan belia yang mendaftar sekarang dan berapakah yang telah dikeluarkan daripada pendaftaran? Mungkin kerana tidak hadir mesyuarat agung dan sebagainya.

Sekarang kita lihat semakin kurang pertubuhan-pertubuhan belia daripada kaum bukan bumiputera. Misalnya kaum Cina, kaum India. Jadi apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk memperbanyakkan semula persatuan belia yang berbilang kaum agar mereka boleh sama-sama membantu masa depan negara ke arah negara maju? Juga dalam bidang keusahawanan, kita melihat kementerian mempunyai banyak institusi-institusi latihan belia di negara kita. Saya ingin mencadangkan supaya institusi-institusi latihan kemahiran ini di bawah Kementerian Belia dan Sukan dapat disatukan bawah satu jenama dan jika dapat digandingkan pula dengan universiti, maka amatlah baik ya. Mereka yang telah dilatih di peringkat institut ataupun pusat-pusat latihan akhirnya mereka juga boleh diurus hingga ke peringkat pengajian tinggi agar kita boleh melahirkan lebih banyak lagi modal insan yang berpendidikan dan juga berkemahiran tinggi.

Kementerian Belia dan Sukan juga saya ucapkan tahniah kerana telah mentransformasikan semula institut sukan negara. Kita hari ini kekurangan juara-juara sukan untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Ini kerana itu selaras dengan dasar kementerian untuk menjadikan sukan industri ataupun

*sport industry*, industri sukan, maka adalah wajar jika Institut Sukan Negara dapat digandingkan dengan semua institut sukan di negeri-negeri dan dinaikkan taraf sehingga menjadi universiti sukan.

Ini kerana sukan sekarang tidak lagi sukan hanya untuk sukan tetapi sukan untuk negara dan sukan juga untuk industri iaitu untuk ekonomi. Kita melihat banyak negara maju, kompleks-kompleks sukan mereka menjana pendapatan yang tinggi untuk rakyat jelata. Oleh itu saya inginlah mencadangkan supaya institut sukan yang berselerak di seluruh negara dapat digabungkan dan di*upgraded*kan hingga ke matlamat mencapai sebuah universiti sukan.

Dalam strategi yang pertama ini juga ada disentuh berkaitan dengan OKU dan juga warga emas. Dalam lawatan saya ke *Chicago Community College* lama dahulu, saya melihat *Community College* ini ada kursus sampai 500, 600 jenis kursus. Apa kursus pun ada. Kursus untuk datang relaks-relaks pun ada juga. Jadi OKU, orang tua-tua yang tidak ada apa kerja boleh datang dan dibuat latihan yang *simple*. Kita ada Kolej Komuniti di Malaysia yang telah ditubuhkan di setiap kawasan Parlimen. Saya ingin mencadangkan supaya Kolej Komuniti ini ditugaskan bekerjasama dengan jabatan kebajikan supaya orang OKU dan tidak kurang juga orang warga emas dikursuskan supaya mereka produktif.

Dengan cara begini, semua tenaga boleh diguna pakai walaupun mereka telah pun- tetapi kadang-kadang kalau dia menjahit sikit-sikit pun itu juga boleh mendatangkan pendapatan dan mengisi masa lapang, tidaklah mereka hidup *boring*. Kadang-kadang mereka juga boleh belajar fisioterapi, banyak orang sekarang ini sakit *paralyze* ini, strok dan kita kekurangan *physiotherapist* di seluruh negara.

Akan tetapi ramai orang tua-tua yang pandai mengurus. Jadi mereka ini boleh kita gunakan menerusi sebuah komuniti dan boleh diberikan pensijilan, ia tidak boleh kerajaan termasuk juga orang-orang lama yang ada pengalaman termasuk saya tengok macam orang mata tak nampak ini, mata orang buta di tempat Melaka dekat bawah Menara Taming Sari. Ada satu orang kerjanya buat *service* urut kaki. Akan tetapi yang menggunakan semua yang mata tidak nampak dan duit itu dia yang ambillah.

Akan tetapi kalau mereka yang dalam keadaan begini dapat kita selaraskan secara bersistematik, semua OKU dan juga warga emas boleh mendatangkan pendapatan kepada negara. Oleh sebab itu saya melihat banyak apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi memang boleh kita lakukan jika kemudahan-kemudahan asas kita yang berselerak ini dapat kita kumpulkan dan menggunakan secara berintegrasi.

Saya hendak sentuh juga dalam ucapan Perkara 27 meningkatkan kesejahteraan komuniti luar bandar, juga dalam strategi yang pertama. Kerajaan akan membina lebih banyak lagi bekalan air luar bandar, jalan kampung dan sebagainya. Saya hendak ucap tahniah kepada Kementerian Pertanian yang telah membina kawasan bekalan makanan. Setiap negeri ada dalam 300 ekar, 400 ekar. Di Melaka pun ada juga. Saya melihat walaupun kerajaan negeri telah berikan 10 ekar seorang, kepada mereka yang ada duit untuk laksanakan tetapi nampak pelaksanaannya tidaklah begitu aktif. Ini kerana orang kita ini masih lagi hendak kan bimbingan.

Saya hendak cadangkan kepada Kementerian Pertanian supaya mengadakan pegawai tetap di mana-mana kawasan mengeluarkan bahan makanan negara yang telah diiktiraf di setiap negeri hanya

satu. Ini kerana orang kita ini masih lagi perlu dibimbing. Kerajaan juga perlu membina lebih banyak lagi jalan ladang dan juga kemudahan-kemudahan yang lain seperti bekalan baja, *machinery* dan sebagainya. Tolong kira untung rugi kepada setiap peserta dalam ladang berkenaan. Jika ini dapat dibuat, saya percaya banyak wang yang telah kita belanjakan dan usaha-usaha kerajaan akan dapat produktiviti yang tinggi. Juga disentuh berkaitan dengan memperkukuhkan peluang komuniti ekonomi bumiputera untuk meningkatkan pemilikan kekayaan.

■1450

Ini perkara 30 dalam ucapan Menteri semalam. Dalam strategi yang pertama iaitu kerajaan memperkenalkan inisiatif baru seperti pelaburan ASB 2 menggunakan Akaun 1, KWSP bagi meningkatkan penguasaan berkesan dan pemilikan ekuiti korporat yang mampan. Saya percaya ini satu pendekatan yang baik untuk menambahkan ekuiti bumiputera. Dahulu saya semasa dalam belia ada membeli saham MARA untuk menambahkan ekuiti bumiputera. Saya pun hendak bertanya juga kepada MARA, apakah kedudukan saham-saham MARA yang telah kita beli dahulu? Apakah usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi nilai saham berkenaan?

Semalam Yang Berhormat Menteri juga telah menyatakan dana pusingan hartanah komersial bumiputera akan ditubuhkan. Saya menyokong penuh usaha ini kerana pada hari ini, pemilikan rumah kedai untuk bumiputera amat berkurangan, semua negeri di bawah 10% dan ada yang di bawah 5%. Ada juga program dalam PNB yang saya pengerusi kan tetapi kita beli yang mana bangunannya ada penyewa. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meluluskan RM30 juta, apabila orang itu beli dia bayar 5%, bank bagi 95% dan PNB menjamin 10%. Akan tetapi PNB yang hendak bagi ini bangunan yang boleh diguna pakai untuk meniaga. Bangunan yang banyak terbiar sekarang, pemaju-pemaju telah bina tetapi tidak ada orang yang membelinya dan harganya boleh dapat sehingga 20% diskaun.

Oleh sebab itu, saya berharap tabung ataupun dana pusingan hartanah komersial bumiputera yang akan ditubuhkan ini dapat membeli rumah-rumah kedai berkenaan. Kita kena buat *cross subsidy* ada rumah yang banyak orang sewa jadi harganya tinggi dan ada rumah orang tidak hendak sewa tetapi harganya mungkin RM100 sahaja. Dalam pengalaman saya di Melaka, ada beberapa buah rumah kedai yang orang tidak hendak sewa tetapi saya sewakan RM50 untuk membuat bengkel dan rupa-rupanya selepas dua tahun, sudah boleh disewakan RM200. Jadi kalau kita ada *cross subsidy* macam ini, saya percaya pemilikan hartanah bumiputera dalam bidang komersial akan dapat dipertingkatkan.

Yang Berhormat Menteri juga ada menyentuh berkaitan dengan rantai bekalan usahawan bumiputera. Bumiputera hari ini amat kurang dalam berniaga borong automatif, *hardware*, barang-barang elektrik dan juga elektronik. PNB cuba hendak minta usahawan-usahawan masuk bidang ini tetapi mereka masih lagi belum berani kerana modalnya besar. Kita ada rangkaian dalam 400 di seluruh Malaysia. Selalunya yang hendak masuk ini orang-orang yang tidak ada pengalaman. "*Wah, dia kata boleh Datuk. Datuk kata hendak suruh kita jadi pemborong, saya bersedia hendak menjadi pemborong*". Jadi kalau kita ambil yang baru macam ini, susah juga kita.

Sebab itu saya mencadangkan, di samping kita sedang *groom* di kalangan mereka yang ada pengalaman, kita perlu melibatkan juga GLC- dalam ini ada disebut, kerjasama dewan perniagaan GLC dan juga GLIC dalam sektor terpilih termasuk pembinaan, pembuatan dan juga industri halal. Saya yakin dasar-dasar ini boleh berjaya jika ia dipantau dan dilaksanakan dengan terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk teras strategi kedua iaitu meningkatkan kesejahteraan rakyat. Tahap kesihatan, tadi Yang Berhormat Senator ada juga menyebut bahawa Johor juga tidak mendapat hospital baru, lebih kurang macam itu. Saya pun hendak *complain* jugalah, Melaka pun tidak dapat. Saya bekas Timbalan Menteri Kesihatan. Dahulu semasa saya melawat di Kota Kinabalu, Hospital Queen Elizabeth, orang bersusun sehingga ke koridor tetapi lama-lama selepas diperbaiki dan selepas itu kita bina di Sandakan dan sebagainya. Namun apabila saya jadi Ketua Menteri Melaka tempoh hari juga di Melaka pun sudah tersusun juga di koridor, orang pun sudah ramai. Dahulu kerajaan juga ada berjanji dahulu untuk mempertimbangkannya tetapi saya tengok dalam senarai RMKe-11, nampaknya tidak termasuklah.

Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Menteri Kesihatan masukkannya. Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dapatlah masukkan untuk membina Hospital Besar Melaka yang baru. Tapak pun sudah ada di Bukit Katil, ada tanah FELDA di sana boleh beli, kemudian hospital yang sedia ada jadikan Hospital Daerah Melaka Tengah. Ini kerana hari ini penuh betul 600 *bed* berlambak dan Melaka juga *serve* orang dari Segamat, Tampin, Muar yang banyak datang ke Melaka kerana ia lebih dekat daripada pergi ke Johor Bahru ataupun ke Kuantan atau ke Kuala Lumpur.

Saya hendak sentuh juga berkaitan dengan strategi kedua tentang perumahan mampu milik. Ada disebut bahawa Bank Simpanan Nasional akan memberikan pinjaman kepada peminjam rumah kos rendah yang dahulu diberikan pinjaman oleh DO tetapi kerana ramai yang tidak pinjam serahkan kepada bank tetapi bank pula menggunakan CTOS, Datuk Nalla pandang saya dan juga ...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** ...CCRIS juga kan. Jadi kalau Bank Simpanan Nasional menggunakan ini masih tidak boleh selesai. Saya cadangkan BSN ikut cara DO dahulu, orang mohon sahaja bagi. Kalau nama dia sudah tua, gandingkan dengan anaknya. Dengan cara sebegini, orang miskin bayar RM100 boleh masuk rumah. Walaupun ia telah disiarkan tetapi belum lagi dilaksanakan. Saya berharap ia dapat dilaksanakan dengan segera. Saya di Melaka pun banyak kes seperti ini. Di Rumah Awam Peringgit, di Sungai Putat, bahkan juga di Bukit Katil dan juga di Krubong dan banyak tempat lagi belum selesai. Saya berharap ini dapat diuruskan dengan secepatnya kerana orang ramai sudah duduk rumah tetapi belum dapat beli.

Saya juga hendak sentuh perkara meningkatkan rasa selamat menerusi perwujudan persekitaran yang lebih selamat dan terjamin. Hari ini kita banyak melihat kes rompak dan samun. Kadang-kadang kita keluar rumah pun jadi bimbang. Saya hendak mencadangkan supaya kita kena ada polis masyarakat, di mana polis tinggal dalam masyarakat. Setiap *flat* kena ada seorang anggota polis yang tinggal di dalam

itu. Setiap taman perumahan mesti ada seorang, dua orang polis yang tinggal. Jadi tugas anggota polis itu ialah mengambil tahu apa yang berlaku. Dengan cara sebegini, saya fikir keselamatan dalam negara kita akan lebih terkawal.

Kedua berkaitan dengan keselamatan jalan raya. Saya hendak ucap tahniah- hendak cepatkan daripada 15 minit kepada lapan minit. Saya sokong kalau terlambat nyawa boleh terkorban. Apabila hendak menyelamatkan orang yang *accident*, kita kena ada tiga datang sekali gus. Pertama, polis yang hendak rekod dengan kamera semua. Kedua, bomba sebab hendak potong besi. Ketiga, ambulans yang hendak mengangkat untuk dibawa ke hospital. Kadang-kadang ambulans datang tetapi tidak boleh hendak angkat pergi hospital sebab belum ambil gambar, polis belum rekod, orang lain sudah sakit. Oleh sebab itu, saya mencadangkan untuk menubuhkan skuad penyelamat integrasi. Ketiga-tiga jabatan ini duduk di sebuah tempat, jadi apabila *accident* berlaku, *highway patrol* macam kita tengok dalam TV dahulu. Di *California*, terus jalan bersama. Polis ada di dalam itu, ambulans ada di dalam itu dan bomba pun ada di dalam itu. Dengan cara sebegini, kita dapat mengurangkan kadar kematian akibat kemalangan.

Perpaduan sosial juga disebut dalam muka surat ataupun perkara 40 dalam ucapan Yang Berhormat Menteri semalam. Hari ini kita penuh dengan isu-isu perkauman, sentimen persepsi yang tidak betul. Hubungan rakyat antara kaum semakin bertambah renggang. Saya hendak mencadangkan supaya diadakan kembali menyanyi lagu NegaraKu setiap kali ada permainan filem kah, radio, TV, panggung-panggung wayang ini semua dan semua kena berdiri supaya ada rasa cinta kepada negara. Juga di semua institusi, Rukun Negara ini patut diperkuatkan semula supaya ada rasa cinta dan kasih sayang untuk sama-sama membina masa depan Malaysia yang lebih bahagia supaya isu-isu yang merenggangkan hidup bermasyarakat di negara ini dapat dikurangkan.

#### ■1500

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh strategi yang ketiga iaitu meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju. Kita sokong banyak pelan baru seperti TVET, memperkukuhkan pasaran buruh, mentransformasikan TVET, memperluaskan akses pembelajaran sepanjang hayat dan meningkatkan kualiti penyampaian pendidikan. Saya hendak sentuh berkaitan dengan memperkukuhkan pasaran buruh. Hari ini gaji kita sama. Ini negara maju ini. Gaji RM900. Kita orang Malaysia pun RM900, orang daripada Rohingya pun RM900, orang dari Bangladesh pun RM900. Ahli Dewan Negara, lebihlah RM900. Habis, kita kata yang Bangla kerja rajin, memanglah dia kerja rajin sebab dia datang ke sini solo kan? Bini tidak ada, *girlfriend* tidak ada, *boyfriend* tidak ada. Raya haji pun tidak ada kan, *Chinese New Year* pun dia tidak ada. UMNO pun tidak ada, MIC pun tidak ada [Ketawa] PKR pun tidak ada. Emak saudara meninggal pun tidak ada. Jadi, dia datang, dia *free* lah. Apa pun boleh. Kita, orang meninggal, orang kahwin hendak kena hulur kan? Akan tetapi gaji RM900.

Oleh itu sebab saya cadangkan gaji pekerja tempatan mesti lebih daripada gaji pekerja luar negara tetapi *basicnya* sama RM900 supaya ikut ILO. Kita boleh bagi duit tambahan lah, elaun apa? Elaun keluarga kan? Elaun rumah, elaun sosial. Kita *create* lah. Jadi, baru lah pula orang kita ini gaji

kena lebih. Oleh sebab, tengah-tengah meeting ini sudah kena panggil, fasal apa? MIC ada masalah sikit, mahu kasi selesai.

Siapakah punya fasal? Datuk Nala punya fasal lah. Jadi, orang Bangla ini tidak ada apa-apa, orang Indonesia tidak ada apa-apa, tidak ada panggilan. Sebab itu saya cadangkan kepada kerajaan supaya carilah cara bagaimana gaji pekerja tempatan hendaklah lebih daripada pekerja luar negara dengan memberi elaun-elaun sesuai dengan keperluan pekerja tempatan. Oleh sebab itu orang tempatan tidak mahu kerja sebab sama sahaja gaji dengan pekerja dari luar negara.

Tahun 2020, kerajaan mensasarkan gaji penengah bulanan pekerja daripada RM1,500 pada tahun 2013 naik kepada RM2,500 pada tahun 2020. Kalau lah RM2,500 ini kita rasa bahagia, rumah okay, makan boleh, pelajaran boleh, sakit pun boleh dapat perubatan, maka kita boleh iktiraf lah kita ini negara maju. Akan tetapi kalau RM2,500 pada tahun 2020, nilainya tidak lagi boleh menampung kehidupan kita, maka susah kita hendak capai negara maju pada tahun berkenaan. Dengan itu kita hendak tahu juga apakah kerajaan telah mengukur nilai-nilai, angka-angka yang telah dibentangkan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sentuh berkaitan dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada tujuh minit lagi Yang Berhormat ya.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Berapa?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tujuh minit.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tujuh? Kalau tujuh saya kena potong sikitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jangan potong lama sangat Yang Berhormat ya.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Strategi keempat [*Ketawa*] ke arah pertumbuhan hijau. Saya minat hal hijau ini kerana selalu menghadiri seminar *green* di luar negara, bahkan di dalam negara. Saya ucap tahniah kerajaan telah pun menandatangani perjanjian Protokol Kyoto dan juga alam sekitar di Denmark dan mengurangkan karbon sebanyak 40%.

Salah satu cara kita hendak melupuskan sampah adalah menggunakan insinerator. Walaupun banyak telah diperkatakan, adakah kerajaan tidak bercadang hendak guna satu pun insinerator di Malaysia? Dulu harga RM400 juta, sekarang yang RM400 juta sudah jadi RM600 juta, yang RM600 sudah jadi RM1 bilion. Ini kerana kalau tidak guna insinerator jangka panjang, dalam pusat bandar susah kita hendak lupuskan sampah. Di Singapore saya fikir sudah ada lima atau pun enam insinerator.

Kedua, FIT. Kita dah pungut duit daripada orang ramai melalui TNB. Saya ingat sebanyak 1.5% FIT sekarang. Saya hendak tanya TNB, berapa banyakkah duit FIT yang telah kita kutip? Berapa banyakkah rumah persendirian yang telah menggunakan tarif FIT ini? Atau pasang *solar panel* atas bumbung dan jual balik tenaga kepada TNB menggunakan tarif atau pun menggunakan duit FIT yang telah dipungut. Berapa banyakkah pula bangunan komersial yang telah menggunakan duit FIT yang telah dipungut oleh TNB? Apa jangkaan bilangan rumah, bilangan bangunan kompleks perniagaan yang akan menggunakan *solar roof* menjelang tahun 2020?

Saya juga ingin tahu apakah kedudukan *Green Building Index* pada ketika ini? Berapa banyakkah bangunan telah menggunakan *Green Building Index*? Kita juga boleh mengukur pencapaian kita dalam usaha-usaha kita mengurangkan pengeluaran karbon. Baru-baru ini berlakunya bencana alam gempa bumi di Gunung Kinabalu. Ini ada disentuh oleh Yang Berhormat Menteri muka surat 63, perkara 62 iaitu "Bagi Menghadapi Bencana Alam". Saya ingin tahu, adakah kerajaan sebelum berlaku gegaran itu, kita ada klu? Kalau tidak ada, sekarang mungkin kita sudah ada. Adakah tempat-tempat lain yang kerajaan dapat makluman bahawa kemungkinan berlaku gegaran supaya kita boleh bersedia dengan lebih awal?

Saya mengucapkan tahniah juga kerana kerajaan telah mengambil tindakan tegas kepada mereka yang tidak berakhlak dari luar negara yang telah menyebabkan- mengikut orang Sabah, berlakunya gegaran berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, teras yang kelima iaitu memperkukuh pertumbuhan negeri bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Tadi ada juga Yang Berhormat sebut banyak negeri dapat jalan. Melaka pun hendak minta juga. Dulu sudah lulus jalan ini, jalan Selat Melaka, dari Linggi di sempadan Negeri Sembilan melalui Masjid Tanah, Klebang, Melaka Raya sampailah ke Semabok. Akan tetapi telah dibatalkan dan dalam jawapan bertulis lisan soalan saya beberapa bulan yang lepas, kerajaan kata akan timbangkan dalam RMKe-11. Akan tetapi nampak dalam RMKe-11 tidak timbul. Saya minta Yang Berhormat Menteri tolonglah masukkan kerana ini boleh membantu pertumbuhan ekonomi Melaka. Ini kerana Melaka termasuk dalam beberapa buah koridor. Jadi, ini sudah tentu merencanakan penduduk-penduduk luar bandar dari Linggi ke bandar raya Melaka.

Berkaitan dengan bekalan air. Saya hendak minta juga supaya kerajaan dapat masukkan dalam RMKe-11, membina empangan air di Sungai Jernih di Melaka. Kalau tidak, tahun 2018 Melaka akan menghadapi krisis air. Oleh sebab itu saya harap ini janganlah dilupakan. Tidak hendak jadi macam Selangor lah. Begitu juga pembentungan berpusat. Kedatangan pelancong ke Melaka pesat sampai 14 juta setahun. Saya hendak tanya, bilakah pembentungan berpusat di Batu Berendam akan mula dibina?

Berkaitan dengan memperluaskan infrastruktur ICT, terutama dalam rantau ASEAN. Kita dahulu telah pasang kabel fiber optik daripada Telok Gong di Masjid Tanah, Melaka...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh gulung sekarang Yang Berhormat ya.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** *Sorry* Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mula gulung sekarang.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Bagi lah saya dua atau tiga minit lagi. Tadi Datuk Johari dapat satu jam kan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itulah masalah kita ini Yang Berhormat. Awal-awal kita sudah suruh hantar nama tetapi...

▪ 1510

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** *[Ketawa]* ...Okey, dan hendak tanya, apa kedudukan kabel. Sudah dipasang? Berapa banyakkah penggunaannya, dan adakah mendatangkan pendapatan?

Begitu juga perjanjian TNB dengan Perusahaan Elektrik Nasional Indonesia telah ada tandatangan untuk jual elektrik waktu malam, beli milik Malaysia, waktu siang beli milik Indonesia. Apakah kedudukan perjanjian berkenaan?

Saya juga hendak minta R&D CIC ini supaya dapat diselaraskan antara kebangsaan dan juga negeri-negeri kerana banyak produk R&D CIC telah dicipta tetapi belum dapat lagi dilaksanakan secara berkesan. Kerana itu perlu ada satu mesyuarat di peringkat kementerian, panggil negeri-negeri supaya semua produk yang telah direka boleh dikomersialkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya patuh sedikit masa ini, saya hendak sentuh dua. Satu kisah pertanian, saya hendak minta supaya universiti pertanian dapat ditubuhkan kerana sekarang ini banyak import makanan dan kemudian kita bagi insentif kepada petani. Kalau nelayan dapat RM200 sebulan, saya cadangkan penanam padi pun dapat RM200. Yang tanam sayur pun boleh dapat. Lagi satu yang ternak lembu pun boleh dapat kerana sekarang ini banyak sangat kita import.

Akhirnya saya lagi sekali hendak ucapkan takziah kepada Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain atas pemergian Ayahanda beliau, Mahaguru Tan Sri Omardin beberapa hari yang lepas dan kita berkongsi kesedihan beliau. Kita doakanlah roh Allahyarham dirahmati Allah dan diletakkan di kalangan mereka yang beriman dan beramal soleh. Allahyarham mahaguru silat Malaysia dan juga pendekar negara satu-satunya. Jasa beliau memang tidak terhingga hingga saat terakhir beliau hendak tubuhkan sebuah bangunan silat sebesar ini dan impian beliau telah pun menjadi kenyataan. Kita sebagai orang silat memang amat sedih. Saya percaya, termasuk juga Tuan Yang di-Pertua dan juga semua rakyat Malaysia. Saya lagi sekali mendoakan supaya Datuk Megat sama-samalah menghadapi suasana ini dan sekali lagi kita bacakan surah Al-Fatihah buat kali yang kedua di Dewan ini untuk sedekahkan pahala kepada roh Allahyarham... *[Membaca surat Al-Fatihah] Amin.*

Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Melaka tidak masuk dalam bandar-bandar daya saing. Yang masuk Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu. Saya harap Melaka dimasukkan kerana Melaka ini ibu kota Malaysia lama. Negeri terbersih di Malaysia, dan juga sumbangan ekonominya lebih daripada RM2.6 bilion kepada cukai negara beberapa tahun yang lepas. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya ada lebih kurang tujuh orang yang masih hendak berucap. Jadi saya akan bagi lebih kurang setengah jam setiap seorang. Semoga semua dapat berucap sehingga jam 6.30 petang nanti. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim bin Haji M. Yahya. Silakan, Yang Berhormat.

**3.13 ptg.**

**Datuk Haji Kadzim bin Haji M. Yahya:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama membahas Usul Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, kesejahteraan rakyat merupakan salah satu elemen penting untuk menikmati kehidupan yang sentosa. Kemajuan pembangunan yang menyeluruh tidak akan menjamin kesejahteraan rakyat sekiranya pembangunan tidak seiring dengan kualiti kesihatan rakyat. Maka dengan itu di bawah RMKe-11 ini tahap kesihatan rakyat dan kualiti perniagaan kesihatan harus dipertingkatkan lagi demi mengurangkan jurang yang masih wujud dalam sistem perubatan di Malaysia. Dalam perancangan RMKe-11, bilangan katil di kedua-dua hospital awam dan swasta di seluruh negara akan ditambah sebanyak 25% kepada 73,000 buah katil pada tahun 2020. Usaha ini amat disambut baik dan sebagai rakyat Sabah kami amat berterima kasih atas keprihatinan kerajaan lebih-lebih lagi dengan perancangan naik taraf Hospital Tawau dan Hospital Kota Marudu yang sekali gus akan memberi keselesaan dan memenuhi keperluan rakyat yang memerlukan rawatan. Saya juga ingin menyokong cadangan daripada Yang Berhormat dari Johor dan Melaka tadi. Sekiranya dapat dipertimbangkan hospital di tempat masing-masing kerana kesihatan ini adalah penting untuk rakyat yang sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan seperti mana yang kita ketahui pada masa ini cuba menasaskan untuk melahirkan 800 orang doktor pakar pada setiap tahun bagi menampung keperluan masa kini. Sejalan dengan usaha ini, penambahan jumlah doktor yang sedia ada turut dipandang serius kerana jumlah doktor pada masa ini tidak mencukupi dengan keperluan negara. Kementerian berusaha melahirkan 4,500 orang doktor setiap tahun menerusi RMKe-11 ini menjelang tahun 2020. Nisbah doktor kepada penduduk dijangka meningkat kepada seorang doktor kepada 400 orang. Namun begitu buat masa ini nisbah seorang doktor kepada penduduk di negeri Sabah ialah seorang doktor kepada 1,500 orang dan ini menunjukkan keperluan untuk penambahan jumlah doktor di negeri ini amat mendesak.

Apalah gunanya hospital dinaik taraf dan ditambah kalau doktor-doktornya tidak mencukupi. Atas sebab yang demikian, usaha untuk melahirkan lebih ramai doktor pakar serta pegawai perubatan untuk berkhidmat di hospital-hospital negeri Sabah perlu diberi keutamaan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dan juga di pinggir bandar. Antara masalah yang dihadapi oleh hospital untuk mengekalkan pakar-pakarnya tarikan gaji yang tinggi dari hospital-hospital swasta. Justeru itu, apakah mungkin skim perkhidmatan dan penggajian doktor pakar dan pegawai perubatan dikaji dan disemak semula? Ini bagi memastikan para doktor pakar dan pegawai perubatan bermotivasi untuk kekal dalam perkhidmatan kerajaan dan tidak tertarik untuk menyertai perkhidmatan swasta yang memberi gaji yang lebih tinggi.

Daripada segi aspek pendidikan, saya amat menyambut baik akan keprihatinan dan perhatian kerajaan dalam meningkatkan kualiti penyampaian pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025. Pembinaan sekolah rendah dan menengah yang baru di seluruh Malaysia termasuk di Sabah merupakan antara langkah yang proaktif untuk mencapai sasaran 100% *enrollment* pelajar menjelang tahun 2020. Sehubungan dengan usaha ini, guru-guru turut memainkan peranan yang amat penting untuk memastikan pelajar menguasai Pendidikan *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM). Namun begitu, bagi pelajar di Sabah, disedari masih terdapat pelajar di kawasan pedalaman yang belum dapat menguasai pendidikan asas seperti menulis, mengira dan membaca. Oleh

itu usaha keras guru-guru di kawasan ini perlu berterusan dan mereka ini seharusnya diberi pengiktirafan dan penghargaan yang sewajarnya.

Salah satu masalah yang dihadapi di sekolah luar bandar di Sabah ialah *turn over*, dengan izin, guru-guru sekolah iaitu guru yang ditempatkan sering berpindah dalam masa yang singkat terutamanya di kalangan guru-guru dari luar negeri Sabah. Ini kerana mungkin tidak dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan di luar bandar di negeri Sabah tetapi ini bukanlah salah guru itu sendiri. Mungkin juga kalau lebih ramai orang tempatan menjadi guru, masalah ini tidak akan timbul. Dengan itu usaha untuk menggalakkan dan menarik anak tempatan Sabah menjadi guru perlu dikaji dan antara lain apakah boleh ketidakseragaman seperti elaun perumahan kepada guru-guru tempatan berbanding dengan guru dari luar Sabah dapat diselaraskan sebab dari mana guru itu berasal, harga rumah yang hendak dibayar sewa di negeri itu tetap sama juga kadarnya.

#### ■1520

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan modal insan boleh menjadi titik tanda maju atau mundurnya sesebuah negara. Isu utama dalam pembangunan modal insan adalah bagaimana untuk memenuhi keperluan industri. Mengambil contoh sektor industri minyak dan gas di Sabah disadari masih wujud kepincangan antara keperluan modal insan oleh industri dengan pengeluaran pelajar dalam bidang tersebut. Dengan kewujudan beberapa penemuan baru telaga minyak di laut dalam perairan Sabah dan pembinaan industri hiliran seperti *Sabah Oil and Gas Industrial Park* di Sipitang, kekurangan ini perlu diisi segera. Beberapa isu yang dibangkitkan oleh industri ialah graduan tidak bersedia untuk menghadapi alam pekerjaan disebabkan kurang pendedahan praktikal.

Maka dengan peruntukan RM1 bilion pada Tabung Pembangunan Kemahiran amat dialu-alukan melalui Program Sistem Latihan Dual Nasional yang disesuaikan daripada model latihan TVET di negara Jerman yang 70% kandungan latihan adalah berorientasikan *apprenticeship* dengan izin, dijangka dapat meningkatkan jumlah pelatih sebanyak 37% iaitu daripada 164,000 kepada 225,000 orang pelatih menjelang tahun 2020. Diharap dengan usaha sebegini, pelatih yang dihasilkan akan dapat memenuhi keperluan industri sekali gus mengurangkan kadar pengangguran khususnya di negeri Sabah.

Kerajaan Negeri Sabah juga telah memulakan langkah bagi menangani isu-isu dalam pembangunan modal insan bagi melahirkan modal insan yang menepati keperluan pasaran dan industri masa kini. Usaha telah pun dimulakan untuk menggalakkan kerjasama antara pihak institusi pengajian tinggi dan institusi latihan perindustrian serta pihak industri itu bersama-sama mengenal pasti langkah yang diperlukan bagi melahirkan satu modal insan yang berkualiti. Ini terutama melibatkan penerapan kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan seperti kemahiran bertutur terutamanya dalam bahasa Inggeris serta memberi pendedahan dalam pendidikan vokasional.

Satu Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia telah diwujudkan sebagai langkah menangani isu pembangunan modal insan di Sabah. Tumpuan utama pembangunan modal insan di negeri Sabah diberikan kepada empat sektor penyumbang penting kepada ekonomi negeri Sabah iaitu minyak dan gas, agrikultur, pelancongan dan industri kreatif. Kerajaan negeri turut mengadakan

beberapa sesi seminar dan bengkel yang melibatkan agensi serta institusi pengajian awam dan swasta dan industri yang berkaitan untuk mendapatkan maklum balas serta holistik mengenai isu-isu berkenaan pembangunan modal insan yang memerlukan perhatian segera.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertumbuhan hijau. Senario pemanasan global yang berlaku di seluruh dunia telah mengakibatkan pelbagai bencana alam seperti tanah runtuh, banjir dan hakisan pantai. Menerusi RMKe-11, Projek Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Moyok amat disambut baik dan diucapkan berbilang-bilang terima kasih. Selain itu, RMKe-11 juga turut menekankan sumber semula jadi termasuk kawasan hutan, biodiversiti dan sumber air serta ekosistem yang perlu dinilai dan diurus secara mampan.

Sehubungan dengan itu, suka saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, dalam melindungi dan memelihara kawasan hutan hijau di Sabah, kerajaan negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Musa Haji Aman telah memulakan langkah proaktif dengan mengambil langkah awal dan inisiatif untuk melindungi aset semula jadi yang penting kepada negeri Sabah ini. Antara langkah-langkah tersebut mengamalkan dasar terbuka dalam pengurusan tanah, program Malaysia perakuan balak yang sah, pengurangan impak pembalakan, piawai emas iaitu *Forest Stewardship Council*, Projek Perlindungan Jaya Orangutan, *Great Apes Survival Partnership* iaitu GRAPS, kawasan perlindungan sepenuhnya dan penurunan hasil dirancang.

Usaha-usaha pemuliharaan ini juga melibatkan penggazetan semula kawasan hutan komersial kelas dua yang mempunyai keluasan seluas 183,000 hektar. Kawasan ini akan dijadikan kepada hutan perlindungan kelas satu yang melibatkan ekosistem di hutan simpan di Hulu Segama dan Gunung Rara. Perlindungan hutan kelas satu ini amatlah penting kerana ia bertujuan untuk mengekalkan kestabilan iklim khususnya di negara kita. Oleh itu RMKe-11 ini akan mengukuhkan lagi usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri untuk terus memelihara dan melindungi sumber asli demi kesejahteraan rakyat. Ia adalah antara usaha-usaha murni kerajaan negeri dalam memastikan pembangunan hijau mampan di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan alam sekitar ini membangun secara hijau dan mampan serta berusaha melindungi hutan-hutan kita untuk menggalakkan kerosakan alam sekitar, namun negeri Sabah baru-baru ini telah dikejutkan dengan bencana gempa bumi yang berlaku mengakibatkan kehilangan 18 nyawa akibat gegaran sederhana 5.9 skala Richter yang berpusat di Kundasang, Ranau. Gempa bumi ini telah mengakibatkan kejadian tanah runtuh, banjir lumpur dan kerosakan di pusat pelancongan utama di negeri Sabah yakni Gunung Kinabalu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Gunung Kinabalu telah pun diwartakan sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO dan kawasan yang dilindungi dan dalam masa yang sama taman-taman Sabah telah pun mewartakan kawasan Banjaran Crocker sebagai kawasan yang dilindungi daripada aspek biodiversiti, penggunaan tanah dan keistimewaan yang terdapat di dalam kawasan berkenaan.

Kejadian gempa bumi baru-baru ini kejadian alam yang tidak dapat dielakkan dan tidak ada sesiapa yang dapat meramalkan kejadiannya. Kita menyedari kejadian ini sedikit sebanyak memberi

kesan terhadap sektor pelancongan di negara ini khususnya di Sabah. Lebih-lebih lagi dengan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas melalui blog-blog di mana usaha untuk mencari dan menyelamatkan banyak dipertikaikan tetapi semua itu satu komen yang dibuat melalui *armchair critics*, dengan izin, bahawa pasukan penyelamat tidak membuat secukupnya.

Untuk merakamkan penghargaan, saya di sini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan penyelamat yang telah bertungkus-lumus untuk menyelamatkan nyawa para pendaki yang berada di puncak gunung pada masa tersebut. Yang dikatakan boleh lebih lagi boleh diselamatkan adalah tidak betul sebab mana yang dikatakan hilang pada masa itu adalah yang sudah meninggal dunia dan sudah tidak dapat diselamatkan. Malahan pada hari kedua daripada kejadian itu iaitu pada 6 hari bulan, kesemua para pendaki yang berada di puncak gunung telah selamat diturunkan walaupun ada separuh daripadanya cedera parah.

Komen-komen mengatakan para pasukan penyelamat tidak berusaha dengan cukup adalah tidak munasabah sama sekali. Terutama juga mengenai kritik-kritik mengatakan bahawa bantuan diberikan seperti tidak berperikemanusiaan, makanan dihumban daripada helikopter. Ini juga tidak betul malahan yang dihumban daripada helikopter selimut untuk memastikan para *victim* atau yang berada di puncak gunung pada masa itu tidak kesejukan dan bukannya makanan. Makanan dapat diangkat oleh para pasukan pencari dan penyelamat melalui jalan kaki. Untuk mengatakan kumpulan ini hero, kumpulan itu hero tidak betul malah pasukan penyelamat telah bekerja secara berpasukan untuk memastikan keselamatan semua yang berada di atas.

Kita juga menyedari kejadian ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pelancongan dan aspek keselamatan yang perlu ditekankan ialah saya mencadangkan sekiranya dapat dihadkan umur pada pendaki-pendaki gunung. Ini kerana amat menyedihkan apabila kita melihat tujuh orang budak berumur 12 tahun terikat di tali jatuh tanpa nyawa.

#### ■1530

Sekiranya kita dapat menghadkan umur-umur lebih kepada yang lebih dewasa yang lebih boleh berfikiran proaktif untuk mengelakkan kecelakaan atau menyelamatkan diri mungkin kita dapat mengurangkan kecelakaan dan kemalangan jiwa seperti ini.

Di samping itu, saya juga ingin mencadangkan sekiranya dapat diperkukuhkan usaha pasukan untuk ditubuhkan satu pasukan penyelamat yang tetap di Taman Sabah di Gunung Kinabalu supaya cepat untuk buat respons. Di samping itu juga memastikan amaran-amaran gempa bumi yang mencukupi dipasangkan atau ditempatkan di kawasan-kawasan yang menjadi '*quake*'- dengan izin, seperti di Kundasang dan di Lahad Datu yang mana telah dikhabarkan ialah kawasan *seismic* yang amat ketara.

Di samping itu juga RMKe-11 juga memberi perancangan untuk melahirkan atlet-atlet jagoan yang bertaraf dunia seperti Datuk Lee Chong Wei, Datuk Nicol Ann David, Sazali Abdul Samad dan Pandlela Renong. Usaha kerajaan untuk memartabatkan Malaysia dalam dunia *sukan* ini amat dialukan dan untuk merealisasikannya persatuan-persatuan sukan mesti melakukan sesuatu yang positif atau dengan izin, *backup* selaras untuk memastikan hasrat kerajaan tercapai.

Kita tidak mahu persatuan hanya melahirkan jagoan-jagoan kampung tetapi tidak mencapai apa-apa di peringkat antarabangsa seperti mana yang telah berlaku dengan pemain-pemain bola sepak negara di mana di dalam liga negara kita dibayar dengan gaji yang mahal tetapi baru sahaja masuk dalam pusing kelayakan piala dunia bukan sahaja dikalahkan tetapi dibelasah 6-0 oleh pasukan Palestin iaitu sebuah pasukan dari negara yang berperang dan tidak mempunyai prasarana dan liga bola sepak seperti yang ada di Malaysia.

Di samping itu syabas saya ucapkan kepada Persatuan Hoki Malaysia atas tindakan bijak mereka menghantar pasukan belianya ke Sukan Sea baru-baru ini dan telah merangkul pingat emas. Keputusan untuk memberi pendedahan kepada pasukan dan pemain pelapis seperti ini juga perlu diambil iktibar oleh persatuan-persatuan seperti BAM dan FAM.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyifatkan Rancangan Malaysia Kesebelas kali ini lebih mengutamakan pembangunan rakyat. Diharap agar rancangan yang telah di bentang ini akan mencapai objektifnya dan terus memberi manfaat kepada seluruh warga Malaysia dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kerana memberi peluang kepada saya menyampaikan ucapan untuk menyokong Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som. Silakan Yang Berhormat.

### **3.34 ptg.**

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rancangan Malaysia Kesebelas. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat berpuasa kepada semua Ahli Yang Berhormat yang beragama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, seperti dijelaskan Yang Berhormat Menteri semalam Rancangan Malaysia Kesebelas merupakan rancangan lima tahun sebelum kita mencapai negara maju dan inklusif pada tahun 2020. Sewaktu pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas di Dewan Rakyat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan Rancangan Malaysia Kesebelas akan memberi tumpuan kepada semua kumpulan etnik, sub etnik dan kumpulan minoriti rakyat Malaysia termasuk yang berketurunan Siam yang saya wakili di Dewan Negara ini. Ini sejajar dengan teras strategi utama Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu memperkukuhkan inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama.

Konsep inklusiviti ini kerajaan akan bersungguh-sungguh berikhtiar memastikan tiada golongan rakyat yang akan tercicir daripada menikmati manfaat, kemakmuran dan pembangunan negara. Sebagai pemimpin kepada masyarakat minoriti keturunan Siam saya amat mengalu-alukan hasrat kerajaan itu. Sejar dengan hasrat itu juga saya ingin mencadangkan seperti kerajaan memberi peruntukan tahunan sekurang-kurangnya RM100 juta setahun kepada setiap komuniti bukan sahaja Siam tetapi semua komuniti di seluruh Malaysia ini termasuklah Sabah dan Sarawak bagi tujuan pembangunan mereka.

Pada hemat saya peruntukan tahunan yang khusus untuk kumpulan minoriti ini perlu supaya mereka dapat merasai dan menyertai usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan rakyat di negara ini serta merapatkan lagi jurang pencapaian antara penduduk di negara ini. Kebanyakan anggota yang saya wakili iaitu anggota masyarakat Siam yang tinggal di kawasan luar bandar, majoriti bekerja di sektor pertanian terutama sebagai pekebun getah dan pekerja upahan di kebun getah. Oleh itu majoriti isi rumah masyarakat Siam tergolong dalam kumpulan isi rumah bawah 40 tahun iaitu B40 iaitu pendapatan purata isi rumah 40% terendah.

Kejatuhan harga getah serta pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan turut memberi kesan kepada sara hidup mereka. Oleh itu, peruntukan tahunan yang khusus perlu supaya program pembangunan dapat dirancang untuk mereka. Program itu perlulah mencakupi bidang pendidikan, keusahawanan, kepimpinan, kemasyarakatan dan sebagainya. Oleh itu, saya berpendapatan sebuah jabatan khusus untuk menguruskan hal ehwal pembangunan masyarakat minoriti sama seperti Jabatan Hal Ehwal Orang Asli patutlah ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam teras strategi kedua yang bertujuan meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat penekanan turut diberikan kepada meningkatkan integrasi sosial dan perpaduan nasional sejajar dengan semangat 1Malaysia. Saya pernah menyarankan Kementerian Pendidikan supaya menggubal subjek bahasa Siam di sekolah-sekolah terutama di sekolah-sekolah yang mempunyai ramai pelajar berketurunan Siam iaitu yang bersempadan dengan Thailand.

Saya juga pernah menyatakan bahasa siam dijadikan sebagai subjek tambahan di sekolah-sekolah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar lain yang berminat mempelajari bahasa Siam. Penguasaan bahasa Siam juga boleh memberi nilai tambah dan generasi muda daripada segi peluang mendapat pekerjaan. Saranan ini pernah mendapat reaksi positif Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebelum Pilihan Raya Umum Ketiga belas yang lalu.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga menyatakan di sebuah kampung Siam di Naka di depan 20,000 orang masyarakat Siam masa itu beliau menyatakan akan mengarahkan pegawai Kementerian Pendidikan mengkaji saranan itu. Walau bagaimanapun, dua tahun sudah berlalu sehingga kini saya masih lagi menunggu maklum balas mengenai cadangan berkenaan. Apa sudah jadi dengan kajian itu. Ibarat pantun.

*Kalau padi katakanlah padi,  
Tidaklah kami tertampi-tampi,  
Kalau jadi katakan jadi,  
Tidaklah kami ternanti-nanti.*

Terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, semalam rakan kita Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader menyifatkan restoran mamak sebagai restoran perpaduan kerana menjadi tumpuan pelanggan pelbagai kaum di negara ini. Saya setuju dengan pandangan itu kerana restoran mamak berjaya memenuhi cita rasa semua kaum tetapi malang beliau tidak ada di sini. Kalau tidak saya hendak minta beliau menyahut seruan saya.

Di samping kemudahan seperti *WiFi* dibuka 24 jam tetapi seperti kata beliau juga bila harga barang naik restoran mamak jadi sasaran. Orang ramai marah kerana harga di restoran mamak dikatakan mahal tetapi saya setuju juga kadang-kadang dibilang, *last* sekali RM45 tapi bila sekali lagi suruh dia kira balik kadang-kadang harga itu murah daripada harga yang kita tanya tadi *[Ketawa]*

#### ■1540

Melihat restoran mamak yang jadi tumpuan ramai saya teringat kepada restoran di Chinatown di London dan di Norway, restoran di situ juga menjadi tumpuan ramai terutama warga emas dan orang kelainan upaya iaitu OKU. Rupa-rupanya restoran di negara maju ini mengambil pendekatan berbeza dalam memenangi hati pelanggan mereka memberikan diskaun harga sebanyak 20% kepada pelanggan mereka yang terdiri daripada warga emas dan OKU. Mereka sifatkan sebagai tanggungjawab sosial mereka.

Prinsip mereka ialah saya tanya kepada mereka kenapa bagi 20% kepada OKU dan kepada warga emas ini mereka menjawab bahawa setelah menikmati keuntungan daripada perniagaan mereka oleh itu mereka berasa mereka patut kembali keuntungan itu kepada masyarakat dalam bentuk diskaun berkenaan dan kepada negara yang mereka menikmati keuntungan dan pendapatan mereka jadi mereka kembalikan kepada negara mereka bahawa 20% ini diberi kepada warga emas. Supaya mereka dapat menikmati mereka tak makan banyak dia orang kata 20% dan OKU diberi diskaun khas.

Jadi saya mintalah jadi sebagai restoran perpaduan negara ini apa kata jikalau restoran mamak menerajui usaha melaksanakan tanggungjawab sosial sebegini. Sesuai dengan konsep inklusiviti dalam RMKe-11 supaya pertumbuhan ekonomi dinikmati oleh semua rakyat. Adakah jadi kalau Syed Ibrahim ada saya tanya dialah adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan ini, tetapi dia tidak ada malangnya. Tuan Yang di-Pertua, tanya Yang Berhormat tidak ada. Yang Berhormat lain setuju kah tidak, setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak mengapa Yang Berhormat, esok dia boleh baca hansard itu.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Okey, okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, teras strategik yang ketiga RMKe-11 meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju seperti kata Yang Berhormat menteri semalam. Modal insan yang berkemahiran tinggi, inovatif, kreatif dan berpengetahuan adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif. Antara usaha yang dirancang oleh RMKe-11 meningkatkan pengambilan pelajar lepasan SPM ke institusi pendidikan dan latihan teknik, vokasional awam dan swasta.

Untuk itu, pembiayaan pendidikan dan latihan bagi jalan itu akan ditingkatkan. Pada hemat saya di samping pembiayaan sendiri, kerajaan juga patut melihat peluang-peluang pembiayaan lain yang ada termasuk dari luar negara. Sewaktu lawatan saya ke Hungary dan Norway baru-baru ini, ke Hungary baru-baru ini yang di ketuai oleh Timbalan Speaker Dewan Negara terima kasih kerana memberi peluang saya mengikuti rombongan tersebut dan saya banyak mempelajari sepanjang mengikuti rombongan Timbalan Speaker dan speaker ke luar negara.

Lain kali diajak lagi. Kami dimaklumkan bahawa Kerajaan Hungary bersedia memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar Malaysia yang mahu belajar di negara itu. Tuan Yang di-Pertua, di Hungary terkenal dengan pendidikan dalam bidang perubatan, farmasi dan kejuruteraan. Setakat ini 14 orang penyelidik Hungary telah menerima Hadiah Keamanan Nobel iaitu *Nobel Peace Prize* kerana penyelidikan mereka yang terbaik di dunia ini jadi mereka telah mendapat 14 orang penyelidik telah mendapat anugerah hadiah *Nobel Peace Prize*. Ketika ini ada 8,000 orang pelajar asing termasuk dari German yang sedang belajar di negara itu di dalam pelbagai bidang di pelbagai peringkat pengajian.

Malangnya tiada satu pun universiti di Hungary yang mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia. Pada hemat saya, Kementerian Pendidikan dan MQA patut melihat perkara ini. Kita selalu melihat London, Korea, Jepun dan juga di German tetapi kita lupa bahawa Hungary negeri yang terkenal dengan penguasaan Matematik mereka yang terbaik di dunia. Jadi saya mintalah supaya Kementerian Pelajaran melihat ke arah *Eastern Europe* ini untuk mendapat kita menimba pembelajaran mereka daripada segi *knowledge* yang mereka ada. Kita jangan tengok dari negeri yang maju sahaja kita kena tengok negeri yang sedang membangun sekarang ini seperti di *Eastern Europe*.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai pendidikan semalam saya terima jawapan bertulis bagi soalan lisan saya berhubung bilangan pelajar Siam di Institut Teknologi Mara UiTM. Saya petik iaitu soalan saya nombor 48, saya petik jawapan itu bagi tempoh tiga tahun bermula pada tahun 2012 hingga tahun 2014 terdapat seramai 1,075 orang pelajar Siam yang melanjutkan pelajaran di 20 buah institusi awam di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, *enrollment* pelajar Siam bagi tempoh yang sama Universiti Teknologi Mara adalah seramai 33 orang. Tuan Yang di-Pertua, ketika turun padang bertemu masyarakat Siam baik di Kedah, Perlis, Perak, Kelantan dan Terengganu.

Saya bertanya tentang hal ini, tentang hal anak-anak mereka yang belajar di universiti, ada yang sebut anak mereka belajar di UKM, di USM malah di *oversea* tetapi tidak ada yang sebut anak mereka belajar di UiTM. Saya ingat saya telah bertanya hal yang sama daripada pemimpin masyarakat dan NGO pertubuhan sukarela masyarakat Siam mereka juga mengesahkan perkara yang sama bahawa tidak ada pun pelajar Siam masuk ke UiTM. Macam mana hendak masuk ke UiTM malah dalam permohonan *online* tak tercatat pun bangsa Siam. Bila tak tercatat bangsa Siam di situ maknanya benda itu ditolak. Jadi maknanya jawapan yang diberikan oleh di Dewan Negara ini adalah seolah-olah satu yang tak betul.

Ini bukan mencerminkan pegawai yang beri jawapan itu tetapi mencerminkan kerajaan bercakap benda yang tak betul. Jadi saya mintalah supaya pegawai mengambil iktibar untuk menyelidik pegawai ini betul-betul supaya memberikan jawapan yang tepat supaya menghormatilah Dewan Negara ini sebagai Dewan yang tertinggi negara. Oleh itu saya terkejut dan sangat teruja bila mendapat tahu ada 33 orang pelajar Siam UiTM. Jadi saya pun tanyalah sekali lagi supaya betullah, tetapi tidak ada seorang pun balik menjawab bahawa ada pelajar Siam belajar di UiTM. Malah saya tanya kepada kakitangan Siam di UiTM satunya Mun Ready yang mengajar di UiTM dulunya dia ahli sukan pemanah bila kita tidak ada pun pelajar Siam Malaysia yang belajar di UiTM.

Kampus di Kedah saya tanya juga adakah pelajar Siam, dia kata tak ada pun pelajar Siam. Maknanya tidak ada pelajar Siam pun yang mengajar tetapi jawapannya mengatakan 33 orang. Saya hendak minta kerjasama pihak Kementerian Pendidikan untuk mendapatkan senarai nama ke semua 33 orang pelajar terbabit lengkap dengan nama kursus pengajian yang diikuti tahun pengajian mereka, UiTM cawangan mana yang mereka ditempatkan serta alamat lengkap keluarga mereka. Saya ingat saya hendak berjumpa dan berkenalan dengan mereka. Saya harap saya boleh mendapat senarai itu sebelum sidang Dewan ini berakhir pada 7 Julai nanti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kehairahan kita mengejar kemajuan kita juga tidak boleh juga mengetepikan nilai sejarah dan estetika. Kita patut mengira bangunan bersejarah dan nilai seni binaan menarik yang terdapat di negara ini. Sepanjang peluang saya mengunjungi di luar negara juga saya mendapati negara seperti Uruguay, Argentina, Norway dan Hungary sangat menghargai aspek itu yang menjadi tarikan pelancong. Ini sebagai contoh, Dato' Adam pernah sebut bahawa Parlimen kita tak mencerminkan seni negara kita, tak ada pun ukiran yang menunjukkan kesenian negara kita.

Kita pergi ke Uruguay, pergi Argentina mengikuti rombongan Parlimen yang di ketuai oleh Timbalan Ketua Speaker mereka begitu bangga menceritakan lahirnya bunga itu, arkitek mana, sebut nama arkitek daripada mana, bangunan itu dicipta dan apakah coraknya daripada raja mana yang mencipta bangunan itu. Saya ingat bangunan Parlimen 1814 di Uruguay telah dibina dan sekarang boleh dipakai malah *ventilation air cond* 1814 masih boleh dibuat *air cond* masa itu lubang *air cond* diletak ketul ais dalam situ selepas itu dimasukkan di Parlimen. Jadi maknanya mereka begitu teliti tentang kebudayaan dan pembangunan mereka. Ia juga menjadikan tarikan pelancong.

Sempena yang menarik di dunia ialah penyelenggaraan bangunan-bangunan yang bersejarah dan melalui estetika ini tidak bertanggungjawab oleh kerajaan sebanyak oleh kontraktor. Mereka tidak membayar untuk kerja-kerja itu sebaliknya mereka sendiri yang membiayai atas dasar dan kesan bahawa ia adalah sebagai tanggungjawab sosial-korporat mereka.

#### ■1550

Jadi sebab kontraktor kita ini lebih penting komersial daripada kesenian. Lepas itu, kerajaan kita pula tidak mementingkan kesenian dan kebudayaan pembangunan negara kita. Lepas itu kita diberikan kepada kontraktor yang tidak bertanggungjawab. Jadi kontraktor itu dapat kontraktor Kelas 'A' lepas itu dia sub kepada kontraktor Kelas 'B'. Jadi yang penting sekarang adalah *commercials fear* bukan lagi menjaga estetika bangunan dan tapak sejarah negara kita ini. Ini amat menyedihkan.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan persempadanan di negara jiran sepatutnya menjadi kawasan pertumbuhan ekonomi, tempat rakyat berniaga dan bekerja, mencari dan menjana pendapatan. Bagaimanapun, nampaknya lain keadaan yang berlaku di sempadan negara kita. Kita ada banyak masalah di sempadan dengan negara-negara jiran baik sempadan di daratan mahupun di sempadan laut di lautan.

Sekarang kita dapat meningkatkan kegiatan jenayah rentas sempadan ataupun *cross border*, dengan izin. Jenayah ini berlaku dalam pelbagai bentuk. Kalau dulu di Kedah kita mendengar penyeludup kerbau dan lembu tetapi sekarang sudah melibatkan penyeludupan dadah dan manusia.

Bulan lepas, kita dikejutkan dengan penemuan kubur etnik Rohingya, warga Myanmar di Wang Kelian, Perlis. Minggu lepas kita dikejutkan pula dengan kehilangan kapal tangki Orkim Harmoni ketika berada di perairan negara kita. Nampaknya kawasan sempadan di negara kita baik di darat mahupun di laut kita bolos dan bocor.

Saya datang dari Kedah yang bersempadan dengan Thailand. Saya faham sangat penting perkara ini daripada penyeludupan dadah, senjata api, barang terlarang seperti mercun, barang lari cukai hinggalah kepada pemerdagangan manusia. Perkara ini berlaku setiap hari di Bukit Kayu Hitam, Wang Kelian, Padang Besar. Ini belum lagi mengambil kira apa yang berlaku di Golok, Kelantan dan Lahad Datu di Sabah. Bagaimanapun, ini boleh berlaku jika ada kawalan ketat di kawasan sempadan. Baru-baru ini akhbar melaporkan bahawa 80% orang anggota keselamatan yang bertugas di sempadan Malaysia-Thailand terbabit dengan gejala rasuah.

**Seorang Ahli:** Di Golok.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Oh Golok. Golok, Siam. Minta maaf. Golok di sebelah Siam [Ketawa] Tersilap. Minta maaf ya. Kita nak besarkan daerah kita, masuk Golok sekalilah. *Constitute* baru.

**Seorang Ahli:** Balik Thailand.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Ini serius, bukan lagi soalan peralatan yang digunakan tetapi soal orang yang berada di belakang untuk mengenali peralatan itu. Kalau kita ada alatan yang canggih, mana sekali pun ia tidak memberi apa-apa makna jika orang yang di belakangnya atau yang mengendalikannya tidak baik. Inilah isu sebenar yang kita hadapi. Ini perkara serius, kegiatan jenayah rentas sempadan ini bukan sahaja merugikan negara daripada segi ekonomi, tetapi juga mengancam keselamatan negara. Jika ini berterusan, pencerobohan yang lebih berbahaya seperti yang pernah berlaku di Lahad Datu pun boleh berlaku. Setiap hari tanpa disedari ...

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Minta celah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang nak mencelah, Yang Berhormat.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Boleh, boleh.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya tertarik dengan pencerobohan sempadan ini di kawasan Kedah. Semalam ada soalan kepada Menteri Dalam Negeri mengenai perjumpaan kubur-kubur di sempadan Kedah dan Thailand itu dan Menteri telah memberi jawapan bahawa tempat ini memang susah untuk dikawal sebab curam, kawasannya begitu curam sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Juram?

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Cerun, cerun dia *is very sloop, very steep*. Jadi, apa pendapat Yang Berhormat, adakah penceroboh sebab benda teknikal ke ataupun lebih kepada pegawai-

pegawai mengambil rasuah? Mereka ini tahu benda ini berlaku tetapi tutup mulut. Apakah pendapat Yang Berhormat tentang ini?

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Jaspal. Semalam saya cuba bangun untuk nak bertanya kepada Menteri tetapi tak diberi peluang. Jadi hari ini saya nak *since* YB. Dato' Jaspal bertanya, jadi saya nak menjawablah bagi pihak penyeludup ini. Jadi penyeludup memang suka, memang tempat itu yang dia nak seludup. Kalau tempat yang senang nak masuk ini memang dia tak boleh buat kerja itu, jadi dia letak tempat yang susah. Jadi apa guna kita ada *military, intelligent military, special branch* dengan gerakan am. Jadi tempat itu yang penyeludup suka nak buat benda yang tak baik itu. Jadi kalau tempat senang, tempat yang askar boleh nampak ini memang dia orang tak boleh buat. Jadi patutlah jawapan itu memang tak ada *convince* saya langsunglah. Sebab apa, dia patut berikan bahawa kita ada kelengkapan semua, kita ada kelengkapan canggih, kenapa tidak gunakan kesempatan ini untuk memeriksa apa kedudukan sebenarnya penyeludupan ini sebab benda ini bukan berlaku dalam setahun dua. Ini mungkin dah sepuluh tahun dah benda ini berlaku.

Di mana pihak keselamatan, di mana polis yang menjaga sempadan sehingga sempadan yang di kawasan Siam itu- bukan luas sangat, jadi ada benda yang tak betul di situ? Jadi saya fikir benda ini patutlah kita mengambil iktibar dan mempelajari kesilapan kita menjaga kawasan sempadan kita yang senang dibolosi. Terima kasih. Ini perkara yang serius.

Kegiatan jenayah rentas sempadan ini berlaku setiap hari. Oleh itu, kerajaan perlu pandang serius perkara ini untuk atasinya. Untuk itu, kita perlu kumpul dan sediakan data yang lengkap yang diintegrasikan yang bersepadu, yang mengambil kira semua masalah yang wujud di sempadan. Kita tidak boleh lagi lakukan secara *ad hoc* dan secara berpisah-pisah.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan penubuhan pusat pengajian sempadan atau *border study institute*, dengan izin, di universiti-universiti yang terletak di negeri-negeri yang berhampiran dengan sempadan. Mungkin Universiti Utara Malaysia boleh merintis ke jalan ke arah itu. Saya pernah berbual dengan Naib Canselor Profesor Dato' Wira Dr. Mohamed Mustafa, nampaknya beliau berminat dan tertarik dengan cadangan ini. Pusat seperti ini sudah lama ditubuhkan di negara maju seperti San Diego menubuhkan *Trans Border Institute* untuk menggalakkan dialog persefahaman dan kerjasama berkaitan isu transnasional di sepanjang sempadan Amerika Syarikat dan Mexico. Di Eropah ada *the Centre for Cross Border Study* yang ditubuhkan oleh Kesatuan Eropah bagi menangani isu rentas sempadan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada lima minit lagi Yang Berhormat ya.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rentas sempadan di sempadan Ireland dan Scotland. Redbone University di Netherland yang menubuhkan *Centre for Border Research* yang menjadi sebahagian daripada perangkaian institut kajian sempadan di Eropah. Itu sekadar beberapa contoh. Menerusi pusat ini, kita boleh kaji segala masalah yang wujud di sempadan, kumpul data dan maklumat, kenal pasti cabaran yang dihadapi dan langkah untuk ditangani secara bersepadu dan bagi jangka panjang. Bukan sahaja daripada segi jenayah tetapi daripada ekonomi sempadan, daripada segi kerjasama sempadan, kita perlu mengumpul data dan menubuhkan pusat khas

untuk mengkaji kedudukan sempadan lebih-lebih lagi sempadan Thailand dan Malaysia ini banyak pergerakan yang berlaku setiap hari. Jadi perlulah kita mengumpulkan data, mendapatkan satu kajian yang lebih teliti keadaan sempadan ini. Jadi saya mintalah supaya kerajaan meneliti cadangan ini supaya dapat kita lakukan yang terbaik.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Seperti saya sebutkan tadi, kawasan sempadan sepatutnya menjadi kawasan pertumbuhan ekonomi negara, tempat rakyat berniaga dan bekerja bagi menjana dan menambah pendapatan mereka. Malangnya ketika ini ia menjadi kawasan yang sangat bahaya, boleh mengancam keselamatan dan kedaulatan negara. Oleh itu sudah tiba masanya kita menubuhkan pusat kajian sempadan sebagai langkah konkrit menangani isu rentas sempadan yang sedang berlaku.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin. Saya ingin menarik perhatian semua Yang Berhormat, kalau boleh, kalau banyak *point-point* hendak dibangkitkan, buat cara persembahan itu cara point-point satu, dua, tiga dan seterusnya supaya ia dapat di apakan. Jangan *elaborate* terlalu banyak, kerana masa itu agaknya oleh sebab itu agaknya kalau boleh awal-awal bagi nama. Akan tetapi walau bagaimanapun, saya *accomodate you*, dengan izin, agaknya sila bercakap sekarang. Silakan.

4.01 ptg.

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Rancangan Malaysia Kesebelas pada petang ini.

Saya hendak mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan jentera kerajaan yang membuat yang terbaik melalui RMK kali ini. Bukan senang kita merangka rancangan ini dalam ketika perkembangan ekonomi dunia dan pertumbuhan ekonomi sesetengah negara yang begitu mencabar pada hari ini. Dengan penurunan harga minyak, kejatuhan harga komoditi dan begitu juga nilai ringgit.

Tidak perlulah saya mengulangi apa-apa juga angka-angka yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti tahap daya saing negara yang terus mengukuh untuk menyokong hakikat bahawa negara kita sedang menuju ke arah visi dan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, tiada sesiapa pun boleh menafikan RMKe-11 berdasarkan apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ia ibarat satu rancangan yang berteraskan negara dimajukan, rakyat disejahterakan. Namun begitu, apa yang menjadi tumpuan kita ialah sejauh mana apa yang dirancang, dilaksanakan dengan berkesan supaya ia mencapai matlamat yang diidam-idamkan. Ini memandangkan sama ada rancangan ini akan berjaya atau tidak. Ia bergantung

sepenuhnya kepada komitmen sepenuhnya daripada semua pihak. Daripada segi rakyat pula, mereka bertanggungjawab mengekalkan perpaduan dan kestabilan sedia ada bagi memastikan rancangan yang diatur tidak terencat atau tergendala.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa pembangunan dan pertumbuhan ekonomi pada tahun lepas dikatakan amat memberangsangkan, 6% di antara yang terbaik di Benua Asia. Akan tetapi mengapa pada tahun 2014 semasa kita mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang begitu baik, pada waktu yang sama nilai pasaran modal saham Bursa Malaysia jatuh 6%. Pertumbuhan ekonomi naik 6%, nilai pasaran modal Bursa Malaysia turun 6% dan merupakan bursa saham ini yang menunjukkan prestasi yang tidak membanggakan bagi seluruh Asia Tenggara.

Sebagai perbandingan, Thailand, negara jiran yang sentiasa bergolak dengan politiknya. Pertumbuhan ekonomi hanya 1% sahaja tetapi kuasa pasaran modal di Thailand naik 15%. Mengapakah ini berlaku? Tanpa lagi nilai mata wang ringgit jatuh, Singapura Dollar dahulu kita boleh dapat RM2.20 sen tetapi sekarang RM2.70 sen sehingga RM2.80 sen. Pergi Thailand pun serupa. Kalau dahulu RM950, sekarang RM870.

Pergi mana-mana pun nilai mata wang Ringgit turun. Saya harap kerajaan dapat memberikan satu penjelasan yang kukuh melalui pelan jangka pendek yang direncanakan bagi mengatasi masalah ini.

Pada 17 Mac 2015, *Fitch Ratings* mengumumkan kemungkinan penurunan penilaian ataupun *rate downgrade* untuk Malaysia daripada 'A' minus kepada *triple 'B'*. Antara sebab untuk penurunan penilaian termasuk kejatuhan harga minyak mentah. Kejatuhan dalam lebihan akaun semasa dan peningkatan liabiliti luar jangka ataupun kontinjen liabiliti akibat termasuk daripada hutang syarikat 1MDB.

Saya tidak mahu komen berkenaan 1MDB kerana semua sudah sedia maklum tetapi ini semua harus diberikan perhatian segera oleh kerajaan untuk diatasi. Saya juga ingin penjelasan daripada kementerian berkenaan hasil perbincangan Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan bersama dengan *Fitch Ratings* tempoh hari iaitu berkenaan situasi sebenar negara kita.

Kita dimaklumkan di bawah Dewan ini setiap kali pembentangan Laporan Ketua Audit Negara, Ketua Audit membentangkan ketirisan yang berlaku dalam pengurusan kewangan kerajaan, berbilion-bilion ringgit setahun akibat ketirisan wang negara. Jadi, saya penjelasan daripada kerajaan, sejauh mana perkara ini telah diberi perhatian oleh kerajaan untuk memastikan segala bentuk ketirisan, segala bentuk penyalahgunaan, segala bentuk keborosan, *target* sifar supaya tidak berlaku apa-apa bentuk pemborosan dan ketirisan untuk mencapai negara maju?

Dalam menjelang tahun 2020 ini, kalau kita lihat dalam *Rolling Plan* yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di mana kita ada bajet tahunan. Walaupun bajet ini nampak elok, seimbang ataupun defisitnya tidak seberapa. Akan tetapi setiap kali kita di dalam Dewan ini, dibentangkan dalam bajet tambahan, dua hingga tiga kali bajet tambahan setahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik ingin menyentuh sasaran yang terdapat dalam teras satu dalam RMKe-11. Di mana dinyatakan sasaran untuk meningkatkan pendapatan bulanan purata isi rumah

dari RM2,537 kepada RM5,270 dan menambah pendapatan bulanan menengah isi rumah dari RM2,629 kepada RM5,701.

Di samping itu, kerajaan telah menyasarkan pendapatan KDNK per kapita untuk negara iaitu USD15,000 menjelang tahun 2020. Ini satu sasaran yang sangat baik bagi memastikan pendapatan rakyat negara ini meningkat seiring dengan sasaran Malaysia untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020. Namun begitu, saya mempunyai sedikit kekusaran apabila langkah kerajaan bagi memastikan setiap rakyat Malaysia yang terdapat dalam golongan sasaran akan mencapai pendapatan tersebut. Ini kerana saya melihat sasaran pendapatan ini hanyalah diambil kira secara purata, sedangkan masih ramai lagi rakyat Malaysia yang berada di bawah paras pendapatan tersebut. Saya berharap agar kerajaan memberi perhatian yang lebih melaksanakan lebih banyak program tertumpu dan panduan-panduan bagi meningkatkan pendapatan, terutamanya di kawasan luar bandar dan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Saya juga berharap agar *economy in equality* dapat diatasi. Oleh sebab jika tidak, perancangan kerajaan untuk membantu B40 ini akan terbantut. *Economy in equality* ini bermaksud bagaimana ekonomi diagihkan kepada beberapa golongan, sama ada individu ataupun kumpulan serta penduduk di sebuah negara.

■1610

Oleh itu saya minta Menteri menjelaskan, pertama daripada segi jurang pendapatan apakah pendapatan *top 20%* dan daripada angka itu saya hendak tanya, berapa pendapatan *very top 1%*? Daripada isu jurang harta pula *well inequality* saya perlukan Menteri memberi data apakah pegangan harga B40, *middle 40* dan juga *top 20* dan yang lebih penting terhadap tahap pembolotan harta untuk *the very top 1%*?

Tuan Yang di-Pertua, seharusnya kita jangan malu untuk menerima hakikat bahawa walaupun pada ketika ini satu kejayaan yang cukup besar bahawa kita telah berjaya untuk meneruskan usaha kita bagi mensifarkan angka kemiskinan, tetapi masa telah berubah angka kemiskinan ataupun tarif kemiskinan seharusnya bukan statistik dan ia patut berubah dari semasa ke semasa apatah lagi apabila keadaan kenaikan harga barang dan tidak dapat dikawal pada ketika ini.

Seharusnya tafsiran kemiskinan sama ada kemiskinan tegar dan kemiskinan biasa ini tidak ubah dari semasa ke semasa. Kalau sekarang angka RM750 di Semenanjung Malaysia, RM800 di Sabah dan Sarawak, RM900 di Sarawak misalnya kita patut ubah angka ini mengikut keadaan semasa. Keperluan yang terus bergerak dan angka tidak pernah statistik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ragu-ragu tentang sesetengah unjuran yang telah kita buat. Pertama, keraguan yang saya adalah menjurus kepada kemungkinan tidak ada upayanya kita untuk mencapai unjuran tersebut kerana ia tidak disokong oleh usaha-usaha yang realistik. Kedua, keraguan saya didorong oleh angka-angka yang nampak mencegah dan tidak konsisten.

Oleh yang demikian saya mohon agar kerajaan harus segera mempertimbangkan secara serius untuk memperbaiki indikator ini dan paras kemiskinan itu perlu dikaji dengan gaji minimum dengan taraf

hidup dan kos sara hidup dan sebagainya. Kalau sekadar menggunakan indikator ini sudah tentu kita boleh katakan kita ini sudah mengatasi paras kemiskinan sudah berjaya membasmi kemiskinan tegar.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lengkap sekiranya kita berbahas berkenaan B40 ini kita tidak bercakap mengenai bantuan-bantuan kerajaan kepada mereka. Kita lihat kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita tahu bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat ini adalah sebuah jabatan yang diguna oleh pihak kerajaan untuk membantu rakyat-rakyat termiskin. Terutamanya dalam B40 ini untuk mendapat kehidupan yang lebih selesa dengan bantuan kerajaan.

Akan tetapi malangnya, bantuan-bantuan yang diberi kepada mereka ini saya nampak sudah tidak relevan lagi daripada segi jumlah yang diberi. Bantuan-bantuan yang diberi seperti bantuan elaun pekerja cacat, bantuan orang tua, bantuan OKU, bantuan anak pelihara, bantuan kanak-kanak, bantuan-bantuan am sebahagian daripada bantuan-bantuan ini saya rasa kita kena perlu lihat. Ada yang dapat RM80 sebulan yang sudah tidak munasabah lagi.

Kalau kita tengok dalam konteks bandar raya contohnya kepada mereka yang tinggal di bandar-bandar di seluruh negara, masih ramai lagi yang mendapat bantuan-bantuan ini dengan jumlah RM80. Maka kalau kerajaan hendak melihat perkara ini saya ingin cadangkan kita lihat balik semula kriteria-kriteria ini. Saya juga ingin memohon supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat ini juga melihat bagaimana kita menukar kriteria.

Sekarang ini Jabatan Kebajikan Masyarakat, kriteria hendak dapat bantuan-bantuan am bulanan ini mereka kena ada pendapatan RM750 ke bawah sudah tidak praktikal. Itu yang kadang-kadang ada ibu-ibu tunggal bergaji RM1,500 orang anak 5 orang pergi jumpa JKM tidak dapat sebab apa yang pegawai-pegawai cakap kriterianya RM750. Ini bukan luar bandar ini dalam bandar. Akan tetapi bila kita jumpa, kita *present* okey, mereka cakap tidak boleh. Sebab ia adalah prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Oleh yang demikian saya ingin mendapatkan penjelasan bilakah kali terakhir bantuan-bantuan ini *direvise* semula.

Tuan Yang di-Pertua, isu keselamatan sosial memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan kelestarian dan pembangunan ekonomi sesebuah negara dan ini harus diakui. Kita lihat daripada segi tiga aspek iaitu keselamatan negara, ekonomi dan masalah sosial tidak ditekankan dalam RMKe-11. Keselamatan negara sekarang bertambah genting bukan sahaja daripada segi jenayah, rakyat Malaysia keselamatan asas kita kejadian penculikan dan kelemahan kawalan sempadan negara. Mengapakah tidak ada ditekankan dalam perancangan kali ini?

Saya agak sedih dan kecewa berkenaan kes penculikan yang berulang-ulang berlaku di Pantai Timur Sabah. Kerajaan seharusnya mengambil langkah dan perancangan untuk mencari penyelesaian dalam isu keselamatan ini tetapi saya agak berdukacita dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini, masalah yang sebegitu penting bagi negara pun tidak disebut. Ini akan mewujudkan persepsi negatif daripada rakyat kepada kerajaan sedia ada terutamanya rakyat Sabah yang terlibat dengan masalah keselamatan yang serius.

Oleh itu saya berharap kerajaan mempertimbangkan pertamanya supaya diwujudkan satu Jawatankuasa peringkat Parlimen untuk mengkaji masalah di ESSCOM ini secara menyeluruh dan membuat cadangan serta langkah-langkah penambahbaikan yang sesuai. Selain itu kerajaan haruslah meningkatkan bilangan aset dan peralatan pasukan keselamatan kita dengan peralatan dan aset yang lebih canggih disediakan secepat mungkin. Janganlah kita memberi alasan bahawa aset-aset ini telah dibeli tetapi masih belum boleh digunakan, masih belum dipasang, masih dalam proses penghantaran dan sebagainya. Bagaimanakah sekiranya negeri kita diserang secara tiba-tiba? Bagaimana alasan-alasan begini dapat menyelamatkan nyawa rakyat, maruah serta kedaulatan negara? Ini agak mengecewakan dan memalukan.

Ketiga, saya dimaklumkan bahawa ESSCOM telah menjalankan pelbagai tangkapan PATI setiap minggu dan setiap bulan dan jumlah tangkapan di khabar besar dan mereka ini telah pun dihantar pulang ke negara asal dan ada yang dalam proses penghantaran. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan atas usaha tegas ini. Walau bagaimanapun, menjadi kegusaran saya bahawa sejauh manakah PATI ini tidak akan datang kembali ke negeri Sabah? Itu saya tidak tahu. Saya mohon kerajaan terangkan di Dewan ini bagaimana caranya langkah dan strategi yang diambil bagi memastikan mereka ini tidak datang semula.

■1620

Seterusnya saya dengan tegas menyeru kerajaan untuk menyemak semula pemegang-pemegang kad pengenalan melalui projek IC memandangkan dakwaan ramai PATI telah memperoleh kad pengenalan sebagai warga negara yang tidak mempunyai taat setia kepada negara kita. Kerajaan Malaysia haruslah mengeluarkan IC semula kepada semua rakyat Sabah yang tulen, menarik balik semula IC yang diperoleh secara haram oleh PATI. Akhir dalam bab ini kita harus akui peranan pekerja asing yang sah di negeri Sabah dalam proses pembangunan negeri. Mereka ini penting kerana jika tiada mereka, terbantut segala projek yang hendak dijalankan.

Oleh yang demikian, saya mohon kerajaan supaya mempertimbangkan untuk memberikan permit kerja yang sah sekiranya PATI yang telah dihantar pulang ke negara asal mereka berminat untuk bekerja di negeri Sabah, kita tiada masalah sekiranya mereka datang melalui proses dan dokumentasi yang mengikut syarat dan undang-undang yang ditetapkan. Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya mengenai isu PLKN, Program Latihan Khidmat Negara. Saya dimaklumkan bahawa kerajaan akan mula menjadi program *National Service* ini sebagai program sukarela secara berperingkat-peringkat bermula tahun 2017 dan akan sepenuhnya menjadi program sukarela menjelang tahun 2019.

Pada dasar saya, saya bersetuju bahawa kita harus melahirkan lebih ramai golongan belia yang bersifat sukarela dalam menyertai mana-mana aktiviti dan program yang memberikan kebaikan kepada mereka. Lagi-lagi dalam program *National Service* ini. Kita tahu bahawa sejak ditubuhkan PLKN ini, program ini berjaya melahirkan golongan belia yang berdikari dan berdisiplin. Ini terbukti apabila ibu bapa memberikan respons yang positif mengenai *attitude* anak mereka sejak pulang dari kem latihan. Mereka lebih ringan tangan membantu ibu bapa mereka.

Mereka juga lebih banyak melakukan aktiviti sukan dan lebih bersosial dan tidak membuang masa di depan TV dan sebagainya. Dengan semua kejayaan yang dicapai melalui program ini, program PLKN ini harus diteruskan bagi menjamin masa hadapan golongan belia di negara kita. Sesungguhnya begitu, saya ada beberapa perkara yang perlukan penjelasan kementerian mengenai masa hadapan program ini. Yang pertamanya, saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian sejauh manakah kajian yang telah dilakukan kerajaan mengenai permohonan sukarelawan daripada golongan belia untuk terlibat dalam program ini dari sejak iaitu ditubuhkan sehingga sekarang.

Berapakah jumlah dan kadar peratusnya mengikut tahun? Kalau boleh saya juga ingin tahu jumlah purata pelajar yang memasuki setiap kem bagi setiap sesi mengikut ratio yang diguna pakai pada masa sekarang. Adakah kemasukan belajar itu kurang dari *ratio* yang ditetapkan ataupun lebih. Sebenarnya saya agak bimbang sekiranya kadar *ratio* bagi *intake* secara sukarela ditingkatkan. Mungkin jumlah penyertaan akan semakin berkurangan. Oleh yang demikian, apa jaminan kerajaan bahawa sekiranya dasar baru ini dilaksanakan, adakah jumlah peserta ini akan memenuhi jumlah yang disasarkan kementerian kelak? Kalau saya tidak salah, ketika ini jumlah peserta bagi setiap sesi dan setiap kem adalah berjumlah lebih kurang 400 orang.

Adakah jumlah ini akan mampu dicapai selepas dasar baru nanti. Keduanya saya ingin bertanya adakah hala tuju PLKN selepas tahun 2019, nanti. Adakah ia akan masih dikekalkan ataupun sekiranya tidak mendapat sambutan daripada golongan belia, maka program ini akan ditamatkan? Adakah begitu? Atau adakah ada sebab lain untuk menamatkan program ini contohnya membabitkan bebanan kewangan yang tinggi kepada kerajaan atau sebagainya. Kalau mengikut perspektif saya, dengan langkah baru yang diambil ini yang menunjukkan seolah-olah kerajaan ingin memasukkan program ini secara berperingkat-peringkat. Yang jelas saya ingin tahu apakah sebab sebenar sekiranya kerajaan ingin memberhentikan program ini kelak.

Jika alasannya membabitkan kewangan kerajaan, saya rasa patut kerajaan kaji semula keputusan tersebut kerana banyak lagi sektor lain yang boleh kerajaan buat penjimatan. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya apa yang disebutkan oleh pihak bahawa program PLKN ini membazir, tidak memberi hasil kerana negara masih mengalami masalah perpaduan kaum dan sebagainya. Adalah ulasan yang harus diambil peduli oleh kerajaan tapi bukanlah dengan cara menamatkan program ini. Kerajaan haruslah bertindak dengan mengubah *silibus* dan format yang diguna pakai. Bukan saja ke arah *soft skill* tetapi ia mesti juga memberi tekanan kepada perpaduan kaum dan semangat cinta negara.

Ini isu besar yang melanda negara ketika ini, perpaduan kaum dilihat kurang. Saya yakin bahawa kita boleh belajar dari negara luar yang menjalankan *National Service* ini dengan jayanya walaupun harus diakui bahawa program mereka dilihat lebih kepada ketenteraan tetapi disiplin ketat yang diajar itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada tiga minit lagi Yang Berhormat.

**Datuk Chin Su Phin:** ...Mendidik mereka menjadi orang yang lebih disiplin dalam hidup. Seterusnya mencorakkan masa depan mereka dengan lebih baik. Oleh yang demikian, saya mohon kepada kerajaan supaya mengkaji semula pendekatan baru PLKN yang akan dilakukan kelak. Sekiranya

program sebegini ditamatkan, saya risau Tuan Yang di-Pertua sekiranya generasi kita pada masa akan datang tidak dapat kemahiran dan latihan secukupnya, sebagaimana negara-negara di luar seperti Singapura dan Korea Selatan yang melakukan program yang sama untuk belia mereka dan *resultnya*. Bukan sahaja belia mereka mempunyai semangat cinta negara yang tinggi, mereka juga memiliki kemahiran daripada aspek ketenteraan dan pertahanan yang semestinya menjadi kelebihan kepada negara-negara tersebut apabila tiba masa kelak.

Tuan Yang di-Pertua, semua rancangan pelan kerajaan tidak mungkin berjaya tanpa komitmen dan kerjasama semua pihak. Maka, saya berharap semua pihak mengetepikan perbezaan masing-masing dan bersama-sama menjayakan Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Dengan itu, saya mohon menyokong Rancangan Malaysia Kesebelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar.

**16.29 ptg.**

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penyampaian saya mungkin yang paling ringkas dan terima kasih atas peluang untuk membahaskan usul Rancangan Malaysia Kesebelas yang dirangka untuk meningkat taraf negara ini ke tahap negara maju dan berpendapatan tinggi. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu sentuh banyak perkara dalam perbahasan saya kerana pada prinsipnya saya sokonglah sebarang usaha untuk membawa negara ini ke tahap negara maju. Cogan kata Perdana Menteri semasa membentangkan Rancangan Malaysia Kesebelas ialah pertumbuhan berpaksikan rakyat.

**■1630**

Maka aspirasi menjadi negara maju yang *inclusive* ataupun merangkumi semua warganegara ini akan membawa maksud bahawa kemajuan serta pembangunan akan memanfaatkan semua rakyat Malaysia. Akan tetapi yang saya hendak tanya di sini, adakah Rancangan Malaysia Kesebelas benar-benar *inclusive*. Jika kita rujuk kepada mukadimah RMKe-11, sasaran kerajaan ialah aspirasi menjadi negara maju yang *inclusive* dan mampan menjelang tahun 2020 iaitu dalam tempoh masa lima tahun dari sekarang.

Akan tetapi sebagai wakil dari Pulau Pinang, saya hendak tanya adakah Pulau Pinang dianaktirikan oleh Kerajaan Pusat? Perdana Menteri telah menjanjikan pelaburan sebanyak RM260 bilion untuk Rancangan Malaysia Kesebelas tetapi setelah kami meneliti rancangan ini, tiada apa yang penting untuk negeri Pulau Pinang. Dalam pelan induk daya saing bagi empat buah bandar utama iaitu Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu, ada banyak rancangan yang dicadangkan tetapi apa sebabnya Pulau Pinang tidak disenaraikan? Di utara Semenanjung Tanah Melayu, Pulau Pinang merupakan bandar yang amat penting. Akan tetapi dipinggirkan, kenapa?

Oleh sebab itu kami mendapati bahawa Pulau Pinang tidak dirangkumi dalam pelan induk untuk dibangunkan berdasarkan prinsip mewujudkan kepadatan, memperluas pembangunan berorientasikan

transit serta mengukuhkan *cluster* berasaskan pengetahuan, meningkatkan daya huni, menggalakkan pembangunan dan amalan hijau dan memastikan *inclusivity*. Peminggiran Pulau Pinang adalah tidak adil sama sekali. Daripada segi penduduk...

**Tuan Koh Chin Han:** Yang Berhormat.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Saya tidak kena ambil helah masuk. Izinkan saya habis dulu.

**Tuan Koh Chin Han:** *Alright.*

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Peminggiran Pulau Pinang tidaklah adil daripada segi penduduk. Populasi Pulau Pinang ialah hampir 1.7 juta. KDNK Pulau Pinang ialah RM67 bilion iaitu kelima tertinggi selepas Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Sarawak. Kalau kita buat satu perbandingan, Pulau Pinang merupakan negeri kedua terkecil selepas Perlis. Daripada segi infrastruktur Pulau Pinang, kita mendapati Pulau Pinang merupakan *hub* logistik utara di mana terdapatnya pelabuhan, lapangan terbang dan stesen kereta api utama. Maka haruslah infrastruktur Pulau Pinang ditingkatkan supaya Pulau Pinang boleh menyumbang untuk pertumbuhan ekonomi di utara Semenanjung Tanah Melayu.

Jika kita rujuk kepada institusi pengajian tinggi, Pulau Pinang juga merupakan *hub* pendidikan bagi semua peringkat dari sekolah rendah sampai ke tahap pendidikan *tertiary*. USM terletak di Pulau Pinang termasuk juga kolej-kolej dan juga universiti-universiti asing seperti Universiti Hull yang tidak lama akan mendirikan kampusnya di Batu Kawan.

Daripada segi geografi, lokasi Pulau Pinang merupakan satu... yang menyumbangkan rantau Selatan Thailand dan Indonesia Utara daripada segi ekonomi. Kita tidak lama lagi akan mempunyai hubungan ekonomi dengan Myanmar. Oleh sebab itu, peminggiran Pulau Pinang merupakan dasar politik yang akan merugikan negara. Malangnya, dalam semua rancangan yang telah dibentangkan dulu dalam Parlimen, kita mendapati bahawa bukan kali pertama Kerajaan Pusat meminggirkan Pulau Pinang. Misalnya sistem monorel yang dijanjikan dalam RMKe-9 serta dengan izin, *Penang Outer Ring Road*, semua ini sampai hari ini tinggal janji-janji sahaja. Maka bagi saya sebagai wakil dari Pulau Pinang, kami tidak hairanlah jika di dalam RMKe-11, dasar peminggiran kepentingan rakyat di Pulau Pinang masih diteruskan dan bagi saya ini suatu dasar yang pada hakikatnya akan merugikan negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ringkas sahaja? Orang baru angkat sumpah semula mestilah *have all the energy*. Okey, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff.

**4.35 ptg.**

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya terus mengambil bahagian dalam perbahasan untuk RMKe-11 ini, saya ingin secara rasminya memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT dan juga ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib selaku Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Azlan yang telah bersetuju memilih saya untuk berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas dan saya bangga atas keupayaan dan kepimpinan negara yakni Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib yang mana pelan perancangan telah dibuat begitu rapi walaupun wakil dari Pulau Pinang mengatakan ia telah dipinggirkan. Akan tetapi saya rasa pelan perancangan atau dokumen yang dikemukakan itulah menyeluruh untuk semua negeri di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerangka Rancangan Malaysia Kesebelas ini dirangka dan dirancang mengikut acuan negara kita sendiri dan tidak ditiru daripada negara lain. Ada juga cakap-cakap yang membandingkan negara kita dengan Taiwan, Korea dan Singapura. Saya rasa kita, pihak kepimpinan negara telah merancang mengikut acuan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, latar belakang sosiopolitik dan ekonomi berlainan dengan kehendak dan keperluan sesuatu tempat ataupun negara itu sendiri. Negara kita tidak perlu dicerminkan ataupun, dengan izin, *mirror* negara lain. Rancangan Malaysia Kesebelas adalah untuk kita dan inilah amanah rakyat kepada Barisan Nasional untuk menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat. Saya rasa pegawai-pegawai kerajaan ataupun penjawat-penjawat awam, hal ini jangan dilupakan kerana merekalah yang banyak memberi input, idea berasaskan kepada hasrat kepimpinan negara. Mereka inilah dengan izin *unsung heroes*. Jadi kita jangan lupalah sumbangan kepada penjawat-penjawat awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, dokumen dan laporan RMKe-11 telah dirangka dan digarap dari semua pemikiran yang berkeleyakan dan berintegriti atas hasrat kepimpinan negara. Di atas dasar dan nilai tanggungjawab dan juga sumbangan dan pengorbanan dan usaha-usaha pegawai-pegawai kerajaan yang komited sehingga kita ada yang tidak sempat melihat di dalam dokumen itu kerana terlampau tebal. Jadi saya rasa dokumen yang dikemukakan kepada kita adalah *detail*. Terima kasih juga kepada Ketua Setiausaha Negara. Benda ini saya sebut Tuan Yang di-Pertua kerana saya mendengar dalam perbincangan kita di sini, tiada sebarang rekod dibuat terhadap pegawai-pegawai yang menyumbang untuk kerja-kerja pembangunan negara, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga akan ringkas-ringkasnya Tuan Yang di-Pertua. RMKe-11 modul rancangan yang akhir untuk dimuktamadkan di dalam Wawasan 2020 iaitu mengangkat negara menjadi negara maju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak perlu ringkas-ringkaskan. Cakap.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Oh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Wawasan 2020 yakni untuk kita naik kepada taraf negara maju, ini telah diilhamkan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad iaitu mantan Perdana Menteri. *In shaa-Allah* wawasan ini akan dizahirkan dan akan direalisasikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

#### ■1640

Jadi sebarang usaha-usaha untuk menggagalkan pertimbangan-pertimbangan positif ini saya rasa diketepikan dahulu untuk atas nama kepentingan negara. Tuan Yang di-Pertua, syabas dan tahniah kepada Dato' Sri Mohd. Najib atas adab dan tanggungjawab dalam menunaikan amanah yang dipegang dan ditanggung oleh beliau walaupun atas kapasiti beliau sebagai Perdana Menteri, saya rasa beliau mempunyai banyak pilihan tetapi Dato' Sri Mohd. Najib memilih untuk meneruskan Wawasan 2020

dengan membentangkan RMKe-11 ini. Jelas sekali Dato' Sri Mohd. Najib tidak menyisih dan abaikan Wawasan 2020 untuk menjadi negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pembentangan RMKe-11 bertepatan dengan kehendak dan aspirasi rakyat yang ingin merasai dan menikmati hasil usaha pembangunan negara. Jika rakyat dapat merasai dan menyelami kehidupan yang lebih baik dari sebelum apa-apa rancangan atau dasar, misalnya sebelum dan juga selepas GST dan saya harap kerajaan mengambil sikap selepas GST manfaat yang lebih baik lagi diperturunkan kepada rakyat jelata.

Tepat sekali tema dalam laporan ini Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan berpaksikan rakyat pakej yang strategik. Saya rasa rakyat boleh terima RMKe-11 tetapi umum mengetahui bahawa kegelisahan rakyat adalah bukan di peringkat dasar, tetapi di peringkat fasa implementasi ataupun pelaksanaan. Di sinilah keperluan seliaan yang serius di peringkat kementerian, Jabatan, agensi, EPU dan juga termasuk kepada GLC.

Izinkan saya untuk merujuk kepada ke muka surat 4-13 Tuan Yang di-Pertua. Di sini nota samping itu dikatakan bahawa matlamat RMKe-11 adalah untuk membolehkan semua rakyat Malaysia mencapai taraf kehidupan yang berkualiti dan selesa tanpa mengira di mana mereka tinggal atau pendapatan mereka. Yang ingin saya tekankan di sini ialah inti pati pelan ini adalah untuk meningkatkan kehidupan yang berkualiti. Saya pohon kerajaan menyemak semula salah satu untuk mengangkat kehidupan yang berkualiti ini kepada bekas-bekas sahabat-sahabat kita yang biasa di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya minta supaya ada yang telah memohon kepada saya supaya bercakap bahawa soal pencen kepada bekas Ahli-ahli Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua. Saya minta kerajaan pertimbangkan semula daripada kenaikan yang kecil itu iaitu sebanyak 2%. Saya minta kerajaan buatlah semakan semula kepada bekas-bekas Ahli-ahli Parlimen ini. Mereka ini juga telah bertanggungjawab sehingga apa yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga pohon untuk membawa perhatian Ahli Dewan ke muka surat 4-20. Yakni bidang fokus 'C' iaitu meningkatkan persepsi rasa selamat dan keyakinan orang awam terhadap agensi penguatkuasaan undang-undang. Di sinilah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri KDN cukup besar khususnya agensi di bawah KDN iaitu Polis Diraja Malaysia. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia yang selama ini telah berjaya mengawal dan menyelia keamanan yang apa kita nikmati sehingga hari ini.

Hinggakan setiap isu pertikaian politik dibawa kepada perhatian polis termasuk dengan NGO-NGO sering dan juga kerap membuat *report*. Saya rasa isu politik bukanlah dalam skop bidang tugas kepolisian. Isu keselamatan amat penting di dalam memajukan negara kerana ia melibatkan keyakinan pelabur-pelabur dari dalam dan juga luar negara. Kestabilan keamanan yang kita nikmati hari ini tidak dapat kita nafikan pengorbanan dan kerja kuat dari pasukan keselamatan khususnya Polis Diraja Malaysia.

Izinkan saya untuk mencadangkan bahawa pihak kerajaan memberi imbuhan yang lebih baik kepada anggota keselamatan ini Tuan Yang di-Pertua. Kita juga perlu kepada keselamatan di tempat-tempat lain, bukan sahaja di kawasan-kawasan bandar tetapi juga di kawasan-kawasan desa. Dalam isu keselamatan kita sering lupa dan kita sering lalai atas tanggungjawab pasukan keselamatan untuk menjaga kampung-kampung dan desa-desa. Indeks jenayah, kita pakai indeks jenayah di kawasan-kawasan bandar dan saya pohon supaya kerajaan juga mengambil berat soal keselamatan di kawasan-kawasan kampung dan kawasan-kawasan yang jauh dari bandar-bandar besar bukan dari Pulau Pinang sahaja. Kami mewakili Perlis, juga dipinggirkan walaupun Perlis 100% Barisan Nasional. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan sempadan biar saya sentuh sedikit soal sempadan darat kali ini kerana negeri Perlis dia ada dua jenis sempadan Tuan Yang di-Pertua. Satu di darat dan satu di laut tetapi saya akan tumpukan kepada ciri-ciri keselamatan di darat. Walaupun di dalam dokumen ini di muka surat 4-20 dinyatakan strategik C1 dan C2 tetapi dalam laporan ini tiada perincian langkah-langkah dan peruntukan-peruntukkan untuk mencapai kepada strategik di bawah C1 dan C2. Di bidang fokus C jelas ia melibatkan pasukan keselamatan dan dalam konteks sempadan Kedah dan Perlis saya rasa agensi-agensi yang secara langsungnya terlibat Polis Diraja Malaysia PGA dan UPP. Rakyat ataupun orang awam menganggap keselamatan dan keamanan akan ada apabila nampak lebih ramai anggota keselamatan dan banyak keupayaan ataupun aset keselamatan dizahirkan dan juga dengan kebolehan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon Kerajaan Pusat meningkatkan soal keselamatan di sempadan kerana sudah acap kali kawasan sempadan ini bolos, bocor, tiris dan dengan segala perkara negatif, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *border business is a big business*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Perlis, boleh komen apa yang berlaku di sana. Jangan bagi *general statement*. Teruskan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan seperti mana menjadi isu nasional isu seludup manusia, kalau bahasa suratnya pemerdagangan manusia. Sebab bagi saya ialah soal seludup manusia. Ini kerana ia melibatkan sah dan tidak sah. Oleh sebab ada pendatang-pendatang itu yang datang dengan cara sah dan ada yang datang dengan cara tidak sah.

#### ■1650

Jadi, pemerdagangan manusia memang berlaku dan jelas sekali sebagaimana yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab saya mengambil peluang ini kerana ia berlaku di dalam bumi Perlis iaitu di Wang Kelian. Memang faktor geografi ataupun bentuk muka alam di kawasan Wang Kelian itu berbukit-bukit. Kawasan itu pula bukan kawasan kediaman manusia. Ia sebuah kawasan hutan simpan. Jadi, apabila kawasan hutan simpan ini ia tidak diselia dengan baik. Itu lah yang dikatakan bahawa soal keselamatan sempadan ini, ia *very complex*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ia melibatkan soal manusia, soal orang kampung, soal tentera-tentera semut ataupun penyeludup-penyeludup.

Ada benda-benda yang kita sebut secara rasmi, ada juga benda-benda yang kita tidak berani sebut secara rasminya. Akan tetapi banyaknya kerjasama ini berlaku secara *synchronize*, semua pihak itu terlibat, Tuan Yang di-Pertua.

Anggota-anggota sah...

**Tuan Chong Sin Woon:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Chong Sin Woon:** Boleh tanya satu soalan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat tentang kenyataan atau pandangan yang diberikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri kita yang juga menjaga Parlimen yang mengatakan bahawa tapak khemah perkuburan tersebut boleh menjadi tempat tarikan pelancongan. Apakah pandangan Yang Berhormat terhadap pandangan seperti ini?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut pada awal tadi, kawasan yang dijumpai kawasan kubur yang tak dikenal pasti itu kawasan di hutan simpan. Jadi, kalau kawasan itu satu buah kawasan *security*. Saya rasa untuk menjadi sebuah tempat yang boleh dikunjungi oleh orang ramai, agak sulit sedikit kerana ia melibatkan faktor keselamatan.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** [*Bangun*]

**Tuan Ramli bin Shariff:** Bukan sahaja faktor keselamatan kepada pelancong ataupun pengunjung tetapi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang lagi bangun Yang Berhormat.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Saya mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya yang hendak merujuk kepada kenyataan yang disebut tadi. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perkataan, "tidak diselias dengan baik" itu merujuk kepada kelemahan Kerajaan Negeri Perlis sendiri menyelia kawasan hutan simpan yang seharusnya menjadi aset penting bagi kerajaan negeri itu? Ini jelas menunjukkan bahawa ada kelemahan dalam sistem dan juga kelonggaran dalam sistem keselamatan yang melibatkan tempat-tempat penting seperti itu. Terima kasih.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita sedia maklum, soal perkara keselamatan ataupun perkara *security* ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat dan bukan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Walaupun kawasan itu terletak di dalam *forest reserve*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua tetapi ia adalah di bawah seliaan peringkat Pusat dan bukan oleh peringkat kerajaan negeri. Juga akses sah di kawasan Wang Kelian adalah dikawal oleh *Custom & Immigration Quarantine Complex* (CIQ) kecil. Jadi, semua terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat dan bukan kerajaan negeri. Seolah-olah kerajaan negeri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini bukan hendak berdebat ya.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat. Bila beri penjelasan itu cara bijak-bijak sedikit. Teruskan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, ada juga yang cakap, ya, saya sedar. Kadang-kadang keterlanjuran itu berlaku juga Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Oleh sebab kita sedar bahawa wujudnya sedikit kelonggaran, sedikit ketirisan, sedikit kealpaan, sedikit kelalaian, bukan semua, sedikit sahaja. Maka, saya rasa dan saya mencadangkan supaya Kerajaan Pusat perlu menambah peralatan, mesin, tingkatkan teknologi. Yang utama, sebelum diambil sebarang tindakan, ini orang di kawasan tersebut juga kepada saya untuk saya sampaikan dalam Dewan yang mulia ini, ialah risikan. Oleh sebab di kawasan sempadan ini yang kurang daripada segi *intelligence* dan risikan.

Saya ambil contoh, kerana ini contoh yang diberikan oleh rakyat di kawasan itu. Dia kata, apa guna kita ada tembok batu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau *you* hendak *focus*, jangan terlalu *detail*, jangan terperinci. Ini biar kementerian jawab. Yang Berhormat beri komen, kelemahan, kekuatan dan sebagainya. Apa caranya, kemukakan kepada pihak kerajaan dan pihak kementerian kepada benda yang berkenaan. Tak perlu Yang Berhormat *detail* contoh-contoh itu. Rasanya kita sudah faham sudah. Silakan, teruskan *point* yang lain.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sebut satu contoh sahaja sebagai satu perbandingan untuk diambil pertimbangan yang serius oleh kementerian. Misalnya, pembinaan tembok keselamatan. Ini kerana, yang diceritakan kepada saya kerana saya tiada pengalaman sendiri, bahawa proses penyeludupan barangan berlaku walau pun tembok itu tidak terjejas. Itu saya minta yang disebut tadi ialah soal risikan dan *intelligence* itu harus dibuat di peringkat kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada jalur sempadan di negeri Kedah dan Perlis, ada tembok dan sebahagian juga ada pagar. Okey, jadi modus operandi penyeludup ini...

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Tuan Yang di-Pertua, saya sewaktu pengumuman yang dibuat di media mengenai dengan perkara ini, sudah gali kubur sudah begitu lama yang berlaku di Perlis, di sempadan Wang Kelian. Saya rasa nasib baik saya hari itu saya pergi ke Wang Kelian, tak nampak pula tempat itu. Memang tempat itu ia seperti hutan. Tempat jin bertendang agaknya.

Saya memang pelik bin ajaib, benda yang sebegini besarnya tak dapat dihidu oleh pihak yang berwajib. Adakah ini ada sindiket dalaman yang berlaku di kawasan setempat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, cuba ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kawasan Wang Kelian itu dia punya bentuk muka bumi ia menggerunkan sedikit. Juga saya rasa, modus operandi yang saya sebutkan tadi ini, kita kadang-kadang terlupa atas modus operandi orang-orang yang kurang mengambil kira proses undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh berlaku apabila nilai integriti kita kompromi. Maksudnya, ada disebut oleh rakan saya dalam Dewan ini juga, bahawa soal adakah kerana berlaku rasuah? Itu saya tak mahu hendak panjangkan isu itu. Akan tetapi ia melibatkan kepada nilai integriti. Apa jua bentuk usaha membanteras aktiviti tidak sah di sempadan akan gagal apabila soal integriti tidak diambil kira.

Jadi, sebarang pegawai-pegawai ataupun *personnel* keselamatan yang hendak ditempatkan di kawasan sempadan, saya syorkan kepada kerajaan supaya saringan ini dibuat dengan lebih teliti lagi.

Saya harap, di bawah RMKe-11, peruntukan besar harus disediakan untuk perkara-perkara tambahan, perluasan kawasan-kawasan, bangunan-bangunan di sempadan. Peralatan, aset-aset, mesin-mesin yang berteknologi tinggi dan juga kekuatan *personnel* dengan menubuhkan, seperti yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Senator tadi ialah mungkin satu *border patrol* ataupun satu unit *border*, khasnya untuk menjaga kawasan sempadan kita. Sempadan kita saya bercakap khususnya di negeri Perlis. Negeri Perlis dan negeri Kedah pun berhampiran.

■1700

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Ya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Gulung.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Okey, saya hendak sebut secara- Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut sikit soal dalam program meningkatkan- di bawah masyarakat, agar hidup lebih selamat dan masyarakat berdaya maju dan sejahtera. Saya hendak ambil kutipan sebab saya dipesan untuk bercakap ini- soal badan penyelaras data hutang. Dan banyak kompelin terhadap CTOS, yang mana dikatakan CTOS ini seperti macam mana, dengan izin, soal sadis sebab hidup secara *vultures*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta izin bercakap sebab golongan muda sekarang, dia kompelin banyak sebab kepayahan dan kegagalan untuk mendapat- oleh sebab memberi satu persepsi negatif apabila cuba membuat permohonan pembiayaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Sikit tidak bolehkah Tuan Yang di-Pertua? Sikit sahaja bagi saya gulung, banyak saya tulis ini Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta- tadi hendak cakap- *last* sekali, *last* sekali Tuan Yang di-Pertua.

Di negeri Perlis khususnya, saya hendak mohon supaya faktor keselamatan dipertingkatkan kerana kerajaan negeri merancang suatu pembangunan *Chuping Valley*, dan ini merupakan suatu-supaya Kerajaan Pusat *synchronize*kan lah setiap projek pembangunan negeri dan juga Persekutuan di sana.

Saya juga bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Dato' Boon tadi supaya kawasan sempadan ini kita jadikan sebagai kawasan pertumbuhan ekonomi negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany.

#### **5.02 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya berharap kalau boleh Yang Berhormat bersedia siapkan poin-poin yang hendak cakap dan terus berhujah. Agaknya ini lebih berkesan lagi tanpa membaca. Sekarang persilakan.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang disediakan ini juga berbentuk poin juga Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi saya ruang untuk membahaskan usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam rangka Rancangan Malaysia Kesebelas. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, sasaran pendapatan isi rumah purata ialah RM6,141 pada tahun 2014 kepada RM10,540 pada tahun 2020. Apa yang ingin saya sentuh iaitu fokus utama teras strategik pertama RMKe-11 iaitu memperkukuhkan matlamat inklusif ke arah masyarakat yang saksama di mana meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah.

Pada masa ini diunjurkan sebanyak RM2.7 juta dengan purata pendapatan RM2,537 sebulan sehingga RM5,270 pada tahun 2020. Jadi bagi meningkatkan akses isi rumah B40 ini, saya mohon mencadangkan agar had pengambilan sehingga 90% orang pelajar cemerlang lepasan UPSR 5A dan minimum 6A dalam PT3 ke Maktab Rendah Sains Mara, sekolah berasrama penuh dan sekolah berasrama penuh integrasi dan kolej vokasional diberi keutamaan nyata hanya kepada kumpulan dan keluarga B40.

Saya diberi maklum ada rungutan daripada awam di mana di MRSM terdapat kes-kes di mana kemasukan ramai pelajar yang dapat skor 4A 1B daripada kalangan kakitangan dan penjawat utama kumpulan pengurusan MARA yang mendapat tempat. Sepatutnya tempat ini mesti diperuntukkan kepada pelajar miskin. Saya mohon agensi-agensi terbabit supaya lebih serius menangani masalah ketirisan ini. Ini penting untuk kerajaan mencapai peningkatan mobiliti sosial kumpulan B40 dan sasaran pendapatan RM5,270 pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, satu strategi yang sangat dialu-alukan adalah memperkukuh ekonomi, peluang komuniti ekonomi bumiputera melalui program pelaburan unit amanah khas bumiputera untuk meningkatkan pemilikan kekayaan menerusi skim unit amanah PNB seperti ASB dan Amanah Pelaburan Hartanah atau Permodalan Hartanah Bumiputera.

Pada masa ini had limit pelaburan ini individu dewasa bagi ASB RM200,000 sahaja dan kanak-kanak bawah 18 tahun RM50,000 sahaja. Bagi Amanah Harta Bumiputera, had pelaburan individu adalah

sebanyak RM400,000 sahaja. Di sini saya ingin mohon mencadangkan agar had pelaburan ASB semua individu tanpa mengira kanak-kanak atau dewasa dinaikkan sehingga RM500,000 dan had pelaburan individu Amanah Harta Bumiputera dinaikkan sehingga RM1 juta. Ini agar strategi kerajaan meningkatkan pendapatan purata bulanan isi rumah lebih berjaya dan momentum keberkesanan meningkatkan kekayaan ekonomi bumiputera.

Dalam usaha kerajaan memperkasakan komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera meningkatkan akses penjagaan kanak-kanak yang berkualiti dan mampu dibayar oleh kumpulan B40. Cabaran utama kumpulan B40 ini kemampuan untuk membayar yuran jagaan bayi dan kanak-kanak di bandar utama dan kawasan luar bandar. Pada masa ini yuran jagaan bayi dan kanak-kanak adalah di antara RM280 hingga RM400 seorang. Justeru itu, kos bagi akses jagaan kanak-kanak semasa ibu-bapa mereka bekerja menjadi beban utama kepada pendapatan isi rumah B40.

Saya sering mendapat rungutan daripada kumpulan B40 ini yang memohon kerajaan memperbanyakkan pusat jagaan kanak-kanak atau taska komuniti atau Permata Negara serta lanjutan masa operasi sehingga jam 7 petang. Dalam hubungan ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berhubung isu penambahan pusat jagaan kanak-kanak ini atau apa-apa bentuk subsidi yang boleh diberikan kepada pihak pengendali pusat jagaan kanak-kanak bagi memastikan yuran jagaan kanak-kanak ini lebih murah dan dalam lingkungan kemampuan golongan B40.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan perlu menumpu secara serius agenda pemilikan perumahan rakyat. Semenjak tahun 2013, kerajaan menyasarkan sebanyak sejuta buah rumah mampu milik rakyat akan dibina untuk menjamin kesejahteraan rakyat. Cuma saya mendapat maklum balas hasil daripada penduduk warga kota memohon agar projek perumahan mampu milik dan perumahan PR1MA di Lembah Klang terutamanya di sekitar Wangsa Maju, Setapak, Segambut, Putrajaya, Kajang dan Shah Alam, Klang diberi penekanan yang serius. Satu kajian dan semakan rancangan penggunaan ini dibuat berdasarkan permintaan rakyat atau kumpulan B40 dan M40 agar rumah mampu milik benar-benar dibina dan dapat dibeli oleh rakyat.

Bagi perumahan PR1MA, saya mencadangkan agar projek pembangunan ini dibina sepanjang koridor akses pengangkutan awam seperti LRT, MRT dan komuter KTMB. Ini agar kos pengangkutan penghuni perumahan mampu milik dapat diijmatkan dan rangkaian hubungan ekonomi dan pembangunan koridor ini dapat disepadukan untuk meningkatkan lebih pendapatan bagi membina kekayaan rakyat.

Saya memohon kerajaan memberikan galakan dan insentif yang lebih bermakna kepada sektor swasta dan juga pelaburan hartanah syarikat GLC dan Perbadanan Aset Kereta Api untuk merancang secara komprehensif projek perumahan mampu milik untuk memenuhi permintaan rakyat B40 dan berpendapatan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menyediakan Skim Perumahan Mampu Milik dan perumahan PR1MA, kita perlu memberikan atau membuat formulasi daripada segi pemilikan atau hak milik jika berlaku kes-kes penceraian atau poligami. Untuk makluman Dewan yang mulia ini terdapat kes-kes di

mana rumah mampu milik ini yang mana hak milik diberikan kepada ketua keluarga iaitu suami menjadi masalah dan pertikaian kerana si isteri dan anak-anak dihalau keluar dari rumah ini dan suami membawa isteri baru untuk mendiami rumah mampu milik ini. Justeru itu saya mohon kerajaan agar membuat formulasi yang terbaik agar proses hak milik terbitan apabila berlaku kes-kes penceraian atau kematian akan memberikan keadilan kepada penghuni sebenar projek perumahan ini.

#### ■1710

Inisiatif yang lebih komprehensif dalam meningkatkan modal insan rakyat Malaysia amatlah dialu-alukan. Dalam memastikan rakyat memperoleh pendapatan individu yang lebih tinggi di mana sasaran kualiti pendidikan dan kemahiran daya saing rakyat, kita perlu memastikan pasaran buruh tempatan mengurangkan kebergantungan kita terhadap tenaga buruh asing dan memastikan semua projek infrastruktur dan binaan yang dibangunkan menggunakan dana awam perlu disyaratkan menggunakan 70% tenaga tempatan. Oleh itu, kita perlu pastikan CIDB melalui Akademi Binaan Malaysia, ILP ataupun IKM serta Institusi Latihan Kemahiran Negara memantapkan program latihan yang bersesuaian dengan kehendak pasaran agar limpahan projek seperti pembinaan *high speed train*, dengan izin, KVMRT 2, LRT 3 dan projek-projek lebuh raya menggunakan 75% tenaga buruh tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 yang sekarang ini sedang dilaksanakan secara rapi, fokus yang lebih tepat untuk memberikan tumpuan penguasaan dalam pendidikan STEM iaitu *Science, Technology, Engineering and Mathematics* dengan izin, memerlukan anjakan prestasi dalam penguasaan bahasa kedua, bahasa Inggeris dan bahasa ketiga. Begitu juga dengan tumpuan kita untuk meningkatkan daya saing di mana pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional memerlukan pelajar-pelajar menghadapi cabaran untuk menguasai secara total bahasa Inggeris. Penguasaan bahasa Inggeris ini amatlah penting untuk memastikan seluruh agenda memperkasakan modul latihan dan pendidikan di pendidikan tinggi, sekolah menengah serta rendah dan latihan teknikal.

Penekanan modul pembelajaran bahasa Inggeris di peringkat pra sekolah dan sekolah rendah perlu dianjatkan pendekatannya secara holistik. Kerajaan perlu menaik taraf sistem pembelajaran linguistik bahasa Inggeris agar akses kepada ilmu pengetahuan global anak bangsa lebih bermakna dan berkesan. Kualiti pendidikan perlu ditambah baik daripada segi *outcome* pelajar dan kecemerlangan institusi. Bagi membentuk modal insan yang dapat menghadapi cabaran ekonomi global serta kepesatan dan kerancakan evolusi teknologi dunia, pembelajaran secara PPP perlu dititikberatkan. Pendekatan pembelajaran secara pembelajaran berasaskan masalah, projek dan hasil perlu diterapkan. Komprehensif di seluruh sekolah berasrama penuh dan sekolah berprestasi tinggi dan MRSM.

Oleh itu bagi menerapkan pendekatan PPP ini, saya mencadangkan agar konsep makmal STEM diperkenalkan di sekolah-sekolah SPB, SBT dan MRSM secara konsep kerjasama awam dan swasta. Adalah diharapkan agar konsep pembelajaran PPP ini mendapat sokongan padu swasta agar pendekatan PPP ini akan melengkapkan budaya penyelesaian masalah secara *analytical* dan komprehensif serta penekanan kompetensi pekerjaan bagi memenuhi cabaran dunia kini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam RMKe-11, pertumbuhan hijau akan menjadi tunjang penting bagi memastikan daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam. Kita perlu memastikan agar agenda pemuliharaan sumber asli untuk generasi akan datang. Pada penghujung bulan Disember, negeri di pantai timur mengalami banjir besar yang tidak dijangka. Bencana dan malapetaka ini menyebabkan kehilangan nyawa dan harta serta kos baik pulih yang besar. Inisiatif kerajaan menubuhkan pusat krisis dan Pengurusan Bencana Negara untuk meningkatkan kesiapsiagaan dan respons terhadap bencana amat bertepatan sekali. Apa yang saya ingin tekankan di sini agar simulasi atau *dual response plan* atau tindakan kecemasan hendaklah kerap kali diadakan dan memerlukan sambutan pihak awam agar pengurusan krisis dan bencana negara lebih berkesan.

Seterusnya bagi memastikan daya tahan perubahan iklim. Projek-projek tebatan banjir di kawasan lembangan sungai di seluruh negara perlu diadakan segera. JPS dan pihak PBT perlu memastikan aliran saliran dan perparitan memenuhi keperluan kapasiti saliran aliran air hujan dan tidak ada masalah tersumbat oleh sampah sarap. Kita perlu memastikan agar semua sistem saliran diselenggarakan dengan baik. Dalam RMKe-11, pelbagai projek tebatan telah dirancang untuk mengelak lebih banyak kerosakan dan mala petaka menimpa apabila hujan terlampau lebat. Saya ingin memohon penjelasan daripada pihak kementerian dan JPS berhubung dengan kejadian banjir pada Disember 2014 yang lalu dan projek-projek tebatan banjir yang telah dilaksanakan dan bakal dilaksanakan dalam RMKe-11.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pemuliharaan aset sumber asli negara, saya ingin mendapatkan penjelasan dari Jabatan Perhutanan di seluruh negara tentang berapakah bajet yang dibelanjakan bagi melakukan kerja-kerja pemuliharaan dan selenggaraan taman-taman negara dan hutan lipur? Ini kerana melalui beberapa dapatan yang saya lakukan lawatan seperti di Lipur Chamang dan Lentang di Pahang, saya mendapati kawasan sekitar tidak diselenggarakan dengan baik. Kemudahan-kemudahan fizikal tidak diselenggarakan dengan baik oleh Jabatan Perhutanan.

Persoalan yang saya ingin bangkitkan, apakah langkah strategik kerajaan dan apakah Jabatan Perhutanan membuat satu program dengan kerjasama awam atau swasta agar aset alam semula jadi ini dapat dipelihara dengan baik dan dikekalkan keindahan dan tahap kebersihannya? Saya mohon mencadangkan agar pelawat yang membuat lawatan ke hutan-hutan lipur tidak dibenarkan membawa makanan dan menjalankan aktiviti memasak atau barbeku kerana kekotoran hutan lipur ini berpunca daripada sikap pengotor pelawat yang meninggalkan sisa makanan atau tidak menguruskan sampah dengan baik. Saya juga mengesyorkan agar bayaran akses minima mungkin sebanyak RM2.00 dikenakan kepada setiap pelawat bagi menampung kos pengurusan infrastruktur hutan lipur agar bebanan selenggaraan ini ditanggung bersama dan dapat menyemai akauntabiliti pelawat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam RMKe-11 juga kerajaan telah memperkukuhkan infrastruktur dan membangunkan sistem pengangkutan bersepadu bagi memangkinkan pertumbuhan ekonomi dan wilayah, saya mohon penjelasan daripada kerajaan mengenai cadangan projek *high speed train* dan Kuala Lumpur ke *Jurong East, Singapore*, dengan izin. Minggu lepas saya mendapat maklum bahawa

kerajaan masih lagi berunding dengan Kerajaan Singapura mengenai perkongsian kos dan *right of way*, dengan izin, hak kebenaran laluan. Saya mohon kerajaan menjelaskan apakah dengan pelaksanaan ini kajian telah dibuat dan kajian tentang impak telah dilakukan? Adakah pertimbangan seperti ini telah dibuat iaitu:

- (i) prestasi dan *reliability* perkhidmatan udara sektor Senai-Kuala Lumpur;
- (ii) pembangunan wilayah di sepanjang laluan *speed train*
- (iii) *ridership* atau jumlah penggunaan;
- (iv) sektor perhotelan di Kuala Lumpur dan lokasi pelancongan; dan
- (v) kawalan keselamatan pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana prihatin terhadap semua penjawat awam. Terima kasih kami ucapkan kerana membuat semakan semula imbuhan tetap perumahan dan insentif hari raya. Saya mohon agar perkhidmatan awam akan lebih efisien dan berintegriti. Dalam pengamatan saya, mengikut lampiran A2-4, bajet emolumen diunjurkan sehingga RM94.1 bilion berbanding dengan RM68 bilion pada tahun 2015. Ini mewakili sebanyak 32% daripada unjuran perbelanjaan mengurus kerajaan. Harapan saya agar semua jawatan dalam perkhidmatan awam dapat *dirightsizing*, dengan izin dan saya harapkan kumpulan pekerja kategori pelaksana dapat dinaik taraf untuk melakukan kerja-kerja *multitasking*, dengan izin, agar laluan kenaikan pangkat dan kenaikan gaji lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam RMKe-11 juga, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa EPU akan menggunakan indeks kreativiti bagi membuat penilaian terhadap projek-projek pembangunan dan projek kerjasama awam swasta. Saya ingin mohon penjelasan terperinci mengenai indeks kreativiti ini dan mohon pemboleh ubah ataupun *variables*, dengan izin, yang akan dinilai bagi menilai skor atau rating perkiraan yang mewajarkan penilaian yang dibuat. Saya juga mencadangkan agar penggunaan indeks kreativiti ini digunakan untuk menilai keputusan-keputusan bagi memberi kelulusan bagi sebarang kenaikan tarif tenaga, air, kos pengangkutan darat dan kadar tol bagi semua syarikat konsesi. Mengambil contoh konsesi lebuhraya, seharusnya indeks kreativiti ini digunakan untuk menilai secara total permohonan kenaikan kadar tol- ini kerana...

#### ■1720

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjangkah lagi?

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Sikit lagi. Ini kerana kebanyakan operator konsesi lebuhraya bertol mengalami peningkatan daripada segi *ridership* hasil limpahan pembangunan di sepanjang koridor lebuhraya dan kenaikan berganda jumlah kenderaan yang melalui lebuhraya ini. Justeru itu dengan adanya indeks ini kita dapat menimbangkan secara efektif, justifikasi sebenar kenaikan kadar tol. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat rasanya kita ada esok dan lusa sahaja akan membahaskan RMKe-11 ini. Saya ingin menarik semua Ahli Yang Berhormat cuba fokus kepada tajuk RMKe-11 yang telah dibentangkan. Yang

Berhormat kena fikir dalam tempoh lima tahun akan datang hasrat kerajaan adalah untuk menjadikan negara ini negara membangun, negara berpendapatan tinggi dan cuba komen. Tajuk-tajuk itu tadi apa caranya, apa kelemahannya sebagai dan apa cadangan. Ini bukan- kalau boleh jangan baca. Kalau Yang Berhormat sudah bersedia, saya rasa memang tidak cukup masa.

Akan tetapi cuba fokus kepada tajuk itu dan memberi impak mungkin berjaya atau tidaknya RMKe-11 kalau sekiranya- ini dalam bentuk. Cara-cara ini saya minta kalau boleh, esok kepada lima orang atau beberapa orang yang masih baru menjadi Ahli Dewan Negara ini, saya bersedia untuk memberi panduan sedikit dari jam 9 pagi sampai sebelum pukul 10 pagi dan waktu rehat makan. Ini kerana saya fikir tahap kebolehan Yang Berhormat mesti dipertingkatkan. Saya perlu hendak menekankan di sini supaya kita memberi satu fokus dan menyumbangkan idea, pandangan *without fear or favor*, dengan izin, tanpa takut dan segan silu untuk kebaikan negara kita. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor. Ini orang Perlis. Silakan.

#### 5.22 ptg.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya bangun untuk turut sama mengambil bahagian berbahas Rancangan Malaysia Kesebelas yang turut dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Mei yang lalu. Semasa dibentangkan RMKe-11 ini, saya tertarik memetik kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menegaskan bahawa pengagihan kekayaan secara saksama akan menjadi tulang belakang kepada belanjawan tahun-tahun akan datang termasuk RMKe-11.

Bersandarkan enam teras strategik dan Bajet 2016 yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada Oktober ini. Apa yang saya boleh rumuskan di sini adalah di sebalik tema RMKe-11 iaitu rakyat merupakan tonggak negara, mempersiapkan rakyat untuk negara maju dan semua rakyat ada hak masing-masing terhadap kemajuan negara ini. Jelas apa yang dimaksudkan di bawah RMKe-11 ini kekayaan negara bakal dikongsi sama adil, sama rata, tiada yang ketinggalan dan semua ada hak masing-masing. Itu yang saya nampak. *It's look good on paper*, dengan izin. Kata Orang Putih.

Akan tetapi hakikatnya cuba kita selami sedalam-dalamnya, turun padang, buat *survey*, bermalam dengan keluarga orang-orang miskin, dan selami hati isi mereka, lihat tahap ekonomi mereka. Mungkin kita akan terdetik di hati kecil kita memang selama ini merancang senang tetapi melaksanakannya memang susah. Tuan Yang di-Pertua, negara berdepan dengan cabaran besar pada tahun-tahun mendatang dalam menangani dalam kesaksamaan ekonomi yang wujud dalam pelbagai aspek. Cabaran yang bakal dihadapi itu jauh lebih berbanding menstrukturkan semula masyarakat pada tahun 70-an.

Antara kesaksamaan itu termasuk *inter-ethnic*, perjawatan korporat, jurang antara bandar dan luar bandar serta antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Dengan arus liberalisasi ekonomi dan pasaran terbuka sudah pasti ia menjadi antara halangan utama kerajaan dan melaksanakan sebarang tindakan formatif untuk membantu golongan yang terpinggir termasuk kaum Melayu dan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan di sini tiada tindakan sesetengah golongan bumiputera memperkatakan keadaan ekonomi mereka yang terpinggir di samping menuntut pelaksanaan dasar daripada pihak kerajaan untuk membela nasib mereka dan generasi masa hadapan. Bagi saya ini bukanlah satu tindakan bersifat perkauman.

Malah ia tindakan bijak kerana kesamarataan peluang dalam ekonomi yang lebih inklusif, lebih-lebih lagi apabila kaum bumiputera merupakan penduduk majoriti di negara ini selain apa yang dituntut memangnya hak mereka sejak berzaman dahulu. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat negara-negara luar di sana, apakah berlaku apabila penduduk peribumi dan majoriti dipinggirkan daripada segi ekonomi? Golongan ini tersisir daripada arus ekonomi yang berkembang pesat dan banyak yang gagal menikmati hasil ekonomi yang lebih baik termasuk kekayaan negara tidak diagihkan secara sama rata dan hanya dimonopoli oleh segolongan kaum pendatang tertentu sahaja.

Maka agak sukar untuk muncul sebagai sebuah negara yang stabil tenteram dan harmoni. Ia bakal menimbulkan krisis dan perbalahan serta rasa tidak puas hati antara kaum. Para pemimpin hari ini boleh dakwa apa sahaja, kita masih aman, kekayaan masih diagihkan sama rata dan pelbagai dakwaan lagi. Akan tetapi, hakikatnya lihatlah sekeliling kita, buka mata dan celik minda. Saya lihat RMKe-11 ini baik dan menekankan aspek pembangunan ekonomi mampan dan sebagai rancangan Malaysia yang terakhir sebelum kita mengorak langkah di negara maju menjelang tahun 2020 kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan bagi menjamin kelangsungan keamanan, kesejahteraan dan kestabilan, kerajaan perlu memberi penekanan mendalam dan memperkasakan ekonomi bumiputera dalam semangat pertubuhan inklusif yang dilaksanakan secara adil dan saksama tanpa meminggirkan mana-mana kaum atau kumpulan sosial. Apakah nasib golongan majoriti bumiputera meliputi hampir 40% terbawah yang terus ketinggalan? Golongan ini memerlukan pembelaan menerusi penyediaan pelbagai program gandingan keselamatan sosial, pembasmian kemiskinan, keupayaan kapasiti dan peningkatan pendapatan.

Saya cadangkan setiap kementerian dan agensi kerajaan perlu memantapkan tadbir urus dan melaksanakan pembangunan ekonomi bumiputera. Pegawai dan kakitangan yang dipertanggungjawabkan mestilah jujur, berintegriti, amanah dan telus dan sempadan pengkhususan yang diambil, elakkan ketirisan rasuah dan pecah amanah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar kerajaan meneliti semula secara mendalam modul ekonomi baru dan program transformasi ekonomi seiring sasaran mencapai negara maju 2020.

Kenal pasti dan selesaikan dua isu utama hari ini iaitu jurang perbezaan ekonomi yang semakin ketara dan tahap gaji pekerja. Walaupun negara mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) setiap tahun namun kadar gaji masih terlalu rendah dan minimum jika dibandingkan dengan negara lain. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa yang boleh dibanggakan jika sebagai sebuah negara maju jika pendapatan isi rumah berada di tahap rendah.

Saya cadangkan kerajaan dapat mewujudkan satu polisi untuk menangani gaji minimum bagi memastikan rakyat mampu menghadapi kos sara hidup yang tinggi, yang meningkat saban tahun. Nasib

kaum Melayu dan bumiputera perlu dibela terutamanya melibatkan sosial ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, di dalam melihat laporan Rancangan Malaysia Kesebelas, saya mewakili dari Perlis, dari Padang Besar Tuan Yang di-Pertua, saya melihat membaca buku ini tidak ada. Tidak ada janji-janji kerajaan yang mana akan janji kerajaan hendak membina Hospital Padang Besar tetapi *alhamdulillah* baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat lawatan ke negeri Perlis, di sana beliau telah berjanji dan mengumumkan yang mana Hospital Padang Besar akan didirikan di Padang Besar.

■1730

Saya harap pihak Kementerian Kesihatan ambil kira bab ini. Walaupun dalam buku RMKe-11 tidak ada, tetapi Yang Amat Berhormat telah berjanji kepada rakyat negeri Perlis yang mana Hospital Padang Besar akan didirikan dalam masa RMKe-11, sebelum RMKe-11.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kena sebut juga sahabat saya sebut berkenaan dengan Wang Kelian tetapi saya akan sebut Wang Kelian yang Datuk Hajah Noriah pergi. Bukan Wang Kelian yang sahabat saya kata yang itu sudah habis sudah cerita itu. Cerita Wang Kelian yang kita asyik pergi membeli belahlah. Jadi sebelah Wang Kelian itu yang jadi sejarah baru lagi ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Saya tidak mahu sebutlah sebab Yang Berhormat sudah sebut sudah panjang lebar berkenaan dengan Wang Kelian dan Wang Burma. Ini yang mana dapat 160 buah kubur lebih kurang begitulah.

Apa yang saya hendak sebut ini berkenaan dengan Wang Kelian yang tempat pelancongan. Tempat ini dia berjalan dengan elok satu bulan Kerajaan Perlis boleh dapat lebih kurang 40,000 orang. Perlis negeri kecil Tuan Yang di-Pertua, Perlis *very small state*, dengan izin, tetapi kita menggamit pelancong. Apabila pelancong jalan elok dia tidak lama seminggu atau dua hari dibukanya kedua-dua *boarder, boarder* kita dengan pihak Siam, dibuka pintu boleh membeli belah... *[Disampuk]* Fasal tidak ada bukalah yang dia tidak bagi masuk. Lagi buka lagi masuk.

Sekarang dia masuk bukan itu lubang punya masuk lain tempat lagi. So, apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua dalam Perlis sedang maju dengan bab pelancongan. Tiba-tiba Kerajaan Pusat bagi arahan dari Jabatan Imigresen minta tutup tidak dibenarkan lagi yang dari Thailand masuk ke Perlis, yang dari Perlis pergi kepada pihak Thailand. Dia seminggu dua kali Sabtu dan Ahad dia ada *free flow you* boleh pergi ke belah Siam, belah Siam boleh mai belah ini.

So, yang menguntungkan banyak belah Malaysia. Betul Dato' Boon Som? Orang Siam banyak daripada Bangkok, bas turun datang *shopping* dibelah Malaysia. Perkara ini sudah berlaku begitu lama tiba-tiba imigresen bagi arahan tutup. Jadi kita mintalah perkara-perkara macam ini, macam Kerajaan Perlis pun ada Menteri Besar. Bincang dengan pihak kerajaan negeri buat keputusan.

Sekarang ini kita merayu kepada pihak Kementerian Dalam Negeri untuk cari jalan semula dan bukalah. Dengan penutupan yang saya hendak tegaskan di sini dengan penutupan Wang Kelian tempat laluan awam ini lebih kurang 200 orang peniaga yang biasa mendapat satu hari RM1,000, kalau dua hari

RM2,000. Sekarang ini hendak dapat RM20 pun tidak ada. Ini yang saya fikir minta kepada Tuan Yang di-Pertua, perkara ini pihak yang tertentu iaitu pihak KDN untuk memikirkan semula.

Perkara yang ketiga saya ingin hendak sebut berkenaan dengan kakitangan pegawai kontrak di Parlimen. Saya sudah bangkit sudah perkara ini. Kita Parlimen ini tempat membuat undang-undang, yang meluluskan undang-undang. Pertama sekali kita tengok anggota kita. Saya difahamkan di Parlimen ini kita lebih kurang 30 orang hingga 40 orang kakitangan yang masih kontrak. Kontrak ini Ahli Yang Berhormat kalau dia kerja 10 tahun atau 15 tahun atau 20 tahun, dia berhenti itu kosong tidak ada apa. Tidak ada pencen dan tidak ada apa.

Jadi saya mintalah Pentadbir Parlimen untuk buka minda perbetulkan. Jadikan mereka kakitangan tetap. Macam-macam daripada ROlah, keselamatan segala-galanya lebih kurang 30 orang hingga 40 orang. Jadi saya harap Pentadbir Parlimen beri keutamaan berkenaan perkara ini.

Juga yang akhir Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bangkitkan perkara ini berkenaan dengan mewakili PEYATIM Malaysia berkenaan dengan anak-anak yatim. Pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan lebih kurang RM2 bilion pada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk diagihkan kepada yang patut terima. Salah satunya yang saya sering membawa perkara ini ke dalam Dewan yang mulia ini iaitu peruntukan kepada anak-anak yatim. Satu hari RM8 dinaikkan kepada RM16. *Alhamdulillah*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lulus.

Apa yang berlaku sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, bila kita rujuk pada Jabatan Kebajikan Masyarakat dia kata, *'Oh! Yang ini sudah tidak termasuk kepada anak yatim PEYATIM.'* *Masya-Allah*. Cuba Ahli-ahli Yang Berhormat fikir apa yang kita buat ini, PEYATIM ini adalah sebuah badan yang menguruskan lebih kurang 4,000 orang anak yatim. Seramai 4,000 orang anak yatim yang mana mereka ini diberi peluang kita didik mereka daripada kecil sampai ke universiti. Ini tanggungjawab daripada Pertubuhan PEYATIM.

Kita minta kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat hendak bagi satu hari RM8 makan lima kali. Cuba Ahli-ahli Yang Berhormat fikir. Yang Berhormat Menteri setuju tidak RM8 hendak makan lima kali, tidak bolehkan. Jadi *alhamdulillah*, tambah. Ini bukan soal akan tambah tetapi duit tidak disalurkan kepada rumah anak yatim. Kononnya JKM beritahu, *"Oh! Ini kami. Kami yang Kementerian Kewangan lulus hanya untuk kami, yang kami jaga."* Tidak betul. Jadi saya mintalah pihak kementerian tolong meneliti perkara ini sebaik mungkin untuk kepentingan anak-anak yatim. Kita bela segala PATI lebih kita bayar sampai RM20, RM30.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Boleh?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Boleh, boleh, boleh.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Yang Berhormat terima kasih Yang Berhormat... *[Disampuk]* Tidak ada saya mahu tanya Yang Berhormat anak yatim-anak yatim you cakap berapa orang anak yatim di Perlis? Berapa Yang Berhormat bantu untuk orang anak yatim boleh beritahu dan terang kepada saya? Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Datuk Seri Nallakaruppan MIC atau *you* DAPkah?

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** MIC.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Okey tidak ada apa okey. Saya cakap bukan Perlis Yang Berhormat. Saya cakap Malaysia. Saya bendahari anak yatim Perlis.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Saya tahu Malaysia tetapi beberapa orang anak yatim di Perlis? Itu kecil punya *state*, itu pun tidak tahu [*Ketawa*] Tolong beritahu saya.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Anak yatim saya cakap itu anak yatim. Saya boleh cakap Perlis ada lebih kurang 2,000 orang anak yatim. Akan tetapi apa yang saya cakap ini Datuk Seri pun sudah buka masa Datuk Seri jadi Menteri Besar Perlis sudah buka tempat asuhan anak-anak yatim. Jadi ada lebih kurang ada 400 orang. Itu yang kita jaga, hari-hari beri makan, beri pakai, hantar pergi sekolah. Itu tanggungjawab kita sebagai pentadbir anak yatim. Jadi pihak JKM bayar kepada pertubuhan kita ini RM8 satu kepala dan kita kena bagi makan lima kali. Sekarang ini RM8 ini boleh makankah lima kali?

**Seorang Ahli:** Tidak boleh.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Tidak boleh. Tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya merayu di Dewan yang mulia ini pihak Kementerian Kewangan tolong beritahu kepada JKM. JKM ini saya kata dia ketegaq... [*Disampuk*] Menteri, oh ini dia orang JKM, mana? Bukan, bukan JKM.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Ha! Timbalan Menteri *alhamdulillah very good* tolong ambil *note*. Kelulusan daripada Kementerian Kewangan yang bagi RM2 bilion kepada JKM untuk mengagihkan kepada yang perlu.

#### ■1740

Kita minta RM16 sahaja, bukan banyak. *One day* RM16. Kita bayar PATI, kita bayar penjara, kita bayar geng dadah, macam-macam melebihi. Yang kita minta ini RM16 dan duit itu kita akan bagi kepada anak-anak yatim untuk makan. Kita jaga, kita bela anak-anak yatim ini sampai ke universiti. Yang Berhormat, kita ada ke universiti di Terengganu untuk kalau ada anak yatim keciciran, beritahu kita. Kita masukkan terus ke universiti. Sampai ke tahap itu. Jadi pihak kerajaan, kita sebenarnya menanggung tanggungjawab yang mana tanggungjawab ini sebenarnya jatuh kepada kerajaan. Kita menjalankan tugas ini. Sepatutnya kementerian menyokong, janganlah dok kepek pula lagi.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ini bila Yang Berhormat sebut fasal anak yatim ini, ia menguja saya. Saya hendak tanya apakah selama ini bantuan-bantuan kerajaan itu tidak cukup untuk anak-anak yatim. Kalau tidak cukup, bagaimanakah cadangan Yang Berhormat Senator dan apakah juga kalau boleh dimasukkan dalam persoalan, isu dalam konteks penyampaian di peringkat bawah, soal keberkesanannya. Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apa yang kerajaan bagi, kerajaan dah bagi bantuan juga di samping daripada wang makan, ia ada bagi

wang *ransom certain* peruntukan. Kerajaan ada daripada JKM, ia ada tentukan kepada tiap-tiap pertubuhan terpulang kepada beberapa orang anak-anak yang kita ada untuk dibayar tiap-tiap tahun. Kalau di tempat sayalah, macam tempat Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan yang beliau memulakan tempat anak yatim di Perlis itu, itulah dapat lebih kurang RM200 ribu, RM300 ribu yang ada budak-budak lebih kurang 400 orang. Cuba Yang Berhormat fikir dengan RM400 ribu cukup? Tidak cukup. Kita inilah, tidak apalah untuk anak yatim kita sua tangan, bukan untuk kita. Kita sanggup buat surat, hantar kepada orang hendak bantu anak yatim. Itu yang kita minta.

Sebenarnya tanggungjawab ini tanggungjawab kerajaan. Apa yang saya cuba hendak maklum kepada Dewan yang mulia ini, ditubuhkan satu PEYATIM iaitu Pertubuhan Anak-anak Yatim Malaysia yang mana diambil pertubuhan-pertubuhan anak-anak yatim, rumah anak-anak yatim ini yang diluluskan oleh kerajaan. Mereka kena daftar dengan JKM, mereka kena daftar dengan bomba, ikut peraturan baru diluluskan, baru JKM luluskan mereka ini sebagai rumah anak yatim. Jadi kita ini pun tidak habis. Jadi kita mintalah pada kerajaan dengan kos perbelanjaan yang telah meningkat, sampailah masa. Jadi *Alhamdulillah* Yang Amat Berhormat luluskan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Boleh tanya sikit?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Boleh.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Bila melibatkan anak yatim, mereka ini golongan yang layak menerima zakat. Jadi saya kira antara zakat sepatutnya digunakan untuk pengurusan macam inilah. Jadi macam mana?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Terima kasih Yang Berhormat. Masalah zakat ini Tuan Yang di-Pertua, ada istilah kata anak yatim tidak layak terima zakat. Jadi ini fatwa, saya tidak tahu, mungkin Dato' Asyraf, ha okey, la ni diluluskan kata asnaf. Kalau asnaf, pejabat-pejabat yang dapat...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Bolehkah saya?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Sila, sila.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih. Saya rasa saya hendak berkongsilah. Anak yatim ini memang tidak masuk dalam asnaf tetapi kalau dia miskin termasuk, tang miskin itu. Jadi kalau anak yatim, kadang-kadang anak yatim ini kaya, apabila kaya tidak boleh masuk asnaf itu. Jadi anak yatim yang miskin, dia masuk atas miskin. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Penjelasan. Saya hendak minta, sepatutnya Yang Berhormat terangkan ini. Bila surah An-Nas ya... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Jadi Yang Berhormat, ayat ini dengan zakat tadi dia punya *weightage*, dengan izin. Jadi kalau Yang Berhormat melihat makna ayat ini dengan ayat berhubung dengan miskin tadi, bagaimanakah pandangan Yang Berhormat? Yang Berhormat Senator Shukor minta Yang Berhormat Dato' Johari memberi penerangan tentang ayat ini. Jadi walaupun dia tidak termasuk dalam asnaf lapan tetapi bagaimana makna ayat ini sebab kalau orang tahu makna ayat ini, dia akan menggerunkan seseorang ya.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih, ia jadi tiga penjuru. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya memang ada yang menyebut bahawa anak yatim tidak masuk dalam asnaf daripada segi kategori, memang jelaslah. Akan tetapi dia termasuk apabila dia miskin kerana itu kalau kita hendak kata asnaf, anak yatim ini tidak boleh masuk dalam kategori asnaf kerana zakat ini telah sebut satu persatu yang lapan itu. Namun kalau sekiranya dia itu miskin, maka dengan sendirinya masuklah sebenarnya...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** An-nas, ayat An-nas.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Ya, walau bagaimanapun anak yatim ini, itu satu aspek daripada segi zakat. Namun begitu anak yatim ini perlu diberi perhatian yang khusus kerana mereka golongan yang tidak ada tempat bergantung. Apa lagi kalau mereka miskin, yang kaya pun kita kena beri perhatian kerana ketiadaan tempat pergantungan. Jadi tempat pergantungan itu merupakan tempat yang perhatian itu merupakan tempat yang perlu diberikan kepada mereka supaya mereka gagah balik, ada semangat balik. Kita kalau orang tidak ada ayah ini, dia rasa kehilangan. Jadi di situlah Islam menyuruh supaya kita memberi perhatian khusus apa lagi kalau kematian dua-dua sekali, ditambahkan pula miskin. Jadi bertimbun-timbun. Jadi ayat tadi...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Itu saya hendak minta Yang Berhormat terangkan itu, "*Celakalah bagi orang yang sembahyang...*" Yang Berhormat diminta tolong teruskan ayat itu, "*Celakalah bagi orang yang sembahyang...*", jadi apa hubungan tentang yatim dan miskin. Yang Berhormat Dr. Asyraf boleh tolong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat masih terus hendak berucapkah?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Dah nak habis dah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Dekat nak gulung dah. Jadi okey, terima kasih, cerita ini untuk anak yatim. Apa Yang Berhormat tanya saya berkenaan dengan patutnya duit zakat. Jadi pihak PEYATIM, kita telah buat satu ketetapan yang mana kita akan maklum kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk memohon untuk seorang anak yatim yang kita jaga di rumah pertubuhan anak yatim, kita minta pihak Baitulmal bagi seorang RM1,000. Seorang RM1,000 baru *rationya* lebih kurang RM85, RM86 sahaja sebulan. Saya ingat tidak jadi masalah, ini yang kita cadangkan yang mana kita syorkan kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk mempertimbangkan permohonan kita. Ini anak yatim yang mana kita jaga, 24 jam duduk dengan kita, yang miskin. Anak yatim yang duduk dengan kita miskin, yang kaya kita tidak ambil, kita hantar balik. Kalau kita *check* latar belakangnya dia kaya, kita hantar balik.

Jadi apa Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan cuba mengatakan bahawa yatim itu miskinlah. Itu istilah. Jadi itulah perkara yang saya minta JKM, mungkin timbalan menteri ada di sini tolong tengok sat ayat yang diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan untuk anak yatim daripada RM8 ke RM16. Saya harap mendapat jawapan yang membantu pertubuhan anak-anak yatim. Okey, dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Rohingya dah cakapkah tadi?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Rohingya sudah ada orang cakap dah, Tuan Yang di-Pertua kata jangan dok *repeat* orang dah bercakap dah. Dengan ini saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

■1750

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta jangan duduk lagi ya. Kenapa semasa Rohingya sebab saya terkeluar sekejap tadi. Masa Rohingya kenapa orang Perlis tidak pohon supaya orang yang mati itu dikebumikan di Perlis? Kenapakah dikebumikan di Kedah? Yang Berhormat tidak hendak tanyakah soalan itu?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Tanam mana tidak apa. *Alhamdulillah*. Benda hendak tanam. Benda yang baik.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Dikebumi.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Ya, dikebumi sebab Timbalan Menteri dari Kedah pun dok jegil pada saya juga. Dia kata tidak apalah tanam di mana pun. Jadi kita kata tidak apalah sebab kalau hendak naik di atas itu jauh. Dengar khabar naik tiga jam setengah...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Wahai Yang Berhormat saya hendak cerita sedikit ya sebab saya naik di sana dan saya sudah berada hampir separuh di 28 buah kem itu. Yang Berhormat, dari Lubok Sireh pergi kem yang paling besar yang saya bubuh nama kem penempatan, setengah orang bubuh nama saya pun ada sebab di situ ada masjid...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, tunggu sebentar. Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat akan merangkumi ini ke dalam ucapan Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Ya. Saya bagi.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sebab kalau boleh Yang Berhormat, masukkan meminta supaya mereka dikebumikan di Perlis sebab di Wang Kelian itu ada sebuah kubur lama Yang Berhormat yang cukup luas. Kubur ini kubur orang yang pertama meneroka Wang Kelian dan mereka mati di sekitar situ, seeloknya dikebumikan di situ dan ia pun dekat dengan imigresen dan sebagainya. Jadi kalau adalah ke depan ini keluarga hendak datang itu yang paling dekat. Itu maksud saya supaya dikebumikan di mana tempat mereka dijumpai. Apakah Yang Berhormat hendak masukkan dalam ucapan Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Tuan Yang di-Pertua, saya masukkan itu sebagai ucapan saya. Dengan ini saya mohon menyokong RMKe-11. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Dato' Dr. Hou Kok Chung. Silakan Yang Berhormat.

5.52 ptg.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pada 21 Mei

2015. Amat nyata sekali Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang merentasi tempoh masa 2016 hingga 2020 semestinya menjadi ibu kepada rancangan-rancangan Malaysia yang sebelum ini.

Ini kerana RMKe-11 akan membawa kita ke ambang dan seterusnya melangkah masuk ke tahun 2020. Satu tahun keramat buat negara yang telah dijulung dan disebut-sebutkan semenjak 25 tahun yang lalu yang kita kenali yakni Wawasan 2020. Apabila Wawasan 2020 diperkenalkan ia menjadi harapan dan inspirasi setiap rakyat untuk bersama-sama menjadikan Malaysia sebuah negara maju dengan acuan sendiri. Wawasan 2020 telah menjadi titik tumpuan. Maka, segala dasar dan strategi negara telah menjurus dan dihalakan ke arah mencapai objektifnya.

Malang sekali pada hari ini tatkala kita mula mengorak langkah-langkah penuh yakin menghampiri tahun 2020 kedengaran pula suara yang mengapungkan kesangsian tentang kebolehan negara mencapai taraf negara maju iaitu hasrat dan objektif Wawasan 2020. Lebih malang ialah suara itu datangnya daripada pengasas Wawasan 2020 sendiri. Mengapakah ia mesti berlaku? Mengapa tiba-tiba segala-galanya begitu merudum, begitu negatif? Sedangkan Wawasan 2020 tetap segar menjadi agenda pencapaian negara.

Alangkah moleknnya kalau memberi kata-kata perangsang kepada kerajaan hari ini ataupun adakah ia hanya satu keluhan dan kerisauan tersasar untuk mengingatkan kerajaan hari ini supaya meneruskan Dasar Wawasan 2020 itu supaya legasinya itu jangan dipinggirkan dan tidak dilenyapkan. Amat jelas RMKe-11 tidak meminggirkan dan jauh sekali melenyapkan agenda Wawasan 2020. Sebaliknya ia meneruskan kesinambungannya dengan mengambil kira keadaan semasa serta mengikut acuan kepimpinan negara masa kini.

RMKe-11 mempunyai cabaran yang cukup hebat terutamanya dalam menterjemahkan strategi tumpuan pertamanya iaitu *inclusivity*. Strategi tumpuan ini sangat berketepatan sekali kerana cabaran strategi pertama Wawasan 2020 turut membawa pengertian *inclusivity* iaitu untuk mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, bekerjasama sepenuhnya secara adil dan di dokong oleh bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan pembentangan RMKe-11 telah menekankan bahawa untuk menjayakan strategi tumpuan *inclusivity* kerajaan akan berikhtiar bersungguh-sungguh agar tiada golongan rakyat yang akan tercicir daripada menikmati manfaat kemakmuran dan pembangunan negara. Beliau turut berkata bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan kedudukan geografi, tumpuan turut diberikan kepada semua kumpulan etnik, sub etnik dan kumpulan minoriti.

Memetik secebis ucapan RMKe-11 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata kita mahu mencapai satu bentuk kecapan kemakmuran dan kejayaan negara kepada seluruh rakyat di mana tidak ada mana-mana golongan pun yang akan berasa tercicir atau terpinggir. Senada itu, saya

menjunjung harapan segolongan rakyat Malaysia yang sudah lebih 30 tahun merasakan mereka telah dicitir dan dipinggirkan. Golongan rakyat ini menaruh harapan begitu besar agar kerajaan akan melebarkan jaring *inclusivity* ini untuk mencakupi mereka juga.

Golongan yang dimaksudkan adalah pelajar-pelajar rakyat Malaysia berkelulusan dengan *Unified Examination Certificate* (UEC). *Malaysia Qualification Agency* (MQA), dengan izin, pula sudah pun mengutarakan lebih 150 jenis kelayakan pembahagian peperiksaan daripada lebih 100 buah negara asing. Ini bermakna pelajar-pelajar luar negara boleh memohon untuk belajar di universiti awam atau swasta Malaysia menggunakan kelayakan masing-masing. Sebaliknya pula pelajar-pelajar warganegara kita sendiri yang memiliki kelayakan UEC satu kelayakan *homegrown* negara yang boleh digunakan untuk memohon memasuki universiti-universiti luar negara tidak pula diterima oleh universiti awam negara.

Kelayakan UEC juga telah disetarakan oleh MQA. Tambahan lagi universiti awam dibenarkan mengambil pelajar-pelajar luar negara pada kadar 5% daripada jumlah *enrolment*. Amat molek kalau golongan pelajar UEC juga boleh diambil pada kadar 5% tetapi 0.5%. Setiap tahun purata 5,000 orang atau 75% orang pelajar kelulusan UEC akan melanjutkan pengajian mereka ke peringkat universiti. Daripada jumlah tersebut 58% memasuki institusi pengajian tinggi swasta tempatan manakala baki 42% ke luar negara- 10 buah negara tumpuan adalah Taiwan lingkungan 1,300 orang setahun, Singapura (400), Australia (110), China (90), United Kingdom (60), Ireland (30), Hong Kong (30), Jepun (20), Amerika Syarikat (20) dan New Zealand (10).

#### ■1800

Jenis pengajian yang diceburi pula termasuk bidang-bidang sains dan teknologi, kejuruteraan, perubatan Barat dan perubatan tradisional Cina serta bidang sains sosial seperti perniagaan, perakaunan, ekonomi, perniagaan antarabangsa dan lain-lain. Kerajaan begitu bersungguh-sungguh mempromosikan dasar-dasar dan konsep seperti 1Malaysia, inklusiviti, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Wawasan 2020, *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) dan banyak lagi.

Semua yang disebutkan itu mempunyai pengertian semangat perubahan positif. Semangat perpaduan dan semangat kesaksamaan. Pada pengertian saya dan juga golongan rakyat yang terbabit membenarkan pelajar-pelajar lulusan UEC memohon memasuki universiti awam adalah inti pati kepada kesemua dasar dan konsep yang disebutkan tadi. RMKe-11 juga telah memberikan isyarat kepada golongan pelajar supaya memilih dan menceburi pendidikan yang berbentuk kemahiran dan vokasional. Maka itu kerajaan akan memperkasakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan antara lainnya memperuntukkan RM1 bilion pada Tabung Pembangunan Kemahiran.

Ini satu jumlah yang sangat besar. Peruntukan ini perlu diperincikan untuk lebih mudah difahami dan telus. Misalnya adakah ia untuk membina lebih infrastruktur seperti bangunan ataupun untuk peralatan, ataupun untuk membiayai kos latihan modal insan. Masih ramai termasuk golongan pemberi pendidikan tinggi yang masih keliru mengenai TVET. Mereka masih kurang faham apakah sebenarnya

yang kerajaan inginkan. Ini kerana tarif TVET adalah luas sekali maksudnya dan ia tidak terhad kepada bidang-bidang kejuruteraan dan teknologi sahaja.

Bidang-bidang dalam sains sosial, kewangan dan perniagaan juga boleh digolongkan sebagai pendidikan TVET kerana pelajar-pelajar jurusan ini melalui bentuk pendidikan yang lebih praktikal daripada akademik. Dalam pada itu, kerajaan juga perlu lebih spesifik berhubung nama-nama pekerjaan untuk memandu rakyat khususnya para pelajar tentang peluang pekerjaan yang menanti mereka. Misalnya apabila kerajaan mengutarakan negara memerlukan modal insan TVET, adakah ia bermaksud modal insan ini golongan lepasan peringkat diploma dan ke bawah ataupun masih merujuk kepada pelajar peringkat sarjana muda.

Apakah sebenarnya pekerjaan yang dimaksudkan dalam sektor-sektor yang dikenal pasti seperti minyak dan gas, kejuruteraan penerbangan, perkapalan serta automotif? Berikan contoh pekerjaan itu. Adakah ia jurutera, kapten kapal, juruterbang, pengimpal, mekanik dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 untuk Pendidikan Tinggi telah disebutkan antara strategi utama RMKe-11. Maka dalam mengamati PPPMPT ini khususnya yang menyentuh kepada aspirasi kualiti sistem pendidikan tinggi dua sistem rangking telah disebut akan menjadi sandaran negara.

Satu ialah universiti 21 dan satu lagi *QS World University Ranking*, dengan izin. Selain universiti 21 dan QS, terdapat banyak lagi jenis *ranking* termasuklah *Times Higher Education World University Ranking*, *Academic Ranking of World Universities* anjuran *Shanghai Jiao Tong University*, *World University Web Ranking*, *US News Ranking for the Top Universities in the World* dan sudah tentu banyak lagi kalau hendak disenaraikan. Dalam menentukan sistem *ranking* yang mana yang patut disertai, kerajaan perlu terus dan berani berhadapan dengan realiti terutamanya berhubung kedudukan dan keadaan sebenar tahap kesihatan universiti kita.

Kerajaan perlu menjauhi daripada mengambil sikap selektif imej *boosting exercise*, dengan izin, dalam pemaparan standard pendidikan tinggi kita. Saya sangat bersetuju dengan kenyataan PPPMPT bahawa merit sebenar sesebuah universiti bukanlah berdasarkan *ranking* semata-mata tetapi juga berdasarkan budaya pembangunan pengetahuannya serta keterperincian dan kedinamikan komuniti akademiknya. Kenyataan ini pula janganlah dijadikan isyarat bahawa universiti-universiti tempatan boleh menghiraukan perkembangan pendidikan tinggi dunia. Ini kerana PPPMPT turut menyatakan *ranking* bermanfaat untuk meningkatkan keterlihatan global IPT tempatan dan untuk meletakkan Malaysia di mata dunia sebagai hab antarabangsa pendidikan.

*Ranking* juga boleh meningkatkan peluang pekerjaan bagi graduan dan kesedaran orang ramai tentang keupayaan Malaysia dalam melahirkan ahli profesional. Komuniti akademi dunia sangat berbelah bahagi terhadap sistem *ranking* yang ada. Pun begitu majoriti besar mengiktiraf *ranking* oleh QS TIMES dan AWRU Shanghai Jiao Tong. Tiga *ranking* ini menjadi sandaran dan menjadi penanda aras mereka termasuklah para ibu bapa dan bakal pelajar universiti apabila membuat pertimbangan memilih universiti.

Dalam hal ini saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya mengambil sikap pragmatik membina juga TIMES atau AWRU *Shanghai University* sebagai sasaran.

Apatah lagi di negara kita sudah ada sistem klasifikasi universiti penyelidikan, universiti komprehensif dan universiti khas. Negara sudah berada di dalam landasan yang betul apabila mengenal pasti lima buah universiti awam sebagai universiti penyelidikan ataupun singkatannya RU. Ini adalah konsisten dengan dokongan komuniti akademik dunia yang meletakkan kekuatan penyelidikan sebagai wajar sesebuah universiti. Untuk itu kerajaan perlu realistik dalam menjurang antara lima buah universiti penyelidikan negara. Kerajaan hanya kerana mahu bersikap adil kepada kelima-lima buah RU, terpaksa melaksanakan pengagihan peruntukan untuk penyelidikan secara rata.

Mengakibatkan tiada mana RU yang boleh membuat lonjakan ketara dalam penyelidikan. Kerajaan wajar mengiktiraf bahawa dalam *ranking-ranking* dunia utama, Universiti Malaya sentiasa berada dalam senarai. UM juga sentiasa berada di tangga tinggi berbanding universiti awam yang lain. Secara logiknya ia boleh dirumuskan bahawa UM adalah *fellowship* universiti negara, dengan izin.

#### ■1810

Pendek kata negara sudah ada wakil *credible* yang mampu bersaing dengan universiti-universiti tersohor dunia yang lain. UM merupakan harapan terbaik negara untuk mengungguli dalam sistem ranking universiti dunia. Maka itu, UM perlu mendapat sokongan lebih padu daripada kerajaan...

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah, Yang Berhormat. Silakan, Yang Berhormat.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon cadangan daripada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat memohon untuk mendapat peruntukan bagi pihak Universiti Malaya sebagai wakil negara untuk menjadi *ranking* dunia? Terima kasih.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tujuan saya bukan itu. Tujuan saya ialah sebab kita selalu menghadapi kritikan daripada rakyat dan juga ibu bapa, daripada pengkritik akademik kata bahawa universiti kita tidak dapat *perform* dalam arena akademik. Jadi ini memang satu cara kita untuk *at least* kita membantu sebuah universiti supaya ia dapat mempertingkatkan mutu mereka supaya sekurang-kurangnya kita dapat sebuah universiti yang terbaik, mungkin yang *top 15* atau pun *even* sekurang-kurangnya *top 100*.

Oleh sebab sekarang kita tidak ada sebuah universiti pun dalam *top 100* di mana-mana ranking yang tadi saya sebut itu. Jadi itulah sebabnya mungkin kita mesti ada satu cara untuk mendapatkan maruah yang kita selalu impikan. Jadi lagi penting UM perlu mendapat sokongan lebih padu daripada kerajaan termasuklah mendapat lebih dana penyelidikan. Ini soal maruah negara dan standard pendidikan tinggi negara.

Rasa cemburu dan iri hati di antara IU harus diketepikan. Apabila UM sudah stabil dan kukuh keadaan keseluruhannya barulah kerajaan boleh mengalihkan tumpuan kepada sebuah lagi IU. Ini

hanyalah pendekatan yang berbeza sahaja. Maksudnya kita hendak membangunkan universiti tempatan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan rakyat yang sejati boleh menjamin kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara. Pelbagai program dan usaha telah dijalankan oleh kerajaan untuk memperkukuhkan lagi perpaduan kaum. Dalam hal ini, saya berpandangan perkhidmatan awam juga medan strategik untuk kerajaan memacu agenda perpaduan negara.

Malah perkhidmatan awam seharusnya menjadi contoh terunggul atau *epitome*, dengan izin, dalam aspek perpaduan dan menjadi pemangkin kepada perpaduan rakyat. Muka perkhidmatan awam atau *the face of the civil service*, dengan izin, hendaklah memaparkan wajah perpaduan sejati atau *true face of unity*, dengan izin. Dalam erti kata yang lain, muka perkhidmatan awam amat penting untuk merujuk penglibatan aktif anggota-anggotanya yang berbilang kaum, agama dan bangsa, bekerja dalam suasana penuh harmoni dan menunjukkan sikap saling faham memahami serta menerima sebaik-baiknya perbezaan yang wujud sesama sendiri.

Saya yakin dan percaya bahawa wajah perpaduan sejati yang diangkat oleh golongan dewasa yakni anggota-anggota perkhidmatan awam boleh mendorong dan memperkuat lagi semangat menjulang perpaduan di kalangan belia dan orang muda. Jentera perkhidmatan awam amat besar sekali dan mempunyai berbagai-bagai peringkat dan lapisan.

Dalam satu jawapan bertulis di Dewan Rakyat sehingga Disember 2014 terdapat seramai 1.6 juta orang penjawat awam di seluruh negara. Pecahan mengikut kaum pula adalah:

Jumlah (Peratus/ %)	Komposisi Kaum
78.8	Melayu
6.1	Bumiputera Sabah
4.8	Bumiputera Sarawak
5.2	Cina
4.1	India
0.7	Lain-lain

Komposisi kaum dalam perkhidmatan awam masih boleh diperbaiki lagi dalam usaha untuk mencorakkan semula muka perkhidmatan awam.

Justeru itu, saya menyeru agar kerajaan mengambil langkah kecil dengan menggerakkan proses memberi wajah baru bermula dengan lapisan barisan hadapan atau *frontliners*, dengan izin. Barisan hadapan yang saya maksudkan pula membabitkan perkhidmatan kaunter dan penguatkuasaan merentasi semua agensi kerajaan serta merangkumi berbagai-bagai gred dan skim perkhidmatan.

Lapisan perkhidmatan awam ini boleh dikira sebagai perkhidmatan berprofil tinggi kerana anggota-anggota lapisan ini berdepan dengan orang awam setiap hari. Sudah tentu ada beberapa buah agensi yang mungkin kurang sesuai dan boleh dikecualikan dalam cadangan ini. Contohnya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Agaknya masih banyak lagi, Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Berapa minit lagi?

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Berapa minit?

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** *Five minutes.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Sudah tentu ada beberapa buah agensi yang mungkin kurang sesuai dan boleh dikecualikan dalam cadangan ini. Contohnya yang mentadbir dan menguruskan hal ehwal agama Islam tentu sekali mungkin kurang sesuai untuk mereka yang bukan Islam. Sehubungan itu, kerajaan perlu ada dasar yang bersasar dalam menjayakan perkara ini. Dasar tersebut pula hendaklah berasaskan kepada semangat dan prinsip *affirmative action*, dengan izin, yang di antaranya menyarankan semua agensi kerajaan Persekutuan mahupun negeri melantik kaum bukan Melayu dan bumiputera untuk mengisi jawatan pelbagai gred gaji yang terlibat dengan perkhidmatan kaunter dan juga penguatkuasaan.

Komposisi keanggotaan yang berpadanan mengikut kaum Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak, Cina, India dan lain-lain dapat dilaksanakan. Diyakini bahawa penglibatan aktif dan secara langsung rakyat pelbagai kaum dalam perkhidmatan awam mampu membawa tujuan dua serampang dalam merangsang dan memperkukuhkan lagi perpaduan.

Tujuan pertama ialah perpaduan yang dapat disemai dan dipupuk dalam kalangan anggota-anggota perkhidmatan awam itu sendiri dan keduanya ialah perpaduan yang dapat disemai dan dipupuk di antara anggota kerajaan dengan orang ramai. Pada masa yang sama ia akan menunjukkan imej kerajaan yang *inclusive* sekali gus menangani dan mengekang persepsi negatif sebahagian besar rakyat kaum bukan Melayu dan bumiputera terhadap kerajaan.

Apabila dasar tersebut berjaya dilaksanakan, maka kaum bukan Melayu dan bumiputera akan mendapat peluang secara langsung dan terus menerus memahami dan menghayati perkhidmatan awam serta dasar-dasar yang dibawa untuk faedah rakyat. Lantas mereka boleh berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam perkhidmatan awam dengan kelompok kenalan masing-masing dan menjadikan perkhidmatan awam boleh difahami oleh lebih ramai lagi. Mereka juga akan berpeluang menyampaikan perkhidmatan rasmi kepada orang-orang berbeza kaum. Sekali gus mendorong inflasi antara kaum serta merasai cabaran melayan orang awam yang terdiri daripada berbilang kaum dan kehendak.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap cadangan dan pandangan saya akan mendapat perhatian dan pertimbangan sebaiknya oleh semua pihak. Ia banyak bersandarkan kepada konsep keterangkuman

atau *inclusivity* yang boleh mengukuhkan perpaduan dan menjulang kedamaian. Dengan itu saya menyokong pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B). Silakan.

■1820

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang pada masa yang singkat ini untuk saya juga turut membahaskan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Setelah mendengar daripada sahabat-sahabat Yang Berhormat semua dengan isu-isu yang dibangkitkan, jadi kita telah lihat Kerajaan Malaysia kini telah dengan satu rancangan lima tahun lagi iaitu rancangan mengikut Dasar Transformasi Negara menuju ke negara maju.

Saya hendak lihat di dalam dokumen yang telah pun ataupun persembahan telah pun diberi dalam Dewan Rakyat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri di Dewan Negara. Kita lihat ada satu kesungguhan. *That is*, dengan izin, *political will* oleh Kerajaan Malaysia untuk melonjak Malaysia menjadi sebuah negara maju. Akan tetapi apa yang mustahak di sini ialah fokusnya. Kita hendak tahu sama ada fokus yang dalam RMKe-11 itu adalah tepat atau tidak tepat untuk kita menuju ke atau menjadi negara maju.

Jadi saya lihat ia memfokuskan kepada kesejahteraan rakyat. Ini adalah satu fokus yang saya rasa adalah satu fokus yang tepat kerana rakyatlah, kerana kehadiran rakyatlah, maka kita pemimpin-pemimpin negara, kita wujud. Organisasi wujud kerana memberi khidmat kepada rakyat.

Jadi fokus ini tepat juga dengan fokus pembangunan negara dan juga untuk menjadikan negara bersepadu dan juga stabil. Jadi, apa yang mustahak kalau kita lihat dalam apa-apa sahaja rancangan ialah untuk melihat kepada keberhasilan, *the outcome*, dengan izin.

Apakah semua ini nampak cantik dalam dokumen, nampak cantik ditulis, nampak penuh teliti tetapi akhirnya nanti kita hendak ukur, pengukuran *resultnya*, dengan izin, iaitu keberhasilan adalah satu-satu yang sangat penting. Jadi, saya rasa resepi dasar yang betul ataupun *the right policy mix* seharusnya kita telah lihat dalam dokumen RMKe-11 ini. Juga kita lihat alat instrumen yang lengkap dan betul yang boleh menyokong rancangan dan juga implementasi RMKe-11. Bermakna kita kena ukur pelaksanaan yang berkesan.

Jadi, saya lihat, saya hendak unjurkan satu *quotation* daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pada 11 November 2013, dengan izin. *This is not simply a matter of economic justice. It is also of national stability, poverty and in equality have this stabilizing and corrosive effect on societies.* Jadi, dengan kata-kata itu, memanglah kalau tidak ada pembahagian kekayaan atau distributive economy, kita akan merasa sesuatu yang tidak seimbang atau *equilibrium*, maka kita kluatir akan terjadi beberapa perkara yang tidak dikehendaki. Jadi saya hendak terus kepada isu yang telah

dibangkitkan dalam RMKe-11 iaitu memperkukuh peluang komuniti ekonomi bumiputera untuk meningkatkan pemilihan kekayaan.

Jadi, saya lihat telah pun perkara ini bukan sahaja dalam RMKe-11, telah pun diwujudkan sejak Dasar Ekonomi Baru lagi. Apa yang penting kita lihat ada model yang telah pun diwujudkan oleh kerajaan iaitu model di mana Khazanah bersama GLC yang 20 GLC dalam negara ini telah memangkinkan untuk bumiputera diberi peluang dalam ekuiti ekonomi. Jadi saya hendak tanya kementerian ataupun Kementerian Kewangan, sama ada kita hendak memperkukuhkan model ini, model GLC yang memberi banyak peluang, banyak pekerjaan kepada golongan bumiputera dan juga kaum Melayu untuk diberi peluang-peluang untuk bersama-sama memajukan ekonomi di negara ini.

Yang kedua meningkatkan tahap kesihatan rakyat dan kualiti penjagaan kesihatan. Kita telah mendengar rancangan kerajaan untuk mendirikan beberapa buah hospital, meningkatkan usaha membina infrastruktur dan kemudahan kesihatan terutamanya di semua kawasan bandar yang berkepadatan yang tinggi, yang padat. Akan tetapi saya ingin juga memohon kepada yang berkenaan, Kementerian Kesihatan apabila membuat perancangan ini, saya hendak cadangkan supaya kita jangan juga lupa kepada golongan veteran Angkatan Tentera Malaysia dan polis kerana mereka telah banyak memberi sumbangan semasa berkhidmat. Mereka telah menggadaikan kudrat dan nyawa mereka untuk menjaga kedaulatan dan kestabilan negara Malaysia yang kita cintai.

Jadi, buat masa sekarang, di dalam Angkatan Tentera Malaysia kita ada tiga buah hospital Angkatan Tentera yang khusus untuk dia ada pengkhususan. Satu, hospital khusus untuk *underwater medicine*, dengan izin. Satu lagi untuk *specialist centre* dan ada untuk *aviation medicine*, dengan izin. Jadi, saya hendak mohon dari Kementerian Kesihatan supaya lihatlah untuk bukan sahaja meningkatkan kemudahan di hospital-hospital itu *especially* dalam menjaga kesihatan yang sedang berkhidmat dan juga yang menjadi veteran yang pernah berkhidmat di dalam atau beroperasi dalam era zaman komunis dahulu. Jadi kalau boleh kita inginkan tambah sebuah hospital lagi.

Menyediakan perumahan mampu milik yang mencukupi dan berkualiti. Ini memanglah satu-satunya kalau kita lihat daripada golongan ataupun kelompok veteran Angkatan Tentera Malaysia, ia menjadi satu isu yang sangat ketara, kritikal kerana mereka mempunyai satu terma perkhidmatan di mana dalam satu tahun hampir 4,000 tamat perkhidmatan dan mereka yang terutama tidak berpencen kerana mereka ada opsyen atau mereka tidak lagi layak untuk diteruskan perkhidmatan kerana dalam perkhidmatan tentera ini, mereka memerlukan seseorang itu tahap kesihatan, tahap *fitnessnya*, tahap sungguh tinggi termasuk kesihatan yang diukur BMI iaitu *base body mass index*. Kalau mereka tidak dalam golongan itu, mereka tidak dapat diteruskan perkhidmatan ke-15, ke-18 dan hingga ke-21 di mana seseorang itu akan tamat perkhidmatan..

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, waktu kita sekarang pukul 6.30 petang. Jadi saya rasa Yang Berhormat boleh sambung esoklah Yang Berhormat ya.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan kita ini ditangguhkan sehingga jam 10 hari Rabu, 24 Jun 2015.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.]***